

**Bil. 12**

**Khamis  
24 Mei 2007**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007	(Halaman 22)
Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) 2007	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Antipemerdagangan orang 2007	(Halaman 34)
Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007	(Halaman 56)
Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007	(Halaman 62)
Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007	(Halaman 75)
Rang Undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007	(Halaman 76)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan)(Pindaan) 2007	(Halaman 80)
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007	(Halaman 83)

### **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 22)
---	--------------

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – T.M di JPM
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kasim (Perlis) (LS)
22. “ Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan Loga Chitra a/p M. Govindasamy (Dilantik)
30. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – Menteri Di JPM
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawli (Kelantan)
35. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)

36. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - Menteri Kewangan Kedua (LS)
41. “ Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – SUP (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kamisah binti Sayuti  
Sarimah binti Amran  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Nurul Asma binti Zulkepli  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli  
Azmir bin Mohd Salleh  
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri  
Nurul Shahida binti Haji Ahmad  
Siti Khadijah binti Md Nor  
Nooruanizam binti Nasir  
Meraliti binti Mamat

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 24 Mei 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu, Dewan Negara ingin menghargai di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri Pelancongan, yang datang sendiri untuk menjawab soalan pada hari ini, terima kasih. Silakan Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir.

**1. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kekosongan bagi jawatan pakar fisioterapi yang masih belum terisi di hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia dan apakah tindakan kementerian untuk memastikan jawatan ini diisi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Musa. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 April 2007, terdapat seramai 11 orang pegawai pemulihan perubatan dan 382 orang jurupulih perubatan yang berkhidmat di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan, iaitu sebanyak 52.4% pengisian daripada 2,101 jawatan pegawai dan 78.6% pengisian daripada 486 jawatan jurupulih yang diwujudkan. Baki kekosongan jawatan sedang dalam tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan dijangka akan dapat diisi dalam jangka waktu yang terdekat ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berapa ramaikah rakyat Malaysia yang sedang menjalani latihan untuk pakar fisioterapi dalam dan di luar negara? Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan bilangan itu saya tidak ada angkanya pada masa sekarang. Kita akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat, tetapi kita memang ada menghantar jurupulih kita ke luar negara untuk mendapatkan latihan. Pada masa yang sama kita juga menggalakkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang kadang-kadang menjemput jurupulih ini dari luar negara untuk memberi latihan dan juga rawatan kepada penduduk-penduduk kita dan kerajaan juga sentiasa memberi sokongan kewangan kepada mereka untuk mengadakan aktiviti-aktiviti mereka. Sekian.

**2. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang senarai tuntutan bertindih antara Malaysia dengan negara-negara jirannya. Tuntutan bertindih yang manakah yang melibatkan ICJ dan setakat manakah peluang Malaysia memenangi kes-kes tuntutan bertindih itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang meminta Menteri Luar memberi penjelasan mengenai senarai tuntutan bertindih antara Malaysia dengan negara-negara jirannya dan tuntutan yang melibatkan ICJ.

Tuntutan bertindih merujuk kepada tuntutan zon maritim bertindih yang wujud akibat ketiadaan perjanjian sempadan maritim dua hala, misalnya antara Malaysia dan Brunei di Laut China Selatan dan antara Malaysia dan Indonesia di Laut Sulawesi. Juga

terdapat isu tuntutan maritim bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Malaysia dengan Vietnam, Filipina dan Brunei. Di samping itu wujud tuntutan bertindih yang melibatkan ciri-ciri geografi seperti pulau dan ini lebih kepada tuntutan kedaulatan atau dengan izin, *sovereignty claims*.

Isu-isu tuntutan bertindih dirundingkan secara dua hala berdasarkan undang-undang antarabangsa atau melalui usaha diplomasi bagi mencari penyelesaian. Apabila tuntutan bertindih sukar diselesaikan melalui rundingan, maka rujukan kepada pihak ketiga merupakan opsyen ataupun pilihan bagi kita mencari penyelesaian. Setakat ini dua tuntutan bertindih telah dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) iaitu tuntutan Indonesia ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan dan tuntutan Singapura ke atas Pulau Batu Putih, *Middle Rocks* dan *South Ledge*.

Bagi tuntutan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia telah bersetuju membawa pertikaian tersebut untuk diselesaikan di ICJ. Pada 17 Disember 2002, ICJ telah memutuskan bahawa kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan adalah milik Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Pulau Batu Putih, *Middle Rocks* dan *South Ledge* pula, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura telah menamatkan proses penyerahan hujah bertulis atau *return pleading* kepada ICJ iaitu penyerahan memorial pada 25 Mac 2004, memorial balas pada 25 Januari 2005 dan jawapan balas pada 25 November 2005. Peringkat seterusnya adalah perbicaraan atau *oral hearing* di ICJ yang dijadualkan akan berlangsung pada 6 hingga 23 November 2007, iaitu akhir tahun ini.

Seperti mana-mana prosiding mahkamah, pihak-pihak yang terlibat tidak boleh mengutarakan spekulasi berhubung keputusan prosiding mahkamah berkenaan. Begitu juga bagi ICJ, malah hujah bertulis yang telah dikemukakan adalah bertaraf sulit sehingga disiarkan oleh ICJ pada atau selepas permulaan perbicaraan kes. Walau bagaimanapun, perlu saya tegaskan di sini, bahawa agensi-agensi kerajaan yang terlibat sedang giat meneruskan kerja-kerja memantapkan kes Malaysia serta persediaan bagi menghadapi perbicaraan di ICJ kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara berdaulat yang mementingkan kedaulatan dan keutuhan wilayah kita, Kerajaan Malaysia sentiasa peka kepada isu-isu yang melibatkan tuntutan ke atas wilayah Malaysia serta pertikaian yang menggugat kepentingan negara. Usaha-usaha sentiasa dilaksanakan demi menegakkan kedaulatan dan kepentingan negara ke atas wilayah dan zon maritimnya.

■1010

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Mohd Puad, Datuk Rashid dan Datuk Jins Shamsudin.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kepentingan dari segi ekonomi di kawasan-kawasan yang berlaku tuntutan bertindih itu dan apakah kerana faktor minyak, emas ataupun banyak ikan duyang dan jika sekiranya Singapura bersedia untuk berunding dengan kita, selesaikan di luar mahkamah iaitu berkongsi hasilnya apakah kerajaan kita bersedia untuk menunaikannya.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Sukar untuk kita membuat satu tanggapan umum apakah tuntutan bertindih semata-mata kerana soal yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi. Sebagaimana yang telah disebutkan tadi benar, sekiranya soal tuntutan yang melibatkan kawasan-kawasan di Laut China Selatan, ada dikaitkan dengan ekonomi. Begitu juga di Laut Sulawesi dan sebagainya tetapi di antara Malaysia dan Singapura, tuntutan itu bukan sekadar ekonomi apalah dari segi Pulau Batu Putih dari segi minyaknya ataupun emas dan sebagainya tetapi ia melibatkan tentang soal persempadanan yang akan melibatkan implikasi-implikasi lain selepas ini.

Dari segi apakah kita boleh berunding, sebenarnya perundingan telah dibuat beberapa kali tetapi akhirnya perundingan tidak dapat mencapai satu keputusan yang boleh dipersetujui bersama. Sebab itulah kita akhirnya memikirkan bahawa ICJ adalah suatu tempat yang boleh kita anggap sebagai cara untuk menyelesaikan konflik yang ada ataupun bukan konflik tetapi kita rasakan perbezaan yang ada dari segi pentakrifan kita tentang persempadanan dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi negara-negara jiran dalam hal ini negara-negara dalam ASEAN, pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah lebih baik kita merujuk kes pertikaian ini kepada ICJ atau lebih baik dirujuk kepada suatu jawatankuasa dalam ASEAN yang dipanggil *Council of Ministers* dan dalam ini mana yang lebih baik kepada Malaysia ini.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan yang diberikan. Benar, kalau boleh sekiranya kita dapat menyelesaikan masalah sesama kita, itulah yang terbaik tetapi ada kalanya kita tidak dapat berbuat demikian.

Ada perkara-perkara yang boleh kita selesaikan, misalnya tentang isu Kepulauan Spratlys ataupun di Laut China Selatan. Satu peringkat dahulu, Negara China yang menganggap bahawa seluruh kepulauan tersebut adalah milik mereka. Mereka telah menghantarkan tentera lautnya tetapi dengan kebijaksanaan antara kepimpinan Negara China dan juga kepimpinan negara-negara ASEAN maka dalam tahun 2002 kita telah membuat suatu deklarasi yang kita namakan sebagai *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* tentang apakah yang patut kita lakukan supaya tidak ada lagi ketegangan yang berunsurkan ketenteraan di sana dan harus diselesaikan segala masalah melalui meja perundingan. Itu kita berjaya di peringkat ASEAN.

Sekarang ini misalnya selepas kes Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, ICJ memutuskan bahawa kedaulatan terhadap kedua-dua buah pulau itu adalah milik Malaysia. Malaysia mengambil satu sikap yang begitu baik sekali dan kedua-dua negara begitu baik sekali bahawa ini bukan soal perang yang tidak perlu disorakkan ataupun kalau kalah tidak perlu disedihkan secara keterlaluan.

Akibatnya selepas kedua-dua buah pulau itu telah diputuskan kedaulatannya berada di pihak Malaysia, perbincangan seterusnya daripada situ ke mana sempadannya maka dilibatkan tentang siapakah yang berhak untuk membuat eksplorasi minyak misalnya. Dia menimbulkan sedikit pergeseran di sini tetapi kita putuskan ia perlu diputuskan secara perundingan.

Semenjak tahun 2005 misalnya, perundingan mengenai isu Laut Sulawesi telah berjalan sebanyak 10 kali. Ertinya kita tidak penat dan tidak letih untuk berunding dan berunding dan berunding. Sehingga sekarang 10 kali dan bulan depan kali yang ke-11. Inilah semangat ASEAN yang telah kita tunjukkan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya berpendapat, ini adalah soal maruah negara. Soalan tambahan saya ialah sementara menanti keputusan ICJ, siapakah yang berhak mentadbirkan ke atas tuntutan-tuntutan bertindih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Setakat ini kita menganggap bahawa tidak perlulah kita timbulkan ketegangan di atas kawasan-kawasan yang dipertikaikan tadi sehingga kita tunggu keputusan ICJ pun sudah tidak lama lagi. Kalau kita kata oleh kerana kita rasa tidak senang, maka perlu hantar tentera atau pun menghalau sesiapa di sini ia mungkin akan menimbulkan ketegangan yang boleh memberi implikasi yang tidak baik bukan sahaja hubungan dua hala di antara kita dengan negara jiran tetapi memberi kesan yang lain dari segi ekonomi, perdagangan, hubungan persaudaraan, sahabat dan sebagainya.

Sebab itulah kita percaya dalam sistem sekarang ini bahawa kita tidak ada apa yang disebutkan *siege mentality*, rasa terkepung sehinggakan satu isu yang berkaitan dengan pulau kita rasa takut, tergugat dan ingin menimbulkan ketegangan. Sebab itulah kita katakan apa yang ada sekarang diteruskan sehingga satu keputusan dibuat di peringkat Mahkamah Antarabangsa. Terima kasih.

**3. Tuan M. Munusamy** minta Menteri Pelancongan menyatakan berapakah promosi bagi Tahun Melawat Malaysia 2007 yang telah diadakan dan berapakah kos yang terlibat dalam promosi ini.

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan bagi mencapai hasrat ini promosi serta pemasaran pelancongan telah dan akan terus diadakan secara agresif dan besar-besaran.



Kempen ini juga bertujuan meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia serta menggalakkan pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih di Malaysia. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan pelancongan tempatan dan menerapkan nilai-nilai melancong secara lebih terancang. Pelancaran kempen ini juga sempena dengan 50 tahun kemerdekaan Malaysia.

Kementerian Pelancongan menyasarkan 20.1 juta pelancong asing akan melawat ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan berdasarkan jumlah ketibaan tersebut, pertukaran wang asing yang bakal diperoleh daripada industri pelancongan adalah dianggarkan berjumlah RM44.5 bilion.

Sepanjang tahun 2006, Kementerian Pelancongan telah menyertai dan melaksanakan sebanyak 67 acara promosi keluar negara bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 25 acara adalah merupakan penyertaan di pameran-pameran antarabangsa, 13 acara misi-misi galakan pelancongan ke pasaran-pasaran yang terpilih manakala 20 acara promosi makanan dan kebudayaan.

Bagi promosi di peringkat domestik pula, sebanyak 53 acara promosi dijalankan sepanjang tahun 2006 yang terdiri daripada acara Citra Warna, Cuti-cuti Malaysia *Travel Fair* dengan izin Pameran jualan di *MATTA Fair* dengan izin, program galakan pameran, program galakan pelajar dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan telah diperuntukkan sebanyak RM330 juta bagi tahun 2006 dan RM335 juta bagi tahun 2007 untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007 secara besar-besaran. Selain daripada usaha-usaha promosi dan galakan pelancongan di luar negara, sebahagian besar daripada peruntukan tersebut dibelanjakan menerusi kempen pengiklanan di 11 segmen pasaran.

Segmen-segmen pasaran yang dimaksudkan ialah pasaran Asia Timur, Asia Utara, Asia Barat, Asia Selatan, ASEAN, Amerika Utara, Eropah, Oceania serta termasuk pasaran domestik, MICE ataupun dengan izin *Meeting, Incentive, Convention, Exhibition* dan pengiklanan acara-acara khas. Kempen pengiklanan tersebut adalah meliputi media elektronik, media cetak, pengiklanan luaran, pengiklanan *on line* dan pengiklanan taktikal.

#### ■1020

Tema dengan izin, Malaysia *Truly Asia* akan terus dimanfaatkan sebagai jenama Malaysia yang unik dan dikenali di persada arena antarabangsa. Di samping itu, Kementerian Pelancongan juga giat menganjurkan program lawatan suai kenal dengan izin Mega *Familiarization Tour* kepada para pengusaha pelancongan dan wakil media asing untuk memberi liputan dan publisiti yang meluas mengenai produk-produk pelancongan dan acara-acara yang dianjurkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan pelaksanaan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 ini, Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan meningkatkan lagi usaha-usaha promosi pelancongan yang agresif dari semasa ke semasa bagi menggalakkan dan meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia sekali gus meningkatkan jumlah pendapatan negara. '*The Time is Now, the Place is Malaysia*', '*Malaysia Truly Asia*', '*Malaysia Welcomes the World*', '*Malaysia the Heart of Southeast Asia*'. *Thank you*, dengan izin. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan M. Munusamy, Puan Siw Chun dan Datuk Wira Syed Ali.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah atas beberapa usaha yang telah diambil untuk menggalakkan pelancong-pelancong asing dan juga pelancong-pelancong daripada tempatan. Soalan tambahan saya adalah semenjak tahun ini, mungkin dalam empat bulan lalu, berapa ramai pelancong telah melawat negara ini? Saya difahamkan bahawa kita telah *target* pelancong-pelancong dari *Middle East* (Timur Tengah). Adakah respon daripada mereka menggalakkan? Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 10 Mei 2007, kita telah menerima 8.9 juta pelancong asing ke dalam negara. [Tepuk]

Soalan kedua Yang Berhormat berkenaan dengan pelancong-pelancong dari negara-negara Arab. Kita telah sasarkan 300,000 kehadiran pelancong dari negara Arab. Ini merupakan peningkatan sebanyak lebih kurang 65% berbanding dengan kehadiran mereka pada tahun 2006. Saya berkeyakinan bahawa jumlah ini akan dapat kami capai. Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri memang 'cun' pun. Soalan tambahan saya, bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2007, apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan di semua pintu masuk Malaysia dan tahap keberkesannya? Sejauh manakah keberkesanan pesta pelancongan Cuti-cuti Malaysia 2007? Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan soalan. Kita ada sedikit masalah khususnya kedatangan pelancong dari negara Selatan Thai. Pada waktu ini, kita juga ada satu sukan antara daerah-daerah Selatan Thai bersama dengan negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia. Ini adalah usaha kita memberitahu kepada kedua-dua pihak bahawa di negara kita, kita memang menggalakkan khususnya pelancongan seperti Yang Berhormat tadi dengan izin, *the border crossing activities*. Kita sedang berusaha sedaya-upaya supaya pelancongan khususnya daripada *connectivity* dengan izin, secara darat juga digalakkan. Program Cuti-cuti Malaysia yang kita laksanakan khususnya bagi tahun 2006 daripada statistik yang telah kita terima, lebih daripada 39 juta *roomnights* dengan izin telah digunakan oleh pelancong dalam negara.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan di atas kejayaan mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007. Soalan tambahan saya, saya ingin bertanya kalau dibandingkan dengan kehadiran pelancong pada tahun April 2006 dan 2007, apakah peningkatan yang terdapat di antara April 2006 dan April 2007? Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang ingin tahu jumlah kehadiran antara bulan April 2006 dan April 2007. Setakat yang kita dapat maklum, seperti yang saya sebutkan tadi daripada bulan Januari 2007 hingga 10 Mei 2007, kita telah capai 8.9 juta kehadiran pelancong. Purata peningkatan yang kita capai pada hari ini ialah lebih daripada 25% berbanding dengan kehadiran pada tahun 2006.

4. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan setakat ini berapa banyak syarikat pengeluar makanan yang beroperasi tanpa loji rawatan yang telah didakwa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kerana didapati melepaskan *effluent* (sisa buangan) perindustrian melebihi had yang ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2006 sebanyak empat syarikat berasaskan makanan telah melepaskan *effluent* yang tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan dan telah dikenakan tindakan mahkamah di bawah seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan telah didenda sebanyak RM90 ribu. Terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah Kementerian bercadang hendak adakan undang-undang untuk *repeat offenders* dengan izin ataupun mereka yang berulang kali membuat kesalahan alam sekitar dan dapat diambil tindakan dengan lebih tegas lagi?

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sememangnya kita dapat kesan ada banyak kes yang dilakukan oleh penjenayah alam sekitar yang berulang kali membuat kesalahan. Sememangnya dalam undang-undang kita sekarang ini memang tidak ada *Repeat Offenders Act* dengan izin, di mana kita lihat seperti di dalam pengawalan pencemaran dan sebagainya, ianya perlu satu tindakan yang lebih tegas. Oleh itu kita di dalam menggubal semula Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini dan akan memasukkan penjara mandatori. Saya rasa yang *repeat offenders* seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi akan kita pertimbangkan. Terima kasih.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah syarikat-syarikat pengeluar makanan yang telah didakwa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana didapati melepaskan sisa buangan perindustrian melebihi had yang ditetapkan, menyediakan loji rawatan sebelum dibenarkan beroperasi semula. Terima kasih.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Cara kita membuat kawalan ialah yang pertama sekali, kilang-kilang ini hendaklah berdaftar dahulu dengan PBT (pihak berkuasa tempatan) dan sebagainya supaya kita dapat tahu di mana mereka beroperasi tetapi banyak juga kilang ini yang tidak daftar langsung, maksudnya beroperasi secara haram dan kita pun tidak tahu di mana kecuali apabila kita mendapat laporan daripada orang awam dan sebagainya tetapi apabila mereka ini tidak berdaftar di mana-mana pun, masalah kita ialah kita hendak saman siapa?

Dia tidak ada lesen pendaftaran pun. Jadi yang paling tinggi kita boleh buat, kita hendak sita premis pun tidak di bawah kawalan kita sebab mereka ini tidak berdaftar. Jadi ini adalah salah satu masalah.

■ 1030

Bagi kilang-kilang yang berdaftar, kita akan membuat rondaan dari semasa ke semasa. Dalam undang-undang kita empat kali setahun kita kena ronda kilang-kilang yang mengeluarkan *effluent* tersebut dan apabila kita dapat mereka tidak mematuhi kita akan bagi notis. Arahan kepada mereka supaya mereka mengadakan *grease trap* dan sebagainya dalam masa tertentu. Kebiasaannya tujuh hari, 14 hari ataupun 30 hari. Selepas daripada tarikh tersebut, kita akan pergi balik, kita akan siasat sekiranya mereka tidak mempuinya, kita akan teruskan saman dahulu. Apabila mereka tidak *confirm* juga dengan saman yang kita keluarkan itu, kompaun dan sebagainya, dia bayar kompaun. Jadi kena sediakan benda itu, kalau dia tidak ada juga baru kita bawa kes ini kepada mahkamah. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah kebanyakan syarikat-syarikat yang mencemarkan alam sekitar ini menjadikan sungai sebagai mangsa mereka. Maka pertanyaan tambahan saya ialah seperti mana kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, undang-undang ada tetapi pegawai tidak turun ke bawah sebab itu tidak ada penguatkuasaan. Jadi tidakkah kementerian bercadang mewujudkan apa yang dipanggil sebagai renjer sungai dan beri kerjasama dengan media elektronik. Biar mereka ini dedahkan supaya pegawai-pegawai ini nampak tempat-tempat yang dicemarkan oleh syarikat-syarikat ini.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita tengok daripada *collection* ataupun pengumpulan *solid waste*, sampah-sampah yang kita panggil yang bukan *toxic waste*. Sebenarnya kebanyakannya adalah daripada kita sendiri, bukannya kilang. Umpamanya di Sungai Klang, kita ada beberapa *log boom*. Di Kuala Sungai Klang itu, JPS yang dipertanggungjawabkan angkat sampah ini mengangkat 200 tan sehari, *solid waste*. Ini bukan dari kilang-kilang. Ia daripada majlis-majlis perbandaran tempatan, daripada orang ramai, daripada kawasan perumahan dan daripada kita sendiri.

Jadi yang perlunya, kita juga sebenarnya. Kalau kita hendak jaga setiap inci negara kita dari pencemaran alam sekitar, memang tidak akan terjaga. Saya jamin tidak akan terjaga. Tugas untuk menjaga alam sekitar ini bukannya tugas kerajaan sahaja. Kita semua perlu menjaga alam sekitar kita. Jadi, kerajaan cuba bantu dari segi buat promosi dan sebagainya. Kita memang, dari segi *proactive measure* yang kita buat di peringkat kementerian, insya-Allah kita tambahkan renjer-renjer kita, kita tambahkan penguatkuasaan kita. JPS juga mencadangkan penjagaan sungai secara bersepadu, iaitu lembangan sungai-sungai dan sebagainya, tetapi yang pentingnya kita sendiri sebagai rakyat harus menjadikan sungai-sungai itu sebahagian daripada tempat kita, bukannya tong sampah yang paling besar dalam dunia. Terima kasih.

**5. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh mana peranan BERNAMA TV selaku media rasmi negara yang agak ketinggalan dari aspek pemberitaan berbanding berita stesen televisyen lain di negara ini.

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini. BERNAMA TV bukanlah saluran TV seperti stesen-stesen TV yang lain. BERNAMA TV merupakan sebuah bahagian audio visual yang membekalkan berita-berita secara audio dan visual kepada saluran-saluran TV yang lain. Tanggapan bahasa BERNAMA TV agak ketinggalan dari aspek pemberitaan berbanding berita stesen TV yang lain di negara ini tidaklah begitu tepat. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, walaupun BERNAMA TV masih berusia muda, ramai daripada kakitangan terasnya mempunyai latar belakang penerbitan berita TV. Mereka adalah bekas kakitangan stesen-stesen TV di negara ini dan mereka membawa bagasi pengalaman mereka dengan kemahiran yang pelbagai ke BERNAMA TV.

Dari segi pengumpulan bahan berita, BERNAMA TV mempunyai rangkaian jurukamera di semua ibu negeri di negara ini. Jurukamera-jurukamera ini pula bekerja rapat dan mendapat sokongan kuat dari wartawan-wartawan dan pejabat-pejabat biro BERNAMA di setiap negeri. Di ibu pejabat pula, bilik berita BERNAMA TV mempunyai peralatan dan kemudahan penerbitan termasuk studio yang setanding dengan bilik-bilik berita stesen-stesen yang lain malah merupakan studio berita pertama yang telah didigitalkan. Sebagai gambaran tentang kemampuan BERNAMA TV, krew BERNAMA TV adalah yang pertama tiba di Aceh, tempat asal Menteri Pelancongan untuk membuat liputan peristiwa tsunami. Sebelum itu, sewaktu berlakunya peristiwa keganasan yang berlaku di Jolo, Selatan Filipina pada tahun 2000, hanya krew BERNAMA TV sahaja yang berjaya membuat liputan.

BERNAMA TV juga tidak ketinggalan membuat liputan peristiwa gempa bumi di Bam, Iran dan di Pakistan. BERNAMA TV pada masa ini menerbitkan buletin berita dalam empat bahasa yang disiarkan secara langsung pada saluran-saluran ASTRO. Buletin-buletin 30 minit ini diterbitkan dalam bahasa Inggeris untuk saluran Prima pada jam 7.30 malam, Buletin Bahasa Tamil untuk saluran Vaanavil pada jam 8.00 malam. Buletin Bahasa Malaysia untuk saluran Ria pada jam 8.30 malam dan Buletin Bahasa Mandarin untuk saluran AEC pada jam 11.00 malam. Ertinya, siaran selama 20 minit atau dua jam setiap hari yang dibuat melalui saluran-saluran ASTRO ini telah dapat mencakupi liputan kira-kira 3 juta ke penonton.

Sejak penerbitan Berita BERNAMA yang dimulakan pada 14 April tahun ini, ia mendapat sambutan penonton yang amat memberangsangkan. Sebelum ini, semua buletin ini diterbitkan oleh ASTRO sendiri dan dikenali sebagai Berita ASTRO. Selain menerbitkan buletin sendiri, BERNAMA TV juga bekerjasama rapat dengan RTM dengan membekalkan pakej bahan visual setiap hari. Selain daripada itu BERNAMA TV juga membekalkan secara *ad hoc* dengan izin bahan-bahan visual yang dipohon oleh stesen TV swasta di negara ini dan juga kepada agensi berita televisyen antarabangsa seperti Reuters dan APTN.

Dalam melaksanakan tugasnya, BERNAMA TV mendapat sokongan kuat dari badan induknya sendiri iaitu BERNAMA. BERNAMA merupakan pembekal berita yang telah beroperasi selama 40 tahun dan oleh itu mempunyai banyak kepakaran dan pengalaman dalam aspek pemberitaan. BERNAMA juga diiktiraf di rantau ini sebagai agensi berita yang berwibawa. BERNAMA TV dibekalkan bahan berita dari dan oleh BERNAMA malah banyak stesen TV, radio dan media cetak dibekalkan bahan berita oleh BERNAMA dan ada media yang pergantungan mereka kepada BERNAMA adalah tinggi seperti akhbar-akhbar di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, tidakkah pihak BERNAMA bercadang untuk menempatkan lebih ramai wartawan-wartawan tetap di bandar-bandar utama di dunia ini bagi memastikan segala isu dan pergolakan yang berlaku dapat dipaparkan dengan fakta yang sebenarnya?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kerjasama dengan agensi-agensinya di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, kita mempunyai seramai 13 *correspondence* di bandar-bandar utama di luar negara dan insya-Allah dari semasa ke semasa kita akan menambahkan jumlah kakitangan berkenaan. Walau bagaimanapun kerjasama dengan agensi-agensinya di peringkat antarabangsa menyebabkan mutu dan bahan berita yang diperolehi oleh BERNAMA sama piawaiannya, mutunya dengan lain-lain bahan berita yang diperolehi daripada stesen-stesen di peringkat antarabangsa.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah kementerian bercadang membuat BERNAMA TV ini dijadikan suatu *news network* 24 jam yang melaporkan dan menyampaikan berita negeri-negeri yang terkini, tepat dan mutakhir sesuai dengan slogan RTM sendiri? Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, RTM dan BERNAMA berbeza walaupun di bawah sebuah kementerian. BERNAMA TV sebagaimana saya lontarkan tadi bukanlah sebuah stesen TV, tetapi hasrat untuk menjadikan BERNAMA TV sebagai sebuah stesen TV mutlak sedang dalam perjalanan.

■1040

Walaupun perjalanannya agak jauh, kita akan bekerjasama dengan lain-lain kementerian untuk memperoleh bahan dan juga bertujuan untuk mempromosi seperti kita telah mengadakan perundingan dengan Kementerian Pelancongan untuk menjadikan BERNAMA TV sebagai salah satu saluran untuk mempromosikan produk-produk pelancongan yang ada di negara kita. Di samping itu kita juga akan memuatkan dengan izin, *lifestyle material* atau bahan-bahan gaya hidup rakyat Malaysia dan juga berita-berita perniagaan, berita semasa dan berita-berita yang ada kaitan dengan negara kita. Walau bagaimanapun, perjalanan yang jauh ini harus dirancang daripada sekarang kerana perjalanan seribu batu itu mustahil akan sampai kalau tidak dimulakan dengan langkah pertama.

**Puan Mumtaz bin Md Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya mohon untuk mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar dan guru-guru daripada Sekolah Kebangsaan Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan ke Dewan Negara. *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya, apakah sumber pemberitaan utama yang wajib diambil oleh BERNAMA TV dalam aspek pemberitaan di negara kita dan apakah kemajuan Malaysia sebagai pusat maklumat pemberitaan Islam dunia seperti yang direncanakan sebelum ini?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sumber utama ialah peristiwa, sumber utama juga adalah bahan berita, sumber utama juga adalah sesuatu *event*, dengan izin, yang berlaku. Itulah sumber utama. Manakala ahli-ahli profesional yang mengambil berita itu terdiri sama ada kepada koresponden yang dilantik secara tetap ataupun *stringer*, dengan izin, ataupun kita memperoleh bahan-bahan daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, tidak seperti di Kelantan ada sesetengah sumber yang tidak dipercayai.

Walaupun bagaimanapun, di peringkat pemberitaan bahan-bahan daripada agensi-agensis pemberitaan Islam, kita bekerjasama dengan beberapa agensi berita seperti IRNA, berita dari HIZBO dan lain-lain negara Islam, sesuai dengan semangat kita yang menganggotai negara OIC. Oleh yang demikian, pemberitaan-pemberitaan yang diperoleh adalah pemberitaan yang diasaskan kepada agensi-agensis berita di negara-negara Islam yang berkenaan.

Oleh yang demikian, Malaysia telah dipilih sebagai sebuah negara untuk melatih wartawan-wartawan dan menjadi pusat latihan pemberitaan seluruh negara Islam dan kita menjadikan IFTA dan juga IBC, dengan izin, International Broadcasting Center sebagai pusat latihan untuk wartawan negara-negara Islam, khususnya di dalam bidang penyiaran.

**6. Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah bagi mengawal aktiviti penyeludupan dan kemasukan pendatang asing terutama dari pintu Thailand serta keberkesannya.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Azian. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sangat mengambil berat terhadap keselamatan negara di kawasan-kawasan sempadan negara termasuklah di sempadan Malaysia-Thai. Sejak tahun 1980-an, PDRM telah menempatkan dua batalion Pasukan Gerak Am ataupun PGA yang dipertanggungjawab untuk bertugas mengawal kawasan sempadan Malaysia-Thai pada satu-satu masa secara bergilir.

Kawalan di sempadan oleh PGA ini telah dilaksanakan PGA Briged Utara bagi sempadan Kedah-Perlis dan Thailand, manakala sempadan Kelantan ialah Briged Timur.

Penempatan pasukan PGA ini selaras dengan peranan aktif PDRM di dalam Ops Wawasan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan oleh pasukan PGA ini meliputi tugas-tugas rondaan kawasan sempadan serta menempatkan anggota pasukan di pos-pos kawalan di sepanjang pagar sempadan. Hasil daripada operasi pengurusan sempadan yang telah dan sedang dilaksanakan tersebut, pasukan PGA telah berjaya menumpaskan banyak cubaan menyeludup masuk pendatang-pendatang tanpa izin serta rampasan barang-barang yang diseludup ke negara ini.

Di samping itu juga kita ada pasukan lain yang mengawal iaitu yang telah ditempatkan sejak tahun 1976 iaitu Pasukan Anti Penyeludupan atau UPP yang dianggotai pada ketika itu oleh LPN, Imigresen, Polis dan Kastam. Walau bagaimanapun, sekarang ini hanya tinggal tiga iaitu Imigresen, Polis dan Kastam dan keanggotaannya ialah seramai 680 orang.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerjasama yang diberikan oleh pihak berkuasa negara-negara jiran dalam usaha mencegah ataupun membanteras segala bentuk kegiatan penyeludupan? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Mengenai kerjasama antara sempadan memanglah kita ada sumber hubungan yang baik antara Malaysia dengan Thailand dalam aspek di utara. Kita ada kita punya *border committee* yang selalu bermesyuarat pada masa-masa yang ditentukan, berbincang mengenai masalah-masalah yang kita hadapi di sempadan selain daripada masalah penyeludupan, ada juga masalah sempadan iaitu seperti di antara Malaysia dengan Indonesia yang selalu kita adakan dari semasa ke semasa. Okey, itu sahaja.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, oleh kerana kita selalu menerima keluhan rakyat tentang rasuah di peringkat perbatasan, tidakkah kerajaan berniat untuk membuat penukaran petugas-petugas secara kerap, supaya mengelakkan keselesaan, kelalaian dan juga mengelakkan penglibatan pegawai-pegawai dengan aktiviti-aktiviti rasuah yang mungkin boleh menurunkan imej pihak keselamatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini ada terkeluar sedikit daripada soalan asal.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Ya, memang soalan ini terkeluar. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, PGA ini yang ditempatkan di sempadan, dia ditempatkan di situ selama sebulan dan tiap-tiap kali sebulan, tiap-tiap platun itu ditukarkan. Memang kita ada giliran, bergilir-gilir iaitu untuk PGA sahaja kerana di sempadan itu ia melibatkan agensi-agensi lain iaitu Kastam, Imigresen, kita ada lagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan sebagainya, banyak agensi lain. Jadi saya rasa itu melibatkan agensi-agensi lainlah tetapi bagi PGA, ia ditempatkan hanya sebulan dan ditukarkan.

7. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah sekolah kebangsaan yang telah memulakan pengajaran Bahasa Mandarin pada tahun 2007 dan berapakah jumlah guru yang telah dan sedang dilatih dalam bahasa berkenaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia akan terus berusaha untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Pelbagai perancangan dan strategi telah dan akan dilaksanakan supaya sekolah kebangsaan menjadi pilihan ramai. Salah satu usaha kerajaan adalah menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang dijalankan secara rintis mulai tahun 2007 dan akan diperluaskan secara berperingkat mulai tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi penawaran mata pelajaran Bahasa Cina buat masa ini, 100 buah sekolah yang menggunakan Model 1 dan 2, telah melaksanakan program rintis tersebut, manakala 50 buah sekolah lagi yang melaksanakan Model 3 masih menunggu kelulusan Kerajaan Pusat untuk pembayaran elaun guru-guru

yang terlibat. Hari ini memandangkan pengajaran bahasa Cina yang menggunakan Model 3, sekolah dua sesi melibatkan sesi pengajaran bahasa Cina tersebut pada hari Sabtu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru yang mengajar bahasa Cina di sekolah kebangsaan ini telah dikenal pasti dan mencukupi. Kementerian Pelajaran melalui Bahagian Pendidikan Guru sedang melatih seramai 277 orang guru KPLI sekolah rendah dalam bidang bahasa Cina untuk mengajar di sekolah kebangsaan. Terima kasih.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, baru-baru ini Menteri Pelajaran melawat ke negeri China, adakah salah satu objektif lawatan ini untuk mempelawa guru-guru terlatih dari negara tersebut? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini pun Menteri Pelajaran sedang berada di China dan usaha lawatan beliau kita melihat bukan sahaja dari segi pendidikan tetapi juga dalam bidang sukan. Saya percaya ada beberapa agenda dan isu mengenai pendidikan ini sedang dibincangkan, saya ingat kita kena tunggu Menteri Pelajaran balik untuk buat *announcement* apa-apa perkara yang dibincangkan sekarang ini di China. Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah sambutan pengajaran Bahasa Mandarin ini kepada murid-murid Melayu? Adakah ia menggalakkan? Kalau tidak, bagaimanakah cara untuk murid-murid Melayu ini berminat?

■ 1050

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa sambutan daripada pelajar-pelajar Melayu di sekolah kebangsaan untuk mempelajari bahasa Cina ini amat menggalakkan dan ada sekolah-sekolah yang kita telah laksanakan kita menghadapi masalah kerana saiz kelas yang terlalu besar sehinggakan 40 orang dan ada sekolah-sekolah tertentu bila pendaftaran awal dibuat memang ibu bapa berebut-rebut dalam erti kata lain kita lihat sambutan yang diberikan oleh pelajar-pelajar Melayu untuk belajar bahasa Cina di sekolah kebangsaan ini memang menggalakkan. Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya selain daripada bahasa Mandarin, berapa banyak sekolah telah diperkenalkan bahasa Tamil dan bolehkah kita mendapat keterangan sedikit berkenaan dengan Model 1, Model 2 dan Model 3?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini mengenai guru untuk Bahasa Tamil untuk 2007. Sebanyak 46 buah sekolah sedang melaksanakan model 1, enam buah sekolah melaksanakan model 2 dan 18 buah sekolah melaksanakan model 3. Model-model yang saya sebut tadi iaitu untuk model yang 1 ialah lima waktu di hujung jadual, model yang 2 ialah 12 waktu untuk tahap satu iaitu Tahun 1 sampai Tahun 3 dan 10 waktu untuk tahap dua di sebelah petang. Model 3 ialah lima waktu pada hari Sabtu. Jadi yang tersangkutnya sekarang ini ialah Model 3 kerana kelas ini terpaksa dibuat pada hari Sabtu bagi sekolah yang telah rintis kerana kita tidak boleh buat sebelah petang, sekolah itu dua sesi, pagi dan petang.

Bila mata pelajaran ini hendak diajar pada hari Sabtu maka ia melibatkan elauin kepada guru-guru untuk mengajar Model 3 ini kerana ia di luar pada hari persekolahan. Sekarang ini Kementerian Pelajaran sedang menunggu kelulusan daripada agensi pusat untuk mendapat kelulusan elauin untuk sekolah-sekolah yang telah dipilih untuk mengajar Model 3 ini. Terima kasih.

**8. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang inisiatif Chiang Mai atau The Chiang Mai Initiative yang diambil oleh beberapa negara Asia. Mampukah inisiatif ini menandingi IMF dan dapatkah ia menjamin kerjasama untuk menentukan kestabilan kewangan (*monetary*) di kalangan negara-negara Asia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah yang bertanya kepada ketua bahagiannya sendiri. Tuan Yang di-Pertua, inisiatif Chiang Mai ataupun Chiang Mai Initiative merupakan satu mekanisme sokongan dan bantuan sendiri

dengan izin, *self health* dan *support mechanism* bagi anggota ASEAN bersama dengan China, Jepun dan Republik Korea ataupun ASEAN + 3 yang dilancarkan berikutan krisis kewangan Asia tahun 1997, 1998.

Tujuan CMI ataupun Chiang Mai Initiative ini adalah bagi membantu negara anggota yang telah menandatangani dengan izin Bilateral Swap Agreement (BSA) yang menghadapi masalah kecairan mata wang atau imbalance pembayaran secara sementara. Sekiranya negara tersebut menghadapi krisis kewangan, ia dapat meminjam mata wang asing dalam masa yang singkat, biasanya dalam bentuk USD. kepada negara-negara anggota lain yang menggunakan pinjaman tersebut untuk membeli mata wang sendiri bagi menstabilkan kadar pertukaran mata wangnya.

Fungsi utama CMI ataupun Chiang Mai Initiative adalah dari segi pemberian bantuan secara serta-merta bagi faedah negara yang menghadapi masalah kecairan sementara. Dengan itu setiap negara anggota ASEAN + 3 yang menandatangani BSA - Bilateral Swap Agreement ini akan menerima pada kadar segera sebanyak 20% daripada jumlah BSA yang dipersetujui tanpa sebarang syarat kewangan dan fiskal yang terlalu ketat seperti mana yang dikenakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini ingin saya menegaskan bahawa CMI tidak bertujuan menandingi IMF dan sebaliknya adalah dengan izin *complementary* kepada institusi kewangan antarabangsa seperti IMF. Sekiranya negara anggota masih dalam keadaan krisis dan memerlukan baki 80% daripada BSA yang berkenaan, ianya hanya akan layak dipertimbangkan sekiranya diletak di bawah program IMF. Pada dasarnya jumlah kecairan yang dibekalkan di bawah CMI adalah kecil berbanding dengan jumlah yang dapat dimobilisasikan di pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun BSA di bawah CMI merupakan satu tanda simbolik kerjasama serantau ke arah memastikan kestabilan kewangan di rantau Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, CMI adalah salah satu daripada usaha mengukuhkan kerjasama kewangan di kalangan negara-negara anggota ASEAN + 3 ke arah memajukan pembangunan ekonomi dan meningkatkan kestabilan kewangan di rantau ini. Terdapat juga beberapa usaha lain yang bertujuan untuk mengukuhkan pasaran modal serantau termasuk inisiatif pembangunan pasaran-pasaran bon Asia ataupun dengan izin, ASEAN *bon market initiative* dan pemantauan ekonomi serantau yang lebih teliti, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih, soalan tambahan saya ialah memandangkan bahawa inisiatif ini diambil berasaskan hasil dan juga kaedah yang dipergunakan oleh Malaysia semasa krisis kewangan dahulu dan menunjukkan kejayaan yang amat baik dan cemerlang. Adakah peranan Malaysia itu akan dijadikan satu peranan yang terpenting di dalam Chiang Mai Initiative dan keduanya, bagaimanakah kedudukan ASEAN Development Bank di dalam Asia itu sendiri, adakah ia dapat juga membantu dan menjadi seorang daripada ataupun institusi yang akan melibatkan diri di dalam membangunkan Chiang Mai Initiative ini dan saya harapkan bahawa kedudukan Malaysia juga adalah positif di dalam perkara ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya kejayaan Malaysia masa peringkat krisis kewangan dulu, Malaysia telah pun dengan izin *resist* bantuan daripada IMF dan telah pun mengambil tindakan sendiri dengan membuat segala tindakan yang telah pun kita tahu iaitu *pegging* contohnya. *That meant* nampak maknanya negara-negara Asia telah pun melihat Malaysia ada kekuatan di situ dan saya kira peranan Malaysia memang diambil kira sebagai contoh. Sebenarnya dalam hal ini, ini adalah sebenarnya usaha ASEAN dalam hal untuk meningkatkan hendak menstabilkan keadaan pasaran kewangan di rantau ini.

Inilah sebenarnya tindakan bersama ASEAN + 3. ASEAN sahaja tidak cukup Tuan Yang di-Pertua dia perlu bantuan daripada negara-negara besar, ekonomi-ekonomi besar seperti China, Jepun dan Republik Korea. Jadi bermakna adalah tindakan bersama bukan sahaja... tetapi inisiatif ini diambil secara aktifnya oleh Malaysia.

Dalam hal ADB Tuan Yang di-Pertua, memang juga memainkan peranan, sebenarnya dalam inisiatif ASEAN Bon Market Initiative memang ada dicadangkan supaya salah satu kaedah iaitu *credit guaranty investment and mechanism institution*, *credit guaranty investment mechanism* sedang dibuat kajian sama ada hendak letak di bawah ADB sebagai sebahagian daripada ADB ataupun sebagai subsidiari ADB ataupun secara



persendirian. Bermakna peranan ADB belum lagi jelas dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah semua warga asing mengikut negara asal mereka yang berkahwin dengan warga tempatan yang telah mendapat pas lawatan sosial atau visa kerja antara April, 2003 - April, 2007 dan nyatakan daripada jumlah tersebut berapakah yang telah bercerai atau berpisah. Bagaimana strategi pemantauan yang dibuat bagi memastikan kemudahan ini tidak dapat dieksploitasi oleh sindiket yang tidak bertanggungjawab untuk maksud yang terselindung.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho ]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jumlah pas lawatan sosial yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen pada tahun 2003 ialah sebanyak 40,044. Pada tahun 2004 adalah sebanyak 30,921. Pada tahun berikutnya 2005 adalah sebanyak 104,269 dan pada tahun 2006 adalah sebanyak 151,383. Tujuan PLS dikeluarkan kepada warga asing ialah untuk memberi kebenaran mereka tinggal di negara ini adalah bagi tujuan sosial. Jabatan Imigresen juga mengeluarkan PLS kepada mereka yang berkahwin dengan warganegara tempatan. Ini bagi membolehkan mereka menjalankan urusan harian tanpa sebarang masalah. Pengeluaran PLS ini tidak diasingkan mengikut status perkahwinan atau kategori mereka.

■1100

Kerajaan memandang serius terhadap kegiatan penyalahgunaan pas oleh pelawat-pelawat asing. Tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi isu penyalahgunaan kemudahan ini daripada berleluasa adalah seperti berikut:

- (i) operasi bersama Jabatan Imigresen dan RELA secara berterusan ke tempat-tempat yang disyaki;
- (ii) membatalkan pas lawatan sosial atau pas pelajar warga negara asing yang terlibat dalam kegiatan yang tidak diingini dan mengusir mereka pulang ke negara asal; dan
- (iii) mengadakan pemeriksaan lebih ketat di pintu-pintu masuk. Gadis atau wanita warga asing yang diragui kemasukan mereka akan dipendekkan tempoh pas mereka atau tidak dibenarkan langsung masuk ke negara ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Siw Chun. Lepas itu Datuk Hajah Dayang Mahani.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan kes-kes yang tertangguh disebabkan berlakunya penceraian ataupun kematian semasa dalam tempoh pemprosesan permohonan pas lawatan ataupun visa kerja? Oleh kerana apa yang difahami oleh saya bahawa permohonan mereka akan dibatalkan secara automatik sekiranya berlaku penceraian ataupun kematian semasa dalam tempoh permohonan tersebut. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isteri warga asing masih boleh memegang pas lawatan sosial walaupun jika beliau mempunyai tanggungan seperti anak-anak beliau. Jadi Jabatan Imigresen akan terus memberi pas lawatan sosial untuk tempoh enam bulan sekali. Kalau isteri warga asing yang telah bercerai dan beliau tidak mempunyai anak-anak, mereka diminta balik ke negara asal. Inilah polisi kerajaan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Dayang Mahani.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, daripada rekod yang ada dengan kementerian, berapakah angka setelah berkahwin, dikesan bercerai? Adakah susulan dibuat untuk mengesan sama ada penceraian itu berlaku oleh kerana ketidaksesuaian kelamin ataupun dieksploitasi?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kementerian ini statistik penceraian lelaki warga Malaysia dengan perempuan warga asing bagi tahun 2003 adalah sebanyak 120, 2004 sebanyak 176, 2005 sebanyak 244, 2006 sebanyak 219. Statistik penceraian bagi perempuan warga negara Malaysia dengan lelaki warga negara asing pada tahun 2003 adalah sebanyak 73, 2004 sebanyak 83, 2005 sebanyak 84 dan 2006 adalah sebanyak 95. Sebab-sebabnya tidak dapat dipastikan kerana kes tersebut, apabila mereka telah bercerai, jika mereka masih ada tanggungan jadi mereka masih boleh memohon pas lawatan sosial untuk tempoh enam bulan.

**10. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa benarkah keengganan wanita terpelajar sekarang berkahwin adalah akibat tidak langsung daripada gerakan kesaksamaan gender dan kalau begitu bagaimana fenomena ini harus ditangani.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, keengganan wanita terpelajar sekarang berkahwin atau melewatkan perkahwinan tiada kaitan atau akibat daripada gerakan kesaksamaan gender. Setakat ini, tiada kajian atau penemuan penyelidikan yang menunjukkan kaitan antara keengganan atau melewatkan perkahwinan dengan gerakan kesaksamaan gender sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-4 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara mendapati bahawa antara sebab utama wanita melewatkan perkahwinan atau tidak berkahwin ialah kesukaran mencari calon yang sesuai sebagai teman hidup. Kajian tersebut juga mendapati bahawa kira-kira 80% daripada responden yang berumur antara 25 ke 49 tahun, yang masih belum berkahwin berhasrat untuk berkahwin. Oleh itu, tanggapan bahawa wanita terpelajar enggan berkahwin adalah kurang tepat kerana majoriti mereka ingin berkahwin tetapi tidak menemui jodoh yang sesuai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Abdul Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menafikan adanya masalah itu, tetapi dalam jawapan yang sama Yang Berhormat mengatakan bahawa payah nak cari jodoh atau pasangan ini kerana pelajaran. Tidakkah ini merupakan secara tidak langsung sebab akibat daripada Kempen Kesaksamaan Gender?

*[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Saya rasa ini tidak ada kaitan dengan gerakan kesaksamaan gender kerana saya telah pun beri jawapan semasa saya jawab di Dewan Rakyat. Masalah sekarang, kalau kita ikut kajian yang telah pun jalankan, untuk kaum wanita sebab utama mengapa mereka tidak berkahwin bukan kerana mereka tak minat, kerana tak dapat calon yang sesuai, okay. Mengapa tak dapat calon yang sesuai? Untuk kaum Cina khususnya untuk kaum Cina, kalau tahap pendidikan wanita adalah lebih tinggi daripada tahap pendidikan lelaki atau pendapatan atau kedudukan mereka lebih tinggi daripada lelaki, mereka tak nak berkahwin dengan lelaki yang rendah dari mereka. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Sama juga lelaki-lelaki Cina, mereka tak nak juga kerana ego. Mereka hanya nak berkahwin dengan wanita yang pendapatan lebih rendah atau kedudukan lebih rendah daripada mereka. Oleh itu, saya nak ulang sekali lagi. Kalau kita nak mengatasi masalah ini, salah satu cara yang terbaik ialah satu, kita mewujudkan konsep kesaksamaan *gender*. Bila ada konsep kesaksamaan *gender*, wanita tidak akan kira adakah lelaki itu lebih pandai atau berkedudukan lebih tinggi daripada dia dan lelaki juga mampu menerima wanita yang berkedudukan lebih tinggi daripada mereka, pertama.

Kedua, kalau ini tidak dapat diterima, lelaki mesti belajarlah bersungguh-sungguh. Terima kasih. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kita dengar pula apa soalan daripada wanita. Silakan Puan Nordiana.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah fenomena ini memberi kesan negatif kepada negara ataupun ia hanya memberi kesan negatif kepada kaum lelaki? Terima kasih. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

■1110

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Saya rasa fenomena ini sedikit-sebanyak akan memberi kesan kepada masyarakat kita kerana setakat ini kita dapati semakin hari semakin ramai lelaki mereka cari atau beli isteri dari negara asing. Inilah masalah. Ada wujudnya fenomena ini kerana ada negara asing mereka ada agen yang jadi *match maker* tetapi cara mereka bukan beri peluang untuk mereka berkenalan di antara satu sama lain tapi mereka ikut bila dia pergi sana dia tengok sahaja *qualification* dan dia bayar semua dia beli balik. Bila dia beli balik kerana latar belakang dan kebudayaannya tidak sama oleh itu bila mereka kahwin wujudlah masalah kesefahaman di antara satu sama lain dan ada juga sindiket-sindiket yang menipu kaum lelaki kita. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira Yang Berhormat yang paling layak untuk menjawab soalan-soalan ini. [*Tepuk*]

Terima kasih sekali lagi. Silakan Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

**11. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah justifikasi penggunaan Proton Perdana V6 Executive sedangkan sesetengah daripada kenderaan tersebut kualitinya kurang memuaskan. Apakah tindakan pihak kementerian bagi menangani masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penggunaan Proton Perdana V6 Eksekutif sebagai kereta rasmi kerajaan adalah untuk menggantikan penggunaan kereta-kereta jenis Mercedes Benz dan Volvo yang diimport. Ini adalah salah satu langkah kerajaan untuk mengurangkan pengimportan barang-barang dan sekali gus mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara. Di samping itu juga ia dapat membangunkan industri automatif tempatan. Kereta Proton V6 Eksekutif yang diguna pakai sebagai kereta rasmi kerajaan, Kementerian Kewangan akan sentiasa memastikan kereta yang dibekalkan oleh syarikat yang mengendalikan kereta tersebut adalah yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal Proton V6 Eksekutif ini sebenarnya badannya dipanjangkan menggunakan sistem Mitsubishi yang memang diperakui oleh dunia dan memang juga kendalikan Mitsubishi dan diluluskan JPJ. Jadi maknanya selamatlah Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, kompelin atau aduan yang kerap diterima adalah berkenaan dengan *transmission gear box* memang kerap berlaku kerosakan kerana didapati panas. Jadi dalam hal ini R&D telah dibuat dan satu pemasangan sistem penyejukan minyak *transmission* itu telah pun dipasang bagi model-model baru Proton Eksekutif ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi maknanya saya yakin akan jadi lebih tahan lama Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah melihat kepada aspek keselamatan yang begitu tidak memuaskan adakah arahan ataupun peraturan penggunaan V6 eksekutif ini kepada VVIP masih lagi sesuai. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kereta ini selamat. Kereta mana pun kalau dipandu dengan had laju lebih 160 kilometer sejam kereta apa pun kalau berlanggar memang teruklah. Jadi kalau dipandu dengan cermat saya ingat selamat. Ia sama juga, ciri-ciri lain ada macam ciri *breaking system* ia gunakan ABS. Kemudian *suspension* ia gunakan *Lotus system*. Jadi memang selamat Tuan Yang di-Pertua cuma cara bawa kereta.

**12. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh mana Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang mengambil berat terhadap sukan wanita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah mewujudkan bahagian sukan wanita khusus bagi memantapkan usaha-usaha untuk mempertingkatkan penglibatan wanita dalam sukan di negara ini. Peranan yang dimainkan oleh bahagian sukan wanita ini telah membantu meningkatkan bilangan atlet wanita dan melaksanakan program-program untuk memastikan atlet wanita menyerlah pada tahap antarabangsa serta meningkatkan penyertaan kaum wanita secara profesional dalam bidang teknikal, juru latihan dan pengadil.

Kementerian dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang sukan, telah mengambil langkah-langkah dengan memperbanyakkan lagi kejohanan-kejohanan khusus untuk wanita bagi meningkatkan lagi penyertaan atlet wanita dalam melahirkan atlet yang berpotensi sebagai atlet elit. Melalui penganjuran Temasya Sukan Wanita Kebangsaan yang diadakan setiap dua tahun sekali akan dapat meningkatkan penyertaan atlet wanita serta penglibatan lebih ramai pegawai teknikal, pengadil dan jurulatih di kalangan wanita.

Temasya Sukan Wanita Kebangsaan yang pertama dianjurkan oleh kementerian pada tahun 2005 jelas menunjukkan hasilnya dengan penyertaan seramai 1,808 atlet dan 205 pegawai wanita dengan penyertaan dari 17 negeri termasuk Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk menerbitkan risalah-risalah dan buku tentang program-program wanita dalam sukan dan membuat penyelidikan dengan pakar tempatan, badan-badan antarabangsa seperti pusat wanita dalam sukan di Kengshua University Amerika Syarikat. Penganjuran seminar wanita dalam sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi tujuan perkongsian ilmu serta pemindahan teknologi turut akan diadakan dengan lebih kerap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, melaksanakan program peningkatan penglibatan sebagai pemegang jawatankuasa dalam persatuan sukan antarabangsa, kebangsaan dan negeri bagi membolehkan penglibatan lebih ramai wanita dalam sukan dalam membantu melahirkan lebih ramai atlet wanita. Kementerian melalui pesuruhjaya sukan menguatkuasakan Akta Pembangunan Sukan 1997 dalam mengiktiraf beberapa pertubuhan atau persatuan sukan kebangsaan yang diketuai dan dianggotai oleh semua ahlinya wanita seperti Persatuan Hoki Wanita, Persatuan Golf Wanita Malaysia, Persatuan Bola Sepak Wanita Malaysia. Walaupun di peringkat antarabangsa mereka diletakkan sebagai satu jawatankuasa kecil.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian memberi bantuan kepada Nicol Ann David dan jikalau ada apakah bantuan itu. Terima kasih.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, Nicol Ann David memang diberi bantuan yang banyak oleh Kementerian Belia dan Sukan. Dari angka saya memang tidak ada pada masa ini tetapi kita telah membantu beliau dan semua kos yang dipertanggungjawabkan untuk beliau di Amsterdam ditanggung oleh Kementerian Belia dan Sukan dan saya akan memberi secara bertulis kepada Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar apakah pertolongan yang telah diberi kepada Nicol Ann David.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, prestasi sukan wanita memang meningkat dan memberangsangkan contohnya boling, skuasy, boling padang dan baru-baru ini pasukan bola sepak wanita kita menjadi juara di Australia. Apakah rahsia kejayaan mereka ini yang boleh bermain seperti pasukan lelaki sedangkan bola sepak lelaki main macam pondan.  
*[Ketawa]*

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Saya ingat rahsianya adalah Menteri Belia dan Sukan itu wanita. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hasil yang diperoleh oleh pasukan bola sepak wanita ini adalah satu pasukan bola sepak yang baru yang pemain-pemain ini diberikan tumpuan khas oleh Kementerian Belia dan Sukan dan seperti yang telah saya jawab dua tiga hari yang lalu berkenaan dengan prestasi sukan bola sepak lelaki mudah-mudahan pada tahun-tahun akan datang pasukan bola sepak kita akan mantap lagi tetapi

tunggulah kerana kita memang ada banyak program untuk bola sepak lelaki dan usaha kementerian dengan FAM mudah-mudahan akan memberi satu keputusan yang baik pada tahun akan datang. Terima kasih.

■1120

**13. Datuk Jins Shamsudin** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian sedar tentang kewujudan satu kempen ramalan nombor ekor diedarkan oleh orang-orang tertentu dari Kedah dengan membuat pengakuan kononnya Tok Guru mereka boleh membantu mendapatkan nombor ekor dan menang, dan mereka mendakwa boleh membawa keluar daripada kemiskinan.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Polis Diraja Malaysia, Kontinjen Kedah tidak pernah menerima sebarang aduan bersabit dengan wujudnya kempen ramalan nombor ekor di negeri Kedah.

Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Akta 289 (Pindaan 1983) tidak menyenaraikan kempen ramalan nombor ekor sebagai satu kesalahan di bawah akta tersebut. Walau bagaimanapun, sama ada kempen atau ramalan yang dibuat menjadi kesalahan atau tidak, adalah bergantung pada fakta sesuatu laporan atau wujud perkara-perkara seperti penipuan atau pemalsuan dokumen dan sebagainya. Penipuan dan pemalsuan dokumen ini boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan Akta 574.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Jins Shamsudin.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah baru-baru ini saya terima lagi. Satu lagi dari Perlis pula dan ditambah pula dengan satu lagi tawaran pelaburan dan ini dari Kedah. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang boleh diambil kepada mereka jikalau didapati ini adalah sesuatu yang mengelirukan? Sedangkan agama Islam melarang kita berjudi. Kalau saya boleh terima dan dihantar kepada semua orang, mungkin ada di antara kita yang juga terpengaruh dengan iklan-iklan ini dan ia boleh melibatkan satu perjudian yang agak besar. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi mengenai perkara itu, mungkinlah saya akan minta penjelasan daripada pihak polis kerana saya tidak *aware* keseluruhannya mengenai perkara ini. Insya-Allah saya akan beritahu kepada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad.

**14. Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah program-program antarabangsa yang telah diperkenalkan oleh Malaysia dalam usaha untuk menjadikan negara ini sebagai Pusat Kewangan Islam terkemuka di rantau ini dan apakah inisiatif-inisiatif kerajaan untuk menarik masuk pelaburan dalam bidang ini dari luar negara terutamanya dari Timur Tengah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Fatanah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia telah diperakui oleh masyarakat kewangan antarabangsa sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

Malaysia kini telah mengambil satu inisiatif strategik iaitu Pusat Kewangan Islam Antarabangsa ataupun Malaysia *International Islamic Financial Centre* (MIFC) dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa. Pendekatan-pendekatan yang telah diambil oleh Malaysia terbahagi kepada tiga iaitu:

- (i) berkenaan dengan program-program promosi;
- (ii) inisiatif untuk menarik pelabur asing; dan
- (iii) usaha-usaha memperkukuhkan hubungan erat Malaysia dengan pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program promosi ialah:

- (i) penganjuran program menjelajah berimpak tinggi menerusi mesyuarat dan diskusi dengan pelabur-pelabur terpilih dan peserta agensi kerajaan serta badan-badan korporat di negara-negara berpotensi seperti Jepun, China, Emiriah Arab Bersatu dan Indonesia;
- (ii) pelantikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzuan sebagai duta kewangan bagi inisiatif MIFC yang berperanan menyokong MIFC melalui peningkatan hubungan dua hala antara Malaysia dengan pemimpin-pemimpin negara, tokoh-tokoh industri dan pembuat keputusan utama bagi komuniti kewangan global terutama dari negara-negara Timur Tengah; dan
- (iii) penerbitan artikel dan iklan bagi mempromosikan MIFC di media dan juga di *channel* antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan insentif-insentif untuk menarik pelabur asing iaitu:

- (i) pengeluaran lesen di bawah Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 kepada institusi kewangan Malaysia dan asing yang layak untuk mengendalikan perniagaan perbankan Islam dan Takaful dalam mata wang antarabangsa dan menerima insentif pelepasan cukai selama 10 tahun mulai taksiran tahun 2007;
- (ii) liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing mengenakan penerbitan bon berdominasi mata wang asing seterusnya bon Islam dalam pasaran Malaysia; dan
- (iii) kemudahan bagi tenaga kerja asing yang menyertai institusi kewangan Islam di bawah MIFC dengan mempercepatkan proses pendaftar mendapatkan kelulusan Imigresen khususnya bagi pas pengajian dan visa masuk berulang kali (*multiple entry visa*).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha-usaha memperkukuhkan hubungan erat Malaysia dengan pasaran global, Malaysia melangkah maju dalam kerjasama dengan dua buah institusi pengawasan Timur Tengah di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Bank Negara Malaysia dengan Pihak Berkuasa Pengawal seliaan Pusat Kewangan Qatar (QFCRA) dan juga Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai (DFSA) pada 7 Mac 2007. MoU ini merupakan inisiatif bagi mewujudkan hubungan kerjasama dengan rakan strategik utama ke arah membangunkan kewangan Islam.

Keduanya, penganjuran persidangan antarabangsa di dalam dan luar negara. Antaranya penganjuran Forum Kewangan Islam Global yang diadakan di Kuala Lumpur pada Mac lalu yang telah dihadiri 1,500 peserta dari 58 buah negara. Forum ini menyediakan platform untuk menjalin hubungan dengan peneraju industri kewangan global.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah merangka dan sedang melaksanakan pelbagai dasar yang strategik dan komprehensif bagi memastikan matlamat dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam dapat dicapai, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Norraesah.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah memandangkan bahawa Hong Kong dan Singapura merupakan pusat kewangan yang amat kukuh dan besar di Asia Tenggara ini, dan mereka juga sedang giat mempertingkatkan *Islamic banking* mereka sendiri, adakah ini akan merupakan satu saingan kepada Malaysia? Apakah ia dapat juga mengurangkan daya persaingan kita?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Hong Kong dan Singapura, memanglah mereka sedaya-upaya untuk bersaing dengan Malaysia dalam hal perbankan Islam ini tetapi nampaknya Malaysia lebih *advance* dalam hal ini dan banyak produk-produk yang telah pun dalam pasaran adalah daripada Malaysia. Singapura dan Hong Kong hanya meniru ataupun mengikut langkah kita yang telah kita jalankan terlebih dahulu daripada mereka. Saya yakin Malaysia akan terus menjadi lebih maju daripada yang lain-lain, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

**15. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan statistik jumlah keluarga Melayu atau bumiputera miskin di Pulau Pinang mengikut pecahan kawasan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan sistem maklumat Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang dipusatkan di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, taburan keluarga miskin Melayu di Pulau Pinang mengikut kawasan adalah seperti berikut:

KAWASAN	JUMLAH
Seberang Perai Tengah	47
Seberang Perai Utara	113
Seberang Perai Selatan	62
Timur laut	7
Barat daya	7
<b>Jumlah</b>	<b>236</b>

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Saripah Aminah dan selepas itu Puan Heng Seai Kie.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Agensi-agensi kerajaan seperti MARA, UDA dan PERDA harus mengambil langkah proaktif untuk membantu orang Melayu. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan akan mengkaji semula fungsi dan dasar agensi-agensi Kerajaan Pusat dan negeri agar dapat diintegrasikan bagi membantu masyarakat Melayu khasnya dan agensi-agensi berkenaan juga jangan hanya memberi tumpuan di kawasan luar bandar tetapi hendaklah juga masuk ke bandar untuk membantu orang Melayu kerana pusat perniagaan adalah di bandar. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan peranan Bahagian Susun Semula Masyarakat (BSSM) yang telah ditubuhkan pada Januari 2004 dan langkah-langkah yang telah diambil olehnya dalam membantu dalam sosioekonomi masyarakat bumiputera.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum itu, saya juga mencadangkan untuk memberikan peluang kepada Dato' Gooi Hoe Hin yang bangun tadi untuk bertanya soalan tambahan.

■ 1130

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat agak lari sedikit. Yang Berhormat tanya tentang orang Melayu miskin tetapi hari ini nampaknya dia kata Melayu sahaja. Apa yang kita buat sekarang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, semua agensi-agensi kerajaan bukan kita hendak tubuh semula atau pun hendak melihat semula tetapi apa yang kita buat ialah kita memperkukuhkan, menambah kukuhkan lagi agensi-agensi ini serta yang lebih penting supaya sistem melaksanakan sesuatu program atau projek ini mestilah diperbaiki dan sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan saya ingin maklumkan Yang Berhormat khususnya

kepada mereka yang terlibat dalam keluarga miskin pendekatan baru yang kita buat, umpamanya kalau dahulu kita beri bantuan hanyalah berupa macam seekor, dua ekor kerbau atau pun bantuan beberapa ekor ayam, itik dan sebagainya tetapi di dalam perancangan insya-Allah, akan dilaksanakan dan telah pun dilaksanakan sebahagiannya iaitu kita membuat satu sistem baru di mana keseluruhan mereka yang menghadapi masalah kemiskinan ini kita kumpulkan secara berkelompok atau pun kita *resettle* kan dengan izin. Kita tempatkan semula secara berkelompok dan kita uruskan juga secara yang lebih *organize* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dengan hal yang demikian, semua bantuan-bantuan, semua langkah-langkah untuk membangunkan mereka ini akan lebih berkesan lagi, dan kita juga bukan lihat dari segi sudut itu, bahkan dari segi komposisi keluarga itu. Dalam keluarga miskin ini terdapat mereka yang tidak aktif, yang kita kata sudah pasif dari segi 65 tahun umur ke atas mereka sudah tidak boleh bekerja lagi jadi kita tekankan kepada 65 tahun ke bawah. Di samping itu dalam keluarga miskin ini juga terdapat juga mereka yang bertindih. Umpamanya orang OKU (orang kurang upaya), pun terdapat dalam keluarga miskin. Semua ini diambil kira, dan semua agensi ini diberi penekanan supaya segala pelaksanaan bantuan kita lebih menumpukan kepada yang terancang dari segi pelaksanaan. Lebih baik kita beri pancing daripada kita memberi ikan, itulah konsep yang kita pakai.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Puan Heng Seai Kie. Kemudian Dato' Gooi Hoe Hin.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sudah dijawab tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Gooi Hoe Hin.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini datang dari Pulau Pinang, saya tanyalah. Dari angka Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan, saya huraikan 236 sahaja keluarga miskin. Bermakna dalam taksirannya di bawah kadar kemiskinan 300 ke bawah. Soalan tambahan saya, ini bermakna dari segi bilangan, satu '*myth*' bahawa bumiputera Melayu di Pulau Pinang itu dalam kemiskinan tetapi dari angka itu berbanding dengan negeri-negeri yang lain, angka ini terlalu kecil. Jadi sama ada Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri yang selalunya memberi tumpuan khas bagaimana meningkatkan taraf kehidupan bukan sahaja dari segi sekadar kemiskinan Melayu sahaja, dengan tambah tokoknya peruntukan agensi-agensi berkenaan seperti PERDA dan seperti Yayasan Bumiputera Pulau Pinang supaya sama-sama gerak...[Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** "Supaya" cukup?

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Bagaimana kita meningkatkan kaum bumiputera di Pulau Pinang. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemudahan infrastruktur, peruntukan-peruntukan asas memang kita juruskan kepada kawasan-kawasan yang menghadapi masalah kemiskinan ini diberi lebih dari segi peruntukannya, tetapi dalam waktu yang sama kita mesti mengubah minda mereka yang akan dilibatkan dan sebab itu kerajaan memperuntukkan juga khususnya untuk peningkatan dari segi ekonomi, sosial kemudahan latihan dan sebagainya. Ini adalah dalam pelaksanaan kerajaan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya berbanggalah pihak yang bertanya dan pihak yang menjawab menanggapi pertanyaan ini tanpa polemik perkauman. Tuan Lee Chee Keong.

**16. Tuan Lee Chee Keong** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan kesan-kesan positif dan negatif terhadap enjin kenderaan dan alam sekitar jika kita beralih menggunakan minyak petrol yang mengandungi bahan sulfur 0.05% (sulphuretted petroleum).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli



Yang Berhormat, dalam usaha untuk mencapai kualiti alam sekitar yang lebih bersih dan mutu kehidupan yang lebih sihat, kerajaan telah melaksanakan peningkatan kualiti bahan api minyak petrol yang dipasarkan di dalam negara dengan mengurangkan kandungan sulfur dari 0.15% kepada 0.05% iaitu mulai pada 1 April 2007. Kesan positif terhadap enjin kenderaan dan alam sekitar sekiranya kita beralih menggunakan minyak petrol ini adalah seperti berikut:

Meningkatkan kualiti udara, terutamanya di bandar-bandar besar di negara ini;

- (i) ia dapat memenuhi keperluan industri automotif yang memerlukan kualiti bahan api, minyak yang lebih baik bagi kegunaan enjin kenderaan yang lebih bersih dan tidak mencemarkan;
- (ii) ianya dapat mengelakkan negara ini daripada menjadi tempat longgokan (*dumping ground*) dengan izin, kepada kenderaan berteknologi lama seperti daripada negeri China yang lebih mencemarkan; dan
- (iii) mencapai aspirasi pembangunan negara yang mesra alam.

Dengan penggunaan minyak petrol ini adalah dijangkakan tiada kesan negatif terhadap enjin kenderaan dan alam sekitar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, berapakah *percent* kandungan sulfur ini dalam pelbagai jenis minyak petrol dan diesel di negara kita? Yang kedua, terdapat beberapa dengan izin *fuel saver* dalam pasaran sekarang yang dikatakan mengandungi kandungan sulfur yang begitu rendah. Adakah kementerian kita membuat kajian terhadap *fuel saver* berkenaan? Terima kasih.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya Malaysia telah mengikut atau mengambil mengguna pakai sebenarnya EURO2, standard. Piawai EURO2 yang kita panggilkan EURO2M untuk Malaysia. Di Eropah sekarang ini mereka menggunakan EURO4, Cuma kita di dalam keadaan teknologi kita yang masih lagi di belakang, kita hanya mengunjurkan penggunaan EURO4 ini pada tahun 2011, tetapi dengan penggunaan EURO2 ini peratus yang dulu dalam petrol ialah 0.015% atau pun 1,500 *spark* per ppm ini dikurangkan kepada 500 ppm. Ini termasuk juga diesel. Diesel pun sama, diesel dahulu 3,000 ppm sekarang ini pun 500 ppm.

Jadi sebenarnya penurunan tersebut adalah amat banyak sekali dan insya-Allah pencemaran yang terkeluar dari segi hidrokarbon, karbon monoksida, sulfur dioksida, *nitrous hydride* dan sebagainya akan berkurangan untuk jangka masa panjang. Dari segi penggunaan *lower sulfur* ini sebenarnya ia *by product*. *By product* maksudnya kalau ada jenama tertentu yang mengatakan ini betul, itu tidak betul, boleh tinggikan *performance* dan sebagainya. Itu bukan tugas kerajaanlah untuk *check* dan sebagainya. Ini adalah *value add* atau pun peningkatan yang di *claim*. Jadi bukan bidang tugas kita tetapi kita telah *set standard* itu. Kalau kurang daripada standard yang kita luluskan, barulah kita boleh ambil tindakan atau pun buat *test* dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan terakhir, Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin.

**17. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana kementerian dapat mengenal pasti sekolah-sekolah yang tidak melaksanakan Rancangan Integriti Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan apa pula tindakan yang akan diambil terhadap Guru Besar dan Pengetua yang tidak melaksanakan program ini.

■1140

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau nama singkatannya RIMUP, merupakan program yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 1986, semasa beliau menjawat jawatan Menteri Pelajaran.

Program tersebut melibatkan pelaksanaan aktiviti bersama di antara pelbagai aliran sekolah di negara ini iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil, agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk di kalangan murid sekolah. RIMUP juga merupakan antara komponen utama dalam Teras 1, membina negara bangsa yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan RIMUP dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lebih menyeluruh, pelbagai aliran sekolah dalam negara ini, KPM telah mengeluarkan surat pekeliling iktisad bilangan 10/2005, mengenai pelaksanaan RIMUP dan memastikan setiap guru atau pengetua melaksanakan program tersebut.

KPM juga mengadakan sesi taklimat kepada semua pihak yang terlibat dan menyediakan buku panduan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan bagi membantu jabatan pelajaran negeri, pejabat pelajaran daerah dan sekolah untuk merancang dan membuat pengisian bagi mencapai matlamat program ini.

Pada Januari 2007, Kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.8 juta agar RIMUP dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan sistematik, terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, RIMUP adalah satu program yang sangat penting untuk memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat negara kita pada masa kecil di bangku sekolah.

Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian atas sekolah-sekolah yang belum memperkenalkan program ini dan berapa peratus sekolah di negara ini belum menjalankan program ini, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan agak spesifik tetapi saya boleh nyatakan berapa banyak sekolah yang telah menjalankan, Tuan Yang di-Pertua.

Peringkat sekolah rendah, jumlah kelompok yang telah melaksanakan program RIMUP adalah sebanyak 1,387 buah iaitu 304 kelompok A, 927 kelompok B, 142 kelompok C dan 14 kelompok D.

Sementara jumlah sekolah rendah yang akan melaksanakan RIMUP dalam konteks sekolahnya sendiri adalah sebanyak 4,044 buah sekolah, manakala di peringkat sekolah menengah pula, program RIMUP telah dilaksanakan di 457 kelompok A dan 83 kelompok B sementara di peringkat sekolah sendiri sebanyak 800 buah sekolah telah pun terlibat.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Jins Shamsudin, tadi saya tunggu Yang Berhormat tapi Yang Berhormat tak bangun.

**Datuk Jins Shamsudin:** *[Masalah rakaman]* ...magnanya dia merupakan satu pendekatan yang boleh menyatupadukan kaum dan boleh dipilih cerita-cerita yang ada kaitan dasar perpaduan kaum dan ini akan lebih berkesan saya berpendapat, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kurikulum mengenai teater ini diadakan. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mulai tahun ini 2007, kita telah pun memulakan dua buah sekolah seni, satu bermula di Johor Bahru dan satu lagi di Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, sebuah sekolah seni akan dibina dan dalam sekolah seni ini, salah satu bahagian yang diajar ialah teater. Saya percaya dalam sukatan kurikulum di sekolah seni mengenai teater ini, segala pandangan dan cadangan Yang Berhormat akan diambil kira, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, tak apalah Dato' Hajah Samsiah, saya tak mahu dimanipulasikan supaya saya terpaksa panggil orang lain dulu, saya pantang dimanipulasikan.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu kepada siapakah peruntukan RIMUP ini diturunkan, memandangkan buat masa ini banyak sekolah hendak mengadakan aktiviti tetapi tidak dapat kerana tiada peruntukan, dan kami terpaksa menurunkan sedikit peruntukan kepada sekolah yang menjalankan kegiatan RIMUP ini, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi sebelum tahun 2007 ini tidak ada peruntukan khas untuk RIMUP, tetapi tahun ini kita telah dapat peruntukan khas daripada Kabinet iaitu tadi saya sebutkan RM25.8 juta.

Pecahannya untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk pelaksanaan RIMUP di sekolah, kita peruntukan RM15.1 juta, latihan pegawai dan guru untuk RIMUP RM2.4 juta dan *one off* program untuk e-integrasi RM8.3 juta. Kita berharap bila tahun ini peruntukan ini telah ada, tidak timbul lagi masalah peruntukan dan program RIMUP ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, masa cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.46 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.” hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2007

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[23 Mei 2007]*

**11.48 pg.**

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai beberapa perkara dalam rang undang-undang ini. Pertama, mengenai pekerja yang mencapai umur 55 tahun ke atas yang diwajibkan mencarum 5.7% dan memberi kelonggaran kepada majikan untuk mencarum hanya 6% dari gaji bulanan pekerja tersebut. Kita juga difahamkan bahawa majikan juga boleh memilih untuk mencarum pada kadar 12% dan mendapat pelepasan cukai sekiranya berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar antara kebaikannya peruntukan ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai majikan untuk mengambil pekerja yang berumur 55 tahun ke atas, kerana kadar caruman adalah rendah. Di sebabkan pindaan akta ini, juga menetapkan bahawa caruman majikan bagi pekerja asing cuma RM5.00 sebulan yang mana jauh lebih rendah dari pekerja yang berumur 55 tahun ke atas.

Ada sesetengah pihak yang mempertikaikan, adakah dengan pindaan kepada akta 452 ini, pihak majikan akan mengambil pekerja yang berumur lebih daripada 55 tahun.

**■ 1150**

Jadi, persoalannya apakah rasional mendiskriminasikan pekerja yang berumur lebih 55 tahun. Walau bagaimanapun oleh kerana ini adalah satu pendekatan baru setelah kajian dibuat oleh KWSP yang mungkin sesuatu yang boleh kita cuba terlebih dahulu, tetapi yang penting pada pandangan saya adalah pihak kerajaan mesti bersedia untuk mengkaji semula perkara ini pada suatu jangka masa tertentu di masa hadapan. Sekiranya didapati bahawa peruntukan ini tidak memberi faedah kepada mereka yang berumur 55 tahun ke atas dan ia haruslah disemak semula untuk memberi ruang kepada penambahbaikan yang berdasarkan realiti semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kita tidak seharusnya mendiskriminasikan pekerja-pekerja yang telah berumur ini dari segi caruman KWSP tetapi saya juga percaya kita tidak sepatutnya bersifat *rigid*, dengan izin dalam perkara ini kerana kita mahukan keadaan yang benar-benar boleh membantu pekerja-pekerja yang berumur 55 tahun ke atas dan bukannya menyukarkan kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin ketengahkan adalah mengenai penama bagi pencaruman KWSP. Buat masa ini saya difahamkan KWSP sedang melancarkan kempen besar-besaran untuk memberi kesedaran kepada semua ahlinya untuk mendaftar penama bagi pencaruman mereka. Semalam kita telah dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa 63% atau 7.2 juta pencarum belum membuat pendaftaran penamaan. Saya ingin bertanya adakah pada masa ini KWSP mewajibkan setiap ahli baru untuk mendaftarkan penama bagi caruman mereka. Jika tidak, saya ingin mencadangkan bahawa setiap ahli baru KWSP diwajibkan untuk mendaftarkan sekurang-kurangnya seorang penama. KWSP mestilah mempunyai satu mekanisme yang berkesan untuk memastikan setiap ahli diingatkan untuk mengemaskinikan senarai penama bagi akaun simpanan mereka. Di sini saya ingin juga mengetahui berapa peratus daripada wang yang tidak dituntut itu adalah disebabkan tiada penama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan sekiranya pencarum tidak mendaftarkan penama mereka, keutamaan penama haruslah diberikan kepada isteri dan anak-anak pencarum dan kemudian barulah kepada ibu bapa sekiranya mereka masih hidup dan yang lain-lainnya. Wujudkan satu bentuk *priority ranking*, dengan izin, untuk memastikan simpanan pencarum ini boleh dimanfaatkan oleh waris-waris yang berhak menikmatinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi Yang Berhormat?

**Tuan M. Munusamy:** Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak KWSP mengenai *instrument derivative* yang diniatkan dalam pindaan kepada akta ini. Menurut pindaan *instrument derivative* ini yang dimaksudkan adalah kontrak kewangan termasuk kontrak ke hadapan, kontrak perniagaan ke hadapan dan kontrak opsiyen. Kita sedia maklum pengalaman Barings Bank di Singapura pada tahun 1995 yang menggunakan *instrument derivative* ini yang menyebabkan keruntuhan bank saudagar tertua England tersebut. Soalan saya apakah bentuk mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh KWSP untuk memastikan tidak

wujud pelaburan yang bersifat spekulatif. Saya mohon penjelasan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya perlu mengingatkan akan perlunya KWSP merumuskan satu rangka kerja yang berkesan untuk memastikan ia sentiasa mengambil kira perubahan-perubahan demo grafik yang berlaku dan kehendak-kehendak semasa dan masa depan. Statistik menunjukkan 6% dari 26 juta penduduk negara kita pada masa ini adalah golongan pesara. Pada zaman yang mana semakin ramai golongan tua dan ibu bapa yang dipinggirkan oleh anak-anak mereka kita perlu memastikan nasib mereka dibela. Satu masyarakat yang tidak membela golongan tua dan tidak berupaya adalah satu masyarakat yang gagal walau setinggi mana pertumbuhan ekonomi atau pendapatan per kapita.

Satu perkara yang terakhir sekali adalah saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan seksyen 54 fasal 23(j) berkenaan dengan polisi insurans kesihatan. Akta sekarang 58B menyebutkan "*Lembaga boleh membenarkan permohonan seorang ahli kumpulan wang untuk menggunakan apa-apa amaun yang ada pada kredit ahli kumpulan wang itu bagi tujuan untuk mengambil polisi insurans yang ditentukan oleh lembaga daripada syarikat insurans yang diluluskan oleh menteri tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.*" Adakah ini bermakna pencarum yang menjadi ahli KWSP boleh menetapkan amaun sendiri ataupun adakah lembaga sendiri boleh menetapkan berapa peratus boleh dimasukkan dalam insurans kesihatan ini dan adakah pihak lembaga ini memberi penerangan dan juga menggalakkan ramai ahli untuk mengambil polisi insurans ini memandangkan biasanya mereka yang lebih tua menghadapi penyakit.

Dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Che Puan Sri Kelana.

**11.57 pg.**

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyertai perbahasan Rang Undang-Undang KWSP 2007. Ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh mengenai perkara ini dan dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin sentuh mengenai cadangan KWSP yang ingin menaikkan kadar caruman pekerja. Pada hemat saya perkara ini ada pro dan kontranya. Sekiranya gaji pekerja itu adalah di tahap yang memuaskan seperti golongan profesional dan khidmat sokongan yang berada di tangga gred yang tinggi, saya rasa perkara ini patut disokong kerana secara tidak langsung akan memberi faedah kepada pekerja itu sendiri melalui caruman simpanan yang akan didebitkan terus ke akaun KWSP mereka.

Walaupun ada di antara pekerja yang tidak bersetuju dengan kenaikan caruman, saya rasa sama ada mereka rela atau tidak kenaikan caruman setiap bulan itu akan memberi keselesaan di hari tua mereka ini kelak. Memang pada dasarnya masyarakat susah untuk menyimpan sendiri, apatah lagi untuk mempunyai simpanan tetap setiap bulan di bank. Akan tetapi mereka perlu bersyukur kerana kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat kebajikan rakyat dengan menyediakan pelan alternatif dan cadangan-cadangan yang bernas untuk memastikan taraf hidup rakyat terbela.

Perkara kontra yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah sekiranya pekerja menikmati gaji yang kecil tetapi hendak dinaikkan kadar caruman, bagaimana mereka ini hendak menampung kehidupan ditambah lagi dengan kos sara hidup yang tinggi serta terpaksa berhadapan pula dengan risiko kenaikan harga barang. Pada saya kita perlu fikirkan sedalam-dalamnya mengenai perkara ini. Kalau boleh gred gaji yang tinggi dan gred gaji yang rendah tidak diselaraskan kadar carumannya.

Bagi pekerja yang bergaji rendah, walaupun mempunyai caruman tetap, tetapi mereka berisiko untuk mencari lubang kewangan yang lain apabila mereka berhadapan dengan hal-hal kecemasan. Ini kerana KWSP tidak boleh dikeluarkan dengan mudah dan kerana banyak *red tape* yang terpaksa mereka lalui. Perkara ini juga menyumbang kepada hal yang lain di mana pekerja bergaji rendah akan pergi meminjam kepada 'along' ataupun dikenali sebagai peminjam wang tidak berlesen. Kes-kes 'along' ini jadi begitu terkenal

kerana ramai masyarakat yang mempunyai taraf hidup rendah meminjam kepada mereka. Jadi saya minta agar perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya.

■ 1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Sedikit sahaja lagi. Di dalam akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 22 Mei 2007 dinyatakan bahawa KWSP sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berdisiplin bagi memastikan caruman ahlinya terjamin.

Di samping itu juga KWSP komited dalam memastikan simpanan pencaruran tidak terjejas akibat inflasi dan berupaya membayar dividen tahunan sekurang-kurangnya pada kadar 2.5%. Di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan kepada KWSP agar menaikkan dividen tahunan yang lebih tinggi lagi. Ini adalah kerana KWSP melabur di dalam pelbagai bidang seperti *security*, pinjaman dan bon, pasaran wang dan hartanah.

Cadangan ini juga bertepatan kerana di BSKL pun pada masa ini mata indeks telah meningkat sehingga mencecah 1,300 mata iaitu jumlah wang besar dan sebagai induktor bahawa ekonomi negara kian rancak berkembang dan kukuh. Saya rasa adalah wajar KWSP menaikkan kadar dividen kalau hendak dikuatkan simpanan ASB lagi banyak dividennya.

Seperkara lagi yang menarik perhatian saya mengenai berita di *Utusan Malaysia* juga iaitu berita 23 Mei seramai 7.2 juta atau 63% pencarum KWSP belum membuat penamaan ke atas simpanan mereka. Ini adalah suatu kerugian yang besar kepada pencarum itu sendiri. Bayangkan jika pencarum itu maut secara tiba-tiba, keluarga atau waris terdekat pencarum pula bermasalah untuk mengeluarkan caruman si mati. Ini adalah kerana banyak prosedur dan akan memakan banyak masa.

Adalah tidak adil kepada waris terdekat yang sepatutnya benda yang mudah menjadi sukar kepadanya tambahan pula jika mereka ini dari keluarga yang susah. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sekiranya waris si mati mahu mengeluarkan caruman, agak memakan masa sekurang-kurangnya dua bulan dari tarikh kematian. Saya ingin mencadangkan agar proses ini dipercepatkan kalau boleh kurang dari dua minggu, dari tarikh kematian.

Kita tidak tahu semua masalah yang ada di dalam masyarakat kita. Kita juga tidak mahu wujudnya masalah yang kita sendiri tidak dapat tangani. Sebagai kerajaan yang prihatin, saya mengesyorkan agar proses untuk tujuan ini disegerakan untuk memudahkan mereka yang terlibat meneruskan kehidupan mereka dengan aman dan sejahtera serta tidak ada perkara-perkara yang tidak sepatutnya yang perlu mereka hadapi.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang KWSP 2007 (Pindaan). Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat menjawab dan menggulung perbincangan.

**12.09 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Puan Nordiana, Yang Berhormat Tuan Munusamy dan Yang Berhormat Datin Dr. Nik Azizah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sangat peka dan menghargai terhadap cadangan-cadangan, pandangan-pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan dalam perbincangan rang undang-undang ini. Seperti mana kita semua sedia maklum, pindaan ini dibuat bertujuan memperkemas, memantapkan dan melicinkan lagi urusan pentadbiran KWSP tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai pemegang amanah kepada ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Nordiana tentang ahli yang berumur 75 tahun hingga 80 tahun tidak menerima dividen.

Tuan Yang di-Pertua, objektif skim KWSP ialah untuk menyediakan manfaat persaraan untuk ahli-ahlinya. Sehubungan dengan ini simpanan KWSP adalah jelas untuk digunakan semasa ahli telah bersara. Pada umur 55 tahun ahli boleh mengeluarkan semua simpanan KWSP untuk digunakan bagi tujuan persaraan. Walau bagaimanapun ahli tidak digalakkan mengeluarkan semua simpanan secara sekali gus bagi mengelakkan simpanan habis digunakan dalam tempoh yang singkat.

Bayaran dividen dihentikan pada umur 75 tahun kerana pekerja tidak bertanggungjawab lagi untuk mencarum dan sebaliknya ahli digalakkan untuk mengeluarkan kesemua wang simpanan mereka di KWSP untuk digunakan bagi membiayai persaraan dan bukan lagi terus di simpan di KWSP bagi tujuan pelaburan. Ini tidak lagi selaras dengan matlamat KWSP iaitu simpanan KWSP bertujuan untuk membiayai persaraan dan bukannya untuk pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang dibangkitkan iaitu mengenai meningkatkan kadar caruman dan pengagihan dividen yang lebih tinggi bagi golongan yang berpendapatan rendah bagi meningkatkan simpanan golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua ahli mempunyai hak yang sama, jadi kadar dividen dan kadar caruman adalah sama dan tidak mengambil kira pendapatan ahli dan bukan berbeza dari semasa ke semasa. Kadar caruman sebanyak 23% iaitu caruman pekerja 11% dan majikan 12% pada masa ini adalah berpatutan. Ini kerana kadar caruman yang lebih tinggi akan menjejaskan *take home pay* dengan izin, golongan berpendapatan rendah dan mungkin akan membebaskan majikan.

Walaupun bagaimanapun, pekerja dan majikan boleh memilih untuk mencarum melebihi kadar caruman wajib yang tersebut di bawah peruntukan 43(3) Akta KWSP dan kerajaan memberi pelepasan cukai sehingga 19% bagi caruman yang dibuat oleh majikan. Dividen tahunan diagihkan berdasarkan kepada pembahagian penuh pendapatan bersih KWSP pada tahun yang berkenaan.

Pengagihan dividen dibuat berdasarkan jumlah simpanan ahli pada tahun yang berkenaan berasaskan konsep e-kualiti iaitu tidak membezakan ahli KWSP. Ini kerana simpanan KWSP adalah berasaskan konsep *define contribution* di mana setiap ahli mempunyai akaun individu dan manfaat yang diterima adalah berdasarkan jumlah daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Nordiana tentang tuntutan harta perkahwinan hanya boleh dikeluarkan pada umur 55 tahun dan untuk kematian, hilang upaya atau meninggalkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini adalah untuk memudahkan penuntut memperoleh harta perkahwinan kerana pada masa ini harta perkahwinan hanya boleh dibayar apabila ahli membuat pengeluaran pada umur 55 tahun dan KWSP tidak dapat memastikan ahli memenuhi perintah mahkamah tersebut.

Dengan adanya peruntukan ini KWSP dapat menjamin bahawa tuntutan harta perkahwinan dapat dibayar kepada penuntut. Simpanan KWSP adalah untuk persaraan ahli dan selaras dengan matlamat simpanan tersebut ia hendaklah dibayar bagi memenuhi keperluan persaraan penuntut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Munusamy membangkitkan tentang caruman pekerja berumur 55 tahun ke atas. Beliau bercadang supaya mengurangkan caruman pekerja yang berumur 55 tahun ke atas sebanyak 25%, mendiskriminasikan pekerja yang mengikut umur. Pandangan beliau ialah kalau dikurangkan caruman, maknanya ini adalah suatu diskriminasi kepada mereka yang telah berumur melebihi 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan ini ahli yang berumur 55 tahun ke atas yang telah mengeluarkan simpanan tidak lagi wajib mencarum kepada KWSP. Dengan cadangan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, mereka telah diwajibkan mencarum selagi masih bekerja walau pun telah mengeluarkan semua simpanan mereka pada umur 55 tahun. Maknanya walau pun dia telah mengeluarkan habis kesemua sekali wang simpanan pada umur 55 tahun, apabila mereka sambung bekerja semula, mereka diwajibkan membayar caruman tetapi pada kadar yang lebih rendah iaitu setengah daripada asalnya.

Pengurangan caruman kepada mereka yang berumur 55 tahun bertujuan untuk tidak membebankan pekerja dan majikan dengan mencarum pada kadar yang tinggi di samping menggalakkan majikan mengambil mereka bekerja. Ini bukan bertujuan mendiskriminasikan pekerja tetapi lebih kepada memberi peluang kepada pekerja mencarum semula kepada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengurangkan kadar caruman ini, maka kita berharap majikan akan mengambil mereka bekerja semula. Kalau kadar caruman masih tinggi maka majikan boleh memilih untuk melantik pekerja yang baru yang tentulah gajinya lebih rendah.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Pohon laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam isu ini iaitu umur 55 tahun ke atas ini ada carumannya, ada 10% daripada *work pause* yang tertakluk di bawah CA ataupun *Collective Agreement* ini. Dia tidak mendapat kemudahan ini, kenapa sebenarnya? Tidakkah ini boleh dikatakan sebagai ketidakadilan sebenarnya?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Maksudnya *Collective Agreement*...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** *Collective Agreement* iaitu ertinya hubungan dengan kesatuan sekerja. Saya dimaklumkan mereka tidak akan menerima kalau berumur 55 tahun dan masih bekerja, dia tidak ada caruman seperti mana yang dicadangkan dalam pindaan ini.

■1210

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya peruntukan di dalam mana-mana satu *Collective Agreement* ini di antara majikan dengan pekerja, dengan peruntukan rang undang-undang ini bagaimana akan mengatasi?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak dapat jawab dengan tepat tetapi logiknya Tuan Yang di-Pertua dulu sebelum pindaan ini memang majikan tidak perlu bayar EPF, tetapi dengan kelulusan ini makna, majikan wajib bayar tetapi pada kadar yang lebih rendah daripada sebelum 55 tahun. Ini kalau ikut peruntukan yang ada, mengikut undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak kiralah apa yang ada dalam *Collective Agreement*, kerana ini undang-undang.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dahulu dia ada pilihan Tuan Yang di-Pertua, dia hendak bayar atau tidak mahu bayar. Kalau majikan bayar caruman, dia dapat pelepasan cukai, itu secara *voluntary*, sekarang ini wajib. Saya yakin dari segi undang-undang dia akan mengatasi *Collective Agreement*. Ini jawapannya, memang akan mengatasi *Collective Agreement*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi tentang apa yang dibangkitkan oleh Tuan M. Munusamy tentang berkaitan penamaan iaitu mengingatkan ahli supaya membuat penamaan melalui penyata atau notis yang dihantar kepada ahli. Mewajibkan ahli membuat penamaan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam hal penamaan ini memanglah ramai yang tidak buat penamaan walaupun pihak EPF telah berusaha pelbagai cara seperti dalam *statement* yang diperoleh setiap tahun ataupun enam bulan sekali, memang sudah ada catatan penama ataupun tidak ada penama.

Itu satu peringatan dan juga pelbagai cara dibuat melalui hebahan-hebahan mengingatkan supaya ahli membuat penama tetapi memanglah selalunya tidak diambil endah dan akhirnya menjadi masalah kepada mereka. Buat masa ini ahli baru tidak diwajibkan membuat penamaan, walau bagaimanapun cadangan ini akan dipertimbangkan sewajarnya, ini satu cadangan yang baik.

Tuan M. Munusamy juga membangkitkan mengenai pengeluaran bagi membeli polisi insurans penyakit kritikal. Ahli dibenarkan untuk memilih amaun bagi pembelian insurans penyakit kritikal. Peruntukan baru ini membolehkan ahli mengeluarkan sebahagian simpanan dalam akaun dua untuk membeli polisi insurans, penyakit kritikal bagi



mendapatkan liputan perlindungan insurans yang lebih besar, membiayai kos rawatan penyakit kritikal bagi dirinya dan keluarganya. Ahli boleh membeli polisi tersebut daripada syarikat insurans yang diluluskan sama ada konvensional ataupun takaful. Pengeluaran boleh dikeluarkan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh lembaga. Bermakna...

**Tuan M. Munusamy:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan M. Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma saya minta penjelasan berkenaan dengan Akaun 2. Saya difahamkan bahawa ahli-ahli boleh mengeluarkan Akaun 2 tanpa sebarang alasan pada usia 50 tahun. Selepas 50 tahun sekiranya mereka hendak mengagihkan sebilangan ataupun beberapa peratus daripada akaun ini untuk insurans polisi mereka tidak ada caruman. Adakah ini benar? Bolehkah mereka mengeluarkan semua caruman iaitu 30% daripada Akaun 2 apabila mereka berusia 50 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Dr. Haji Mohd. Puad bangun, Yang Berhormat hendak beri laluan sekali gus?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Boleh, boleh.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan iaitu tidakkah ada cadangan untuk membenarkan mereka sebelum 50 tahun ini, mengeluarkan caruman itu untuk tujuan menunaikan haji supaya mereka boleh menunaikan haji lebih awal.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sebelum pindaan ini ada tiga akaun, Akaun 1, Akaun 2, Akaun 3. Sekarang selepas pindaan, menjadi dua akaun sahaja, iaitu Akaun 1 dan akaun 2 dan Akaun 2 hari ini sudah tinggal 30%. Maknanya simpanan wajib Akaun 1 70%. Kalau dahulu keluaran daripada Akaun 2 adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bukannya boleh diambil sewenang-wenangnya begitu sahaja melainkan untuk insurans, perumahan, pendidikan dan kesihatan tetapi untuk lain-lain tidak boleh, ada syarat-syaratnya. Yang penting, simpanan untuk persaraan ada lagi 70%. Yang ini tidak boleh usik langsung. EPF juga mesti prihatin dalam perkara ini dan tidak boleh hendak ikut suka ambil Akaun 2, tidak boleh, untuk suka-suka *no*, dia untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pengeluaran untuk ibadah haji, yang ini satu perkara yang tidak digalakkan, EPF tidak membenarkan ahlinya untuk mengeluarkan simpanan untuk menunaikan fardu haji. Ini menyalahi tujuan asal KWSP iaitu untuk simpanan hari tua. Haji ini adalah wajib, memang wajiblah tetapi kalau ada berlebihan pendapatan, kalau dia hendak *draw* daripada simpanan hari tua dia untuk menunaikan haji, mungkin selepas umur 50 tahun bolehlah tetapi sebelum 55 tahun memang tidak dibenarkan. Ini menyalahi konsep yang telah ditetapkan untuk KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung tentang Tuan M. Munusamy lagi berkenaan mekanisme pemantauan pelaburan KWSP dalam mata wang asing dan *derivative*. Bagi aktiviti pelaburan KWSP dalam mata wang asing dan *derivative* KWSP perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Seterusnya Panel Pelaburan KWSP memastikan pelaburan tersebut dibuat secara disiplin dan berhemah.

Peringkat pengurusan pula duti pelaburan harian dikaji dan dinilai oleh jawatankuasa pengurusan pelaburan yang bermesyuarat setiap minggu. Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang EPF memang dalam hal ini cukup disiplin, iaitu sebelum mereka mengambil bahagian dalam mana-mana pelaburan, ahli-ahli panel pelaburan di peringkat pegawai, ada peraturan di peringkat *board* dan di peringkat *board* sendiri juga akan diberitahu. Maknanya ada pelbagai peringkat. Dalam hal ini EPF amat berhati-hati dan memastikan semua pelaburan mendatangkan untung Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita tidak bimbanglah. Pengurusannya amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Dr Hajah Nik Azizah, tentang kadar caruman iaitu lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Puan Nordiana tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelas tadi iaitu samalah, jadi kadar caruman pekerja 11%, majikan

12% adalah berpatutan. Kalau kita hendak tambahkan lagi caruman ini akan membebankan dan mengurangkan *take home pay* kepada pekerja yang berkenaan. Jadi, mungkin mendatangkan kesusahan kepada mereka. Pada masa ini tidak ada cadangan untuk meningkatkan lagi caruman, kecuali kalau majikan sendiri hendak tambah, dia boleh tambah caruman sehingga 19% dan mendapat pelepasan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Datin Dr. Hajah Nik Azizah lagi, pembayaran caruman ahli KWSP kepada waris apabila meninggal dunia. Mohon dipercepatkan pengeluarannya dalam masa dua minggu. Tuan Yang di-Pertua, apabila ahli meninggal dunia, simpanan KWSP ahli akan dibayar kepada penama. Penama bagi orang Islam adalah wasi maknanya pemegang amanah dan dia hendaklah mengagihkan wang itu mengikut faraid tetapi orang yang bukan Islam, duit itu akan dikeluarkan kepada penama juga dan ini akan menjadi hak mutlak penama.

Jadi, kecuali dia dapat perintah mahkamah untuk bahagi-bahagikan kepada keluarga-keluarga yang lain. Maknanya dia kena dapat perintah mahkamah tetapi bagi orang Islam penama mestilah faraidkan kepada waris yang lain.

Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan semoga kita dapat membawa KWSP ke arah yang lebih cekap untuk memenuhi aspirasi kerajaan dan pada masa yang sama terus memberi perlindungan kepada ahli KWSP menjelang hari persaraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

■1220

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2007

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.23 tgh.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil Dalam Negeri dirujuk sebagai LHDN telah ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan di bawah seksyen 3, Akta Lembaga

Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ataupun Akta 533 yang berkuat kuasa pada 16 Februari 1995. Namun begitu sehingga tarikh ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun LHDN masih lagi menerima pakai Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dalam urusan tindakan tatatertib bagi pegawai dan kakitangan LHDN.

Ini adalah selaras dengan subseksyen 15(3) Akta 533 yang berbunyi seperti berikut:

“Sehingga suatu masa yang terma dan syarat perkhidmatan termasuklah kelakuan tatatertib pekerja dirangka oleh Lembaga, skim dan terma dan syarat perkhidmatan termasuklah kelakuan dan tatatertib pekerja kerajaan hendaklah terpakai.”

Seterusnya mutatis mutandis kepada tiap-tiap orang yang diguna khidmat oleh Lembaga di bawah subseksyen 1.

Seterusnya Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta 605 yang berkuat kuasa pada 31 Ogos 2000 tidak terpakai bagi LHDN. Ini adalah kerana LHDN tersenarai di dalam Jadual Pertama sebagai salah sebuah badan berkanun yang dikecualikan daripada pemakaian Akta 605 tersebut yang diperuntukkan dalam subseksyen 2(1). Namun begitu, subseksyen 2(2) pula menghendaki peruntukan tatatertib yang terpakai bagi pegawai badan berkanun seperti LHDN menepati peruntukan dalam Akta 605 dan seberapa yang boleh dibenarkan oleh undang-undang pemerbadanannya. Subseksyen 2(1) dan 2(2), Akta 605 memperuntukkan seperti berikut:

- (i) subseksyen 2(1) - akta ini hendaklah terpakai bagi semua badan berkanun kecuali badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama;
- (ii) subseksyen 2(2) - walau apa pun subseksyen 1, badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan tatatertib yang terpakai bagi pegawainya menepati peruntukan-peruntukan dalam peraturan-peraturan ini seberapa yang boleh yang dibenarkan oleh undang-undang pemerbadanannya dan sistem pengurusan dan saraannya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan subseksyen 15(3) Akta 533, peruntukan perundangan mengenai tatatertib yang terpakai bagi pegawai-pegawai awam adalah terpakai bagi pegawai dan kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri sehingga dibuat satu perundangan mengenai pengurusan tatatertibnya sendiri iaitu untuk membolehkan peruntukan yang komprehensif dan menyeluruh mengenai tatatertib dalam Akta 533 dan bagi melaksanakan maksud subseksyen 2(2) Akta 605 tersebut di atas. Maka adalah perlu Akta 533 dipinda dengan memasukkan beberapa peruntukan berkaitan dengan tatatertib. Pindaan yang dijalankan dalam rang undang-undang ini akan membolehkan LHDN menggubal peraturan-peraturan berkaitan tatatertib untuk menguruskan tindakan tatatertib pegawai dan kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain isu-isu berhubung dengan integriti anggota perkhidmatan awam, semakin menarik perhatian umum yang mewajarkan LHDN mempunyai peraturan-peraturan berkaitan tatatertib yang komprehensif khususnya pegawai dan kakitangannya. Adalah juga wajar Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak lagi bergantung kepada peraturan-peraturan tatatertib yang terpakai bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam setelah hampir 11 tahun diperbadankan. Pindaan kepada Akta 533 juga akan dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan tatatertib Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Seterusnya, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri juga ingin memperuntukkan pemberian elaun kepada anggota mana-mana jawatankuasa Lembaga memandangkan pelantikan anggota tersebut adalah juga akan melibatkan ahli-ahli yang berpengalaman dari luar. Anggota yang dilantik tersebut adalah dari kalangan orang yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau undang-undang. Oleh itu, pindaan kepada Akta 533 ini akan melibatkan sedikit peningkatan kos belanja mengurus Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tujuan pembayaran elaun anggota-anggota mana-mana jawatankuasa Lembaga pada setiap kali bermesyuarat dan kadarnya tertakluk kepada kelulusan menteri.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lima fasal dan secara terperinci, Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menerima peruntukan seperti berikut:

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa peruntukan dalam rang undang-undang melalui warta.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 533 untuk memasukkan subseksyen baru (7) yang mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota mana-mana jawatankuasa Lembaga. Pindaan ini membolehkan bayaran elaun diberikan ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik khususnya di dalam keadaan di mana ahli-ahli tersebut merupakan mereka yang berpengalaman dari pihak luar. Elaun ini hanya diberikan tertakluk kepada kelulusan menteri.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 18, Akta 533 bagi memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kawalan tatatertib ke atas pekerja-pekerjanya dan diberikan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib. Lembaga Hasil Dalam Negeri memerlukan suatu peraturan tatatertibnya sendiri bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam mengklasifikasikan peraturan-peraturan yang diguna pakai pada masa sekarang.

■ 1230

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen 18A, 18B, 18C, 18D, 18E, 18F dan 18G ke dalam Akta 533. Penubuhan Jawatankuasa Tatatertib bagi kategori berlainan, pekerja lembaga dan berkenaan dengan Ketua Pegawai Eksekutif diperkatakan masing-masing dalam seksyen 18A dan 18B. Penubuhan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib diperuntukkan dalam seksyen 18C.

Seksyen 18D dan 18E bertujuan untuk memberikan lembaga kuasa menamatkan perkhidmatan seseorang jika dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pekerja itu. Lembaga berpuas hati bahawa adalah wajar perkhidmatan pekerja itu ditamatkan demi kepentingan awam.

Penamatan sedemikian bukanlah pembuangan kerja sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 18G. Seksyen 18F menghendaki lembaga memberi pekerja yang hendak ditamatkan olehnya demi kepentingan awam dan peluang untuk didengar.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 20 yang menyatakan satu alasan bagi pengenaan surcaj ke atas pekerja dan bekas pekerja lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon supaya Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna rang undang-undang ini tidak ada kena-mengena dengan hasil atau cukai.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ianya semata-mata tertumpu kepada perkara-perkara perjalanan dan pengurusan lembaga. Adakah itu benar, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Itu benar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat yang menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dr. Puad.

**12.32 tgh.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai Piagam Lembaga Hasil Dalam

Negeri yang tujuannya ialah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan terutamanya dalam meningkatkan jumlah hasil dan kutipan cukai. Saya mengambil satu contoh iaitu urusan pembayaran balik lebih cukai mesti dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan ataupun tuntutan bayaran secara *e-filing* dalam satu bulan.

Oleh itu rang undang-undang ini memang penting kerana penubuhan Jawatankuasa Tatatertib ini akan memastikan piagam ini akan dipatuhi dan dilaksanakan. Apatah lagi Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah merupakan satu institusi yang penting untuk kita mengutip hasil dan mengelakkan berlakunya ketirisan sebab banyak pihak mengatakan bahawa jika piagam ini tidak dipatuhi atau dipenuhi, maka sebenarnya kita tidak mengutip hasil yang sepatutnya. Jumlah yang kita kutip.

Sebab itulah ini berkaitan dengan soal tatatertib. Oleh kerana itulah kalau kita lihat satu contoh kejayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri pada 2006, kutipannya ialah sebanyak RM65 bilion iaitu kenaikan 12% berbanding pada tahun 2005 iaitu sebanyak RM56 bilion, hasil daripada sumbangan 3.8 juta pembayar cukai. Oleh kerana itu saya cuma hendak menyentuh satu fasal yang penting iaitu 18B iaitu Jawatankuasa Tatatertib terhadap CEO ini ataupun Ketua Pegawai Eksekutif iaitu 18B yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri sendiri dan dua orang anggota.

Saya ingin mencadangkan berdasarkan kepada pengalaman, tindakan terhadap Ketua Pengarah BPR baru-baru ini bahawa dua orang yang dilantik ini yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri mestilah orang yang bukan datangnya daripada dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri sendiri, sekurang-kurangnya bagi saya mungkin satu daripadanya ialah pegawai daripada BPR dan satu lagi ialah daripada Pejabat Peguam Negara sebagai ini melibatkan seorang CEO dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri sendiri.

Sebab itulah kita tidak mahu maksudnya seperti mana yang berlaku kepada siasatan kepada Ketua Pengarah BPR, polis sendiri yang terpaksa membuat siasatan sebab dia pernah menjadi pegawai tinggi polis sebelum daripada itu yang sepatutnya pada pandangan saya ialah satu suruhanjaya khas. Oleh kerana itulah saya mengharapkan bahawa dalam Perkara 18B ini, ia perlu diberikan perhatian iaitu bahawa jika yang disiasat ini ialah CEO, maka jawatankuasa ini mestilah jawatankuasa yang mesti ada kredibiliti.

Cuma yang menimbulkan persoalan juga kepada saya ialah disebut juga bahawa keputusan menteri itu adalah muktamad. Jadi apakah maksudnya jika sekiranya jawatankuasa ini, Jawatankuasa Tatatertib terhadap CEO ini sudah membuat keputusan, apakah maksudnya menteri boleh mengubah keputusan tersebut.

Satu lagi yang saya ingin sedikit penjelasan ialah apakah keputusan yang dibuat terhadap CEO ini boleh dirayu sebab kalau dalam kes pegawai-pegawai lain boleh dirayu. Tetapi dalam kes CEO ini boleh dirayu atau tidak sebab pemecatan yang disebutkan di sini maksudnya bukan pembuangan sebenarnya. Oleh kerana itulah saya berharap bahawa melalui Jawatankuasa Tatatertib ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mempunyai budaya kerja yang lebih baik dan yang lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya yakin bahawa apabila kita melihat ratusan pembayar cukai yang menggunakan *e-filing* ini baru 5% sebenarnya. Saya harap dengan adanya Jawatankuasa Tatatertib ini piagam itu dipenuhi. Kalau kita lihat dari segi angka ini iaitu hanya 188,747 orang sahaja yang membayar cukai individu melalui *e-filing* ini. Jadi kita kena mempertingkatkan usaha ini dan saya juga mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah hampir garis-garis sempadan. Saya hendak mengehendkan perbahasan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Cuma saya hendak mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk bertanya sedikit tentang satu isu yang penting iaitu kes pembayaran balik lebih cukai ini. Maksudnya kenapa ini berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sekali lagi sebut, Yang Berhormat menghampiri garis-garis yang terkeluar daripada inti sari pindaan masalah di hadapan Majlis.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, sebab ini melibatkan soal piagam Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dikaitkan tetapi kalau kita *spin* sesuatu itu, apa sahaja kita boleh buat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin tahu maksudnya kenapa kes pembayaran balik lebih cukai ini begitu meningkat, apa puncanya? Apakah ini kerana timbul soal ketidakcekapan tadi? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, tiada sesiapa lagi, sila jawab dan gulung sekarang menyentuh isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

### 12.38 tgh.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad di atas penglibatan beliau tadi dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang Lembaga Hasil Dalam Negeri nampaknya lebih lama lebih canggih, lebih efisien dan dengan sistem-sistem yang telah pun dijalankan dan termasuklah *e-filing* yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi. *E-filing* ini baru Tuan Yang di-Pertua dan nampaknya sekarang ini sudah makin ramai. Baru tahun lepas dimulakan dan nampak sudah meningkat 5% kira baguslah itu, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah begitu ramai pembayar cukai iaitu 34 juta orang. Jadi ini satu perkara yang amat menggalakkan.

Saya hendak menjawab dahulu tentang bayaran balik cukai lebih ini. Memanglah sekarang ini kita sudah guna Sistem PCB - Pembayar Cukai Berjadual dan kebanyakan memang terlebih bayar. Sekarang ini sudah cepat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau berbanding dengan dahulu sebelum ini dan lebih cepat kerana dahulu bila cukai dibayar balik, hendak dituntut balik, Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak ada wang kerana ia kena pergi kepada Parlimen dan minta peruntukan dan apabila dapat peruntukan itu barulah boleh bayar.

Sekarang ini sudah tubuh satu tabung bayaran balik cukai yang berlebihan. Ini sudah ada satu tabung. Tabung ini sentiasa *revolving*, maknanya kalau kurang ia tambah lagi dan dibayar melalui tabung ini, sepatutnya lebih cepat lagi.

### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, tentang tatatertib, memang cadangan tindakan tatatertib ke atas pegawai eksekutif ini, Seksyen 18B, Jawatankuasa mestilah sesuatu yang ada kredibiliti dan keputusan Menteri adalah muktamad apakah CEO boleh merayu ke atas hukuman yang telah ditetapkan oleh Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Menteri membuat keputusan berasaskan perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib, dia tidak buat seorang. Pegawai yang diperakukan oleh Jawatankuasa itulah yang akan dibuat keputusan dan sebaliknya. Maka Menteri tidak akan *overwrite* keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga terdiri daripada anggota yang berwibawalah. Dia tidak boleh merayu, ini *special* sikit sebab dia sudah peringkat tinggi, dia tidak boleh merayu lagi sudah. Dia kena pergi ke *High Court*, kalau hendak merayu pergi ke *High Court*, dia tidak macam orang lain. Pegawai lain dia boleh merayu, boleh dapat hak mendengar tetapi untuk CEO dia kena pergi ke *High Court* Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat itu sahajalah jawapannya Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih lagi kepada Dr. Puad, terima kasih kepada Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rRang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sekali lagi ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang.

## RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG 2007

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.44 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan, penubuhan Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh huraikan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jenayah pemerdagangan orang bagi tujuan eksploitasi, terutamanya eksploitasi berkaitan seks, kian berleluasa sekarang. Masalah ini bukan sahaja merupakan satu masalah di peringkat domestik tetapi ia merentasi sempadan antara negara.

Laporan *Amnesty* Antarabangsa pada tahun 2004 menganggarkan seramai 700,000 orang diperdagangkan setiap tahun. Sementara laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat menunjukkan seramai 600,000 hingga 800,000 orang diperdagangkan merentasi sempadan setiap tahun. Mangsa yang terlibat kebanyakannya ialah wanita dan kanak-kanak. Jenayah pemerdagangan orang memberikan keuntungan yang lumayan kepada sindiket yang terlibat yang dianggarkan berjumlah USD10 bilion setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa, instrumen Bangsa-bangsa Bersatu untuk memerangi jenayah ini terkandung di dalam dengan izin, *The United Nations Convention against Transnational Organized Crime* ataupun UNTOC dan protokol-protokol di bawahnya. UNTOC bertujuan untuk menggalakkan kerjasama bagi mencegah dan memerangi jenayah rentas negara terancang dengan lebih berkesan. Salah satu protokol di bawah UNTOC ialah dengan izin, *Protocol to Prevent Suppress and Punish Trafficking in Persons especially Women and Children* ataupun dikenali sebagai TIP Protocol.

Malaysia telah meratifikasikan UNTOC pada September 2004 dan sedang mengkaji TIP Protocol dengan matlamat untuk menyertai protokol tersebut. TIP Protocol bertujuan untuk menangani masalah jenayah pemerdagangan orang dan menyediakan perlindungan dan bantuan kepada mangsa pemerdagangan. TIP Protocol menghendaki setiap negara pihak untuk melaksanakan tanggungjawabnya yang antara lain adalah:

- (i) menyediakan langkah untuk mencegah pemerdagangan orang;
- (ii) menyediakan perlindungan dan penjagaan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan orang; dan

- (iii) menggubal undang-undang baru atau meminda undang-undang sedia ada bagi mengadakan perundangan yang komprehensif untuk menangani masalah jenayah pemerdagangan orang yang merangkumi peruntukan mengenai pendakwaan berkenaan kesalahan-kesalahan pemerdagangan orang bagi tujuan eksploitasi termasuk pemerdagangan kanak-kanak, peruntukan berkenaan jagaan, perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan tahunan pemerdagangan orang yang diterbitkan oleh dengan izin *Office Monitor to Combat Trafficking in Persons, United States Department of State* pada 5 Jun 2006, Malaysia ditempatkan pada tingkat kedua senarai pengawasan dengan izin, *tier two watch list*. Keputusan untuk menempatkan Malaysia pada tingkat kedua senarai pengawasan adalah kerana Malaysia dilihat tidak bersungguh-sungguh dalam usaha untuk menangani dan memerangi masalah pemerdagangan orang, khususnya dengan ketiadaan undang-undang domestik yang spesifik dan komprehensif untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun laporan oleh dengan izin, *Office Monitor to Combat Trafficking Person in United States Department of State* di peringkat domestik, Kerajaan Malaysia amnya dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya telah mengambil tindakan proaktif dalam menangani masalah jenayah ini dengan menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada. Buat masa ini, undang-undang di Malaysia berkenaan pemerdagangan orang hanya terhad kepada aspek pendakwaan seperti yang terkandung dalam beberapa undang-undang yang berasing seperti Perlembagaan Persekutuan, Artikel 6 yang memperuntukkan larangan keabadian dan kerja paksa, Kanun Keseksaan, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Imigresen 1999 dan 1963.

Tuan Yang di-Pertua, antara tindakan-tindakan proaktif PDRM ialah:

■ 1250

- (i) mengenal pasti individu dan sindiket yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mengambil tindakan pendakwaan di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (ii) mengambil tindakan terhadap penganjur dan pengusaha haram di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 dan Ordinan Darurat No.5 1969;
- (iii) mengenal pasti tempat-tempat yang sering dijadikan dengan izin *point of entry*, penyeludup-penyeludup yang membawa wanita-wanita warganegara asing untuk dijadikan pelacur bagi tindakan pencegahan dan menyelamatkan mangsa;
- (iv) menjalin kerjasama dalam pertukaran maklumat dan risikan antara penguat kuasa luar negara dan penguat kuasa tempatan bagi menangani masalah penyeludupan wanita dan gadis untuk tujuan pelacuran; dan
- (v) mengambil tindakan menyelamatkan mangsa-mangsa yang dikurung dan dipaksa untuk menjadi pelacur apabila menerima maklumat dan laporan dari pihak kedutaan, orang perseorangan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan pada tahun 2005, seramai 6,484 pelacur warganegara asing ditangkap manakala setakat bulan Julai 2006 seramai 3,245 warga negara asing telah ditangkap. Daripada jumlah statistik tahun 2005 dan Julai 2006, bilangan yang tertinggi ialah warganegara China - 4,222 orang; Indonesia - 2,392 orang dan Thailand - 1,489 orang. Manakala bilangan warga negara Malaysia yang ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan pelacuran ialah seramai 384 orang pada tahun 2005 dan seramai 206 orang setakat bulan Julai 2006.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam usaha menangani masalah jenayah pemerdagangan orang sedar akan keperluan untuk mengadakan satu undang-undang spesifik dan menyeluruh berkenaan pemerdagangan orang yang merangkumi aspek



pendakwaan, pencegahan, jagaan dan perlindungan. Sekiranya masalah pemerdagangan orang tidak dibendung, Malaysia mungkin menjadi dengan izin *hotspot* untuk jenayah pemerdagangan orang. Ini adalah kerana Malaysia merupakan salah sebuah negara yang paling dinamik dari segi ekonomi di rantau ini.

Rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bertujuan untuk membendung dan menangani masalah jenayah pemerdagangan orang dan secara langsung memenuhi kehendak TIP Protocol. Kerajaan berpandangan bahawa rang undang-undang ini akan melengkapkan dengan izin *complement* peruntukan undang-undang sedia ada berkenaan dengan pemerdagangan orang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi enam bahagian dan 67 fasal. Rang undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan kepada orang yang diperdagangkan. Penubuhan majlis bagi antipemerdagangan orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I rang undang-undang adalah berkenaan perkara permulaan.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan penetapan tarikh kuat kuasa rang undang-undang.

Fasal 2 mengandungi tafsiran kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam rang undang-undang. Antara ungkapan tersebut ialah ungkapan pemerdagangan orang yang bagi maksud rang undang-undang ditakrifkan sebagai perekrutan dengan izin, *recruitment*, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi. Eksploitasi pula ditakrifkan sebagai segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

Fasal 3 memperuntukkan berkenaan ruang lingkup pemakaian rang undang-undang, manakala fasal 4 memperuntukkan bahawa akta ini terpakai kepada kesalahan di luar wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II rang undang-undang memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan majlis bagi antipemerdagangan orang. Selepas ini dikenali sebagai Majlis. Antara fasal-fasal penting dalam bahagian ini ialah seperti yang berikut:

Fasal 6 memperuntukkan mengenai penubuhan Majlis Bagi Antipemerdagangan Orang yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Keselamatan Dalam Negeri. Anggota majlis terdiri daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dalam menangani isu atau masalah pemerdagangan orang dan tiga wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam masalah pemerdagangan orang termasuk perlindungan dan bantuan kepada mangsa.

Fasal 7 memperuntukkan mengenai fungsi dan kuasa majlis. Antara fungsi-fungsi majlis ialah:

- (i) merumus dan menyelia pelaksanaan pelan tindakan kebangsaan mengenai pencegahan dan penghapusan pemerdagangan orang termasuklah bantuan dan perlindungan kepada mangsa; dan
- (ii) bekerjasama dan menyelaras dengan badan atau agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan badan-badan antarabangsa berhubung dengan masalah-masalah pemerdagangan orang termasuk penjagaan dan perlindungan kepada mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III rang undang-undang memperuntukkan berkenaan kesalahan-kesalahan pemerdagangan, kekebalan dan sebagainya.

Fasal 12, menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang memperdagangkan seseorang bagi tujuan eksploitasi. Kesalahan di bawah fasal ini

membawa hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga didenda.

Fasal 13 memperuntukkan berkeñaan kesalahan pemerdagangan orang bagi tujuan eksploitasi dengan menggunakan ancaman, kekerasan, *fraud*, penyalahgunaan kuasa, perdayaan dan sebagainya. Fasal ini berbeza daripada fasal 12 kerana fasal ini melibatkan antaranya unsur-unsur paksaan dan kekerasan ke atas mangsa. Oleh itu penalti di bawah fasal ini adalah lebih tinggi berbanding penalti di bawah fasal 12, iaitu fasal ini menetapkan hukuman minimum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan hukuman maksimum yang tidak melebihi 20 tahun. Pesalah di bawah fasal ini boleh juga dikenakan denda.

Rang Undang-undang ini mempunyai peruntukan spesifik berkeñaan kesalahan pemerdagangan orang yang melibatkan kanak-kanak. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah fasal 14 rang undang-undang yang menetapkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun, tetapi tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda.

Fasal 15 memperuntukkan kesalahan mendapatkan keuntungan daripada pengeksploitasian orang yang diperdagangan. Di bawah fasal ini, pesalah jika disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara yang tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga didenda bagi amaun yang tidak kurang daripada RM50,000 tetapi tidak melebihi RM500,000.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini ialah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan kerana jenayah ini melibatkan pengeksploitasian mangsa dari segi seksual, kerja paksa, pemindahan organ manusia dan aktiviti jenayah yang lain. Statistik turut menunjukkan bahawa sebahagian besar mangsa pemerdagangan orang ialah wanita dan kanak-kanak yang diperdaya dan dipaksa melakukan aktiviti pelacuran. Kebanyakan mangsa terpaksa melalui trauma fizikal, psikologi dan emosional manakala individu atau sindiket yang melakukan jenayah meraih keuntungan besar daripada pengeksploitasian tersebut. Oleh itu, hukuman berat yang bersifat dengan izin, *deterrent* adalah diperlukan untuk menangani jenayah ini dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 16 hingga fasal 24 memperuntukkan berkeñaan kesalahan sampingan yang berkaitan dengan pemerdagangan orang seperti kesalahan membuat, memperoleh, memberi, menjual atau memiliki sesuatu dokumen perjalanan atau pengenalan diri palsu bagi tujuan pemerdagangan, merekrut orang lain untuk melakukan kesalahan pemerdagangan orang, memberi kemudahan kewangan dan perkhidmatan untuk membantu perbuatan pemerdagangan orang dan memberi perlindungan kepada orang yang melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita ada satu minit sahaja lagi. Saya kata Yang Berhormat akan mengambil masa lebih banyak lagi untuk menghabiskan huraian. Bolehkah Yang Berhormat sambung selepas ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, selepas ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Yang Berhormat boleh teruskan satu minit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Fasal 25 memperuntukkan pengecualian pendakwaan jenayah ke atas mangsa pemerdagangan berkaitan kesalahan-kesalahan imigresen. Memandangkan mangsa di bawa ke negara ini tanpa kerelaan, rang undang-undang ini memperuntukkan pengecualian daripada tindakan pendakwaan terhadap mangsa bagi apa-apa kesalahan imigresen. Contohnya kemasukan mangsa ke negara ini secara haram atau tempoh permastautinan yang tidak sah.

Fasal 26 pula bertujuan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV rang undang-undang memperuntukkan mengenai perkara-perkara penguatkuasaan.

Fasal 27 menetapkan pegawai polis, pegawai imigresen, pegawai kastam dan pegawai agensi penguatkuasaan maritim sebagai pegawai yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini.

Fasal 28 hingga fasal 41 memperuntukkan kuasa-kuasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada pukul 2.30 nanti.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sila sambung.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung semula. Fasal 28 hingga fasal 41 memperuntukkan kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai penguat kuasa untuk menguatkuasakan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V memperuntukkan berkenaan dengan perkara jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan. Di antara fasal-fasal penting dalam Perlembagaan ini adalah seperti yang berikut.

Fasal 42 memberi menteri kuasa untuk mengisytiharkan melalui warta mana-mana rumah, bangunan atau tempat sebagai tempat perlindungan yang bertujuan untuk menempatkan dan memberi perlindungan serta jagaan kepada mangsa pemerdagangan. Di tempat perlindungan ini, langkah-langkah seperti pemulihan fizikal, psikologi dan sosial akan diberikan kepada mangsa pemerdagangan. Selain tujuan jagaan dan perlindungan, jika mangsa adalah warganegara asing, mangsa ditempatkan di tempat perlindungan bagi tujuan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk urusan penghantaran pulang mereka ke negara asal tanpa kelengahan selaras dengan obligasi di bawah TIP Protocol.

Fasal 43 memberi menteri kuasa untuk melantik Pegawai Pelindung yang terdiri daripada pegawai-pegawai kebajikan masyarakat atau mana-mana pegawai awam.

Fasal 44 memperuntukkan mengenai prosedur apabila seseorang yang disyaki mangsa pemerdagangan ditemui atau diselamatkan oleh pegawai penguat kuasa. Orang yang diselamatkan itu hendaklah dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam bagi tujuan memperoleh perintah perlindungan sementara selama 14 hari bagi menempatkannya di tempat perlindungan untuk tujuan penyiasatan berkenaan kesnya dan untuk mengesahkan sama ada orang itu adalah mangsa pemerdagangan ataupun tidak.

Fasal 45 hingga fasal 50 memperuntukkan berkenaan perkhidmatan perubatan kepada mangsa jika perlu, apabila diselamatkan oleh pegawai penguat kuasa dan sebelum mangsa dibawa ke hadapan majistret.

Fasal 51 menetapkan tindakan yang perlu diambil oleh seorang pegawai penguat kuasa dan Pegawai Pelindung dalam tempoh 14 hari semasa berkuat kuasanya perintah perlindungan sementara. Apabila tamat tempoh 14 hari, orang yang disyaki mangsa hendaklah dibawa semula ke hadapan majistret. Pegawai penguat kuasa serta Pegawai Pelindung perlu mengemukakan laporan untuk menentukan sama ada orang itu ialah mangsa pemerdagangan orang. Sekiranya majistret berpuas hati bahawa orang itu adalah mangsa pemerdagangan, maka majistret akan membuat perintah perlindungan dan akan memerintah supaya mangsa ditempatkan di tempat perlindungan bagi suatu tempoh tertentu.

Terdapat perbezaan antara perintah perlindungan yang melibatkan mangsa warganegara Malaysia dengan mangsa warganegara asing. Jika mangsa ialah warganegara Malaysia, majistret boleh memerintah supaya mangsa ditempatkan di tempat perlindungan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun. Manakala jika mangsa adalah warganegara asing, mangsa akan di tempatkan di tempat perlindungan selama tempoh tiga bulan. Selepas tempoh itu mangsa akan dihantar pulang ke negara asalnya. Dalam tempoh tiga bulan itu sekiranya terdapat suatu pertuduhan jenayah terhadap mana-mana orang berkenaan kesalahan di bawah rang undang-undang ini, mangsa hendaklah dibawa

ke hadapan seorang majistret untuk direkodkan keterangan mangsa bagi tujuan kes tersebut.

Fasal 52 menyatakan prosedur bagi merekodkan keterangan mangsa dan keterangan itu boleh diterima dalam mana-mana prosiding di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 53 memperuntukkan bahawa sekiranya mangsa ialah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap, ibu atau bapa, penjaga atau saudara kepada mangsa boleh memohon kepada mahkamah untuk mengambil mangsa ke dalam jagaan mereka.

Fasal 54 memperuntukkan berkenaan prosedur apabila perintah perlindungan dibatalkan atau telah tamat tempoh. Sekiranya mangsa ialah seorang warganegara Malaysia, mangsa hendaklah dilepaskan. Walau bagaimanapun, jika Pegawai Pelindung berpendapat bahawa mangsa perlu diberikan perlindungan lanjut maka Pegawai Pelindung boleh memohon kepada majistret supaya mangsa ditempatkan di tempat perlindungan bagi satu tempoh lanjutan yang majistret fikirkan sesuai.

Sekiranya mangsa ialah warganegara asing, mangsa hendaklah dilepaskan dan diserahkan kepada pegawai imigresen yang akan menguruskan penghantaran pulang mangsa ke negara asalnya mengikut peruntukan Akta Imigresen 1959/63.

Fasal 55 memperuntukkan bahawa mangsa yang melarikan diri dari tempat perlindungan boleh diletakkan dalam jagaan pegawai penguat kuasa dan selepas itu hendaklah dibawa semula ke tempat perlindungan.

Fasal 56 pula memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan jika mana-mana orang memindahkan atau melarikan mangsa dari tempat perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI memperuntukkan berkenaan perkara pelbagai. Antara fasal di dalam bahagian ini ialah fasal 58 yang memperuntukkan berkenaan sekatan kepada media massa daripada melaporkan dan menyiarkan nama, alamat atau gambar mangsa atau apa-apa maklumat lain yang boleh membawa kepada pengenalpastian identiti mangsa dalam mana-mana akhbar, majalah atau apa-apa perantara elektronik. Peruntukan lain dalam bahagian ini adalah berkenaan kuasa menteri untuk membuat peraturan-peraturan peruntukan penalti am dan pencegahan anomali.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini, Malaysia dapat menangani masalah jenayah pemerdagangan orang serta memberi perlindungan yang sewajarnya kepada mangsa pemerdagangan orang. Pada masa yang sama, Malaysia dapat juga melaksanakan dan memenuhi kewajipan yang terkandung dalam UNTOC dan TIP Protocol dan seterusnya menyertai TIP Protocol. Adalah menjadi harapan kerajaan jenayah pemerdagangan orang dapat dicegah dan dihapuskan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan. Penubuhan Majlis Bagi Antipemerdagangan Orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Dato' Rhina Bhar.

■1440

**2.40 ptg.**

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan Orang 2007. Saya mengucapkan syabas dan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Barisan

Nasional yang memulakan rang undang-undang ini untuk menghapuskan pemerdagangan orang-orang di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pemerdagangan orang terutamanya wanita merupakan satu bentuk perniagaan berunsur jenayah yang sangat menguntungkan sehingga melibatkan berbilion dolar. Pemerdagangan orang telah menjadi perniagaan ketiga terbesar di dunia selepas dadah dan senjata. Ia merupakan satu bentuk perhambaan moden, *modern days slave rid* dengan izin, di mana wanita dan kanak-kanak dipaksa menjadi pelacur dan buruh paksa. Setiap tahun, kira-kira satu juta orang menjadi mangsa pemerdagangan di mana 80% daripada mereka adalah wanita dan kanak-kanak dan sebanyak 50% adalah *minor*.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara destinasi terbesar di Asia bagi pekerja asing. Secara tidak langsung Malaysia juga menjadi negara destinasi dan transit bagi mangsa pemerdagangan orang. Selain menjadi negara destinasi dan transit, wanita Malaysia juga turut menjadi mangsa pemerdagangan orang ke luar negara.

Kebanyakan mangsa pemerdagangan orang di Malaysia datangnya daripada negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Cambodia, Vietnam, Thailand, Laos dan Burma ataupun Myanmar. Terdapat pelbagai bentuk pemerdagangan orang di Malaysia yang merangkumi pelacuran paksa, buruh paksa, penyeludupan bayi untuk pelbagai tujuan dan pengantin perempuan.

Kebanyakan mangsa pemerdagangan orang di Malaysia adalah untuk tujuan pelacuran paksa dan buruh paksa. Testimoni daripada wanita dan kanak-kanak yang diperdagangkan dan dipaksa menjadi pelacur, mendedahkan bahawa mereka terpaksa melayan lapan sehingga dua belas pelanggan setiap hari. Kita tidak menyedari bahawa setiap kali mereka terpaksa melayani pelanggan ia bermakna mereka telah dirogol sebanyak lapan sehingga dua belas kali sehari. Mereka juga dipaksa mengambil dadah, rokok dan alkohol sehingga menyebabkan mereka ketagih dan ini telah menjejaskan kesihatan mereka. Lebih dari itu mereka juga berisiko tinggi untuk dijangkiti penyakit berjangkit dan HIV/AIDS.

Ada di antara mereka yang mengalami kerosakan organ reproduktif. Kebanyakan daripada mereka tidak dapat melarikan diri kerana sentiasa diawasi. Terdapat 400,000 pembantu rumah asing wanita dan kanak-kanak yang didaftar di Malaysia yang termasuk di dalam definisi pemerdagangan orang. Kebanyakan pembantu rumah asing berada di dalam situasi yang berikut:

- (i) pasport dipegang oleh majikan;
- (ii) tiada cuti;
- (iii) pergerakan terbatas;
- (iv) tiada kontrak yang standard;
- (v) waktu kerja yang panjang;
- (vi) bekerja di dua tiga tempat;
- (vii) tidak dibayar gaji;
- (viii) diugut, didera fizikal seksual dan emosional;
- (ix) dipaksa menyambung...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan. Saya bukan peguam Yang Berhormat, saya cuma hendak tahu definisi paksaan ini macam mana Yang Berhormat? Sebab kalau kita tengok kebanyakan di karaoke-karaoke ini selalunya kita tengok *they go together wine, woman and man*, dengan izin.

Kadang-kadang bila orang pergi karaoke, tuan punya *business* itu dia paksa gadis-gadis dalam karaoke untuk melayan pelanggan-pelanggan di situ dengan memaksa mereka minum *beer* dan alkohol. Akhirnya mereka ini sudah pening sedikit kepala yang si lelaki pun pening juga kepala. Jadi kadang-kadang kita nampak macam yang laki-laki ini bila sudah naik sikat kepala dia, dia terpaksa memaksa diri dia melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak berapa elok. Kadang-kadang si perempuan pun sama juga bila sudah naik sikat, 'syeikh' dia naik, dia pun terpaksa juga.

Jadi adakah ini juga dimasukkan sebagai definisi paksa sebab kadang-kadang kita tengok dalam karaoke dalam satu-satu premis, dia *design* sesuatu tempat itu seolah-olah ada pula satu tempat untuk berseronok selain daripada karaoke. Apa definisi paksaan ini, cuba terangkan Yang Berhormat.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Barangkali / ingat Yang Berhormat tidak biasa pergi ke karaoke. Fasal di karaoke pelanggan-pelanggan di sana iaitu wanita tidak minum, dia minum *honey* dengan *sugar*. Dia tidak minum arak, so dia tidak mabuklah. Orang laki-laki ada mabuk tetapi di bawah undang-undang kami, *drunkenness* bukanlah *defense*. Ini pun kira di bawah definisi ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, sebenarnya definisi 'paksaan' ini ada dalam rang undang-undang ini. Bagi saya ia sudah cukup komprehensif, cuma kalau dirujuk pula kepada perkara Bahagian III fasal 13 ada juga menyebut iaitu; "*Mana-mana orang yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, dengan satu atau lebih cara berikut: iaitu ancaman, penggunaan kekerasan, pemelarian, fraud, perdayaan, penyalahgunaan kuasa,*" maksudnya mungkin dia gunakan kuasa yang dia ada, salah guna kedudukan, mungkin dia seorang pegawai salah gunakan kedudukan dia dan dirasuah orang-orang ini.

Cuma yang boleh mungkin menimbulkan kekeliruan bagaimana kalau dia dipukau? Sebab dipukau oleh bomoh ini dia tidak termasuk dalam semua perkara ini yang saya rasa ini mungkin antara kekurangan yang perlu dipertimbangkan. Tidak dipaksa dan tidak diperdaya tapi dipukau. Dipukau ini bukan diperdaya tapi dia mengikut sahaja.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, apakah ini satu kekurangan yang mesti dimasukkan di dalam rang undang-undang, dipukau dengan bomoh.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. / ingat adakah Yang Berhormat berlaku di dalam perkara sama macam itu. Sebab saya tidak tahu dan saya hendak dapatkan penjelasan dari Yang Berhormat sendiri. Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

...dipaksa menyambung kerja walaupun tamat kontrak; dan

(x) tiada undang-undang yang melindungi.

■1450

Malaysia juga menerima ramai pembantu rumah di bawah umur iaitu di bawah 18 tahun. Ini adalah satu bentuk pemerdagangan kanak-kanak sebagai buruh paksa. Tuan Yang di-Pertua, adakah Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007 akan menjadi undang-undang, alat dan mekanisme yang berkesan untuk menangani isu-isu pemerdagangan orang sebagai satu jenayah *trans-border*. Adakah ia akan melindungi mangsa? Adakah ia akan membantu membanteras pemerdagangan orang? *Point of reference* ialah UN *Protocol to prevent, suppress and punish trafficking in person, especially women and children*, dengan izin. Ia merupakan satu protokol yang komprehensif dan diiktiraf secara global. Ia mempunyai tiga tujuan:

- (i) untuk mengelakkan dan membanteras pemerdagangan orang;
- (ii) untuk melindungi dan menolong mangsa-mangsa pemerdagangan orang dengan menghormati hak-hak asasi manusia; dan
- (iii) untuk menggalakkan kerjasama di antara negara.

Tuan Yang di-Pertua, aspek-aspek yang positif di bawah Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007 ialah definisi yang baik dan tidak terhad hanya kepada pemerdagangan seks. Ia hampir sama dengan definisi dalam UN Protocol. Pembentukan Inter-Agency Council akan memberikan pendekatan *multidisciplinary* dan koordinasi dalam pembangunan dan implementasi Pelan Tindakan Nasional dan penguatkuasaan akta berkenaan. Kesalahan-kesalahan telah dikenal pasti dengan jelas dan ia juga memberi peruntukan untuk perlindungan saksi. Rang undang-undang berkenaan juga telah mencadangkan agar kelakuan seksual yang lama tidak digunakan sebagai bahan bukti

terhadap mangsa. Proses pengakuan yang cepat, ia juga telah mengambil kira pihak-pihak yang terlibat dalam jenayah berkenaan.

Soalan-soalan yang saya akan kemukakan untuk penjelasan ialah yang pertama, mangsa diletakkan di dalam jagaan sementara. Bermaksud dia ditahan di dalam tempat perlindungan, adakah ini bermaksud penangkapan? Yang kedua, 14 hari yang pertama yang diberikan oleh majistret adalah untuk *screening* dan siasatan awal. Apakah ini merupakan satu bentuk reman? Rang undang-undang ini dikenali sebagai *interim protection order*. Selepas tempoh 14 hari, satu laporan dibuat oleh *protection officer* kepada majistret. Sekiranya beliau berpuas hati bahawa dia merupakan mangsa pemerdagangan orang, satu *protection order* akan diberikan kepada warga asing untuk tiga bulan di tempat perlindungan.

Apakah konsep perlindungan? Perlindungan dari siapa? Adakah mangsa dilayan sebagai penjenayah? Adakah beliau dihantar ke pusat tahanan dan ditahan? Bagaimana kita boleh memantau tempat perlindungan? Adakah *oversight committee* akan dibentuk? Adakah ia merupakan tempat perlindungan sepusat atau ia akan diwujudkan di setiap negeri?

Sekiranya mangsa merupakan warga Malaysia, beliau boleh diarah untuk tinggal di tempat perlindungan sehingga dua tahun atau dibebaskan kepada seorang *guardian*. Ini bermaksud mangsa pemerdagangan orang tidak mempunyai pilihan. Beliau tidak dilayan sebagai orang dewasa. Untuk warganegara asing, pada penghujung tempoh tiga bulan, beliau akan diserahkan kepada seorang pegawai Imigresen untuk tindakan yang sewajarnya mengikut Akta Imigresen. Ianya tidak jelas sama ada beliau akan dihantar ke pusat tahanan atau tidak sebelum beliau dihantar pulang.

Semasa tempoh beliau tinggal di sini, tidak ada disebut sama ada visa sementara akan diberikan. Rang undang-undang juga tidak menyebut mengenai penghantaran pulang secara selamat atau *save repatriation* dengan izin. Adakah ini akan dimasukkan dalam MoU yang akan ditandatangani dengan negara-negara sumber? Ianya tidak jelas. Sekiranya beliau lari dari *refugee*, beliau akan ditangkap dan dibawa kembali ke tempat perlindungan, ia menjadi satu bentuk hukuman.

Mangsa tidak mempunyai hak untuk bersuara. Dia tidak mempunyai kebebasan dan kuasa untuk membuat keputusan. Adakah satu sistem akan dibentuk untuk memberikan latihan kepada semua pegawai-pegawai yang mengendalikan mangsa-mangsa pemerdagangan orang? Adakah mengkaji untuk melantik kaunselor dan pekerja sosial untuk menjaga mangsa-mangsa pemerdagangan orang yang telah melalui kepahitan dan kesengsaraan yang mendalam? Adakah pihak NGO boleh berjumpa dengan mangsa?

Apa yang kita akan lakukan dengan mangsa-mangsa dari Burma? Malaysia tidak *constructive engagement* dengan Kerajaan Burma. Sekiranya mereka merupakan pelarian dan juga mangsa pemerdagangan orang, apakah nasib mereka? Terutamanya memandangkan mereka tidak boleh dihantar pulang. Bolehkah pampasan diberikan kepada mangsa-mangsa dari penyitaan wang dan harta pemerdagangan?

Dengan itu, saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Haji Mohd. Puad.

**2.58 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar. Saya cuma ada satu perkara sahaja iaitu tentang hukuman ini ataupun cara tindakan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tidak bercadang untuk menggunakan pendekatan ISA ataupun buang daerah. Sebab pemerdagangan manusia ini, ia boleh menjadi satu mafia. Seperti juga dengan kegiatan-kegiatan lain seperti dadah yang mana kadang-kadang untuk membuktikannya itu amat sukar. Kalau setakat penjara dan denda, saya fikir dia tidak dapat banyak membantu usaha kerajaan untuk membanteras kegiatan memperdagangkan manusia. Sebab itu barangkali penggunaan ISA ini juga adalah satu keperluan sebenarnya termasuklah buang daerah itu. Sebab seperti mana yang kita tahu bahawa kita tidak mahu Malaysia ini pada satu hari nanti menjadi pusat memperdagangkan manusia dan trend itu sudah ada sekarang ini.

■ 1500

Jadi sebab itulah saya fikir ini antara satu perkara yang perlu diberikan perhatian. Yang kedua ialah soal *informer* ini. Kalau kita melihat dalam kes-kes seperti kegiatan gengster di disko, kelab malam dan sebagainya, jadi apabila serbuan ingin dibuat biasanya mereka akan tahu lebih awal sebab ada *informer* dalam akan memberitahu serbuan akan dibuat. Jadi sebab itulah dalam kes memperdagangkan manusia, saya yakin dia akan menggunakan modus operandi yang sama. Jadi sebab itu *informer* ini dari segi kerahsiaan itu bagaimanakah dipastikan perkara ini tidak akan berlaku.

Dan yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah memperdagangkan manusia ini termasuklah soal mempergunakan kanak-kanak ini untuk meminta sedekah dan saya lihat di negara kita ini sindiket ini amat berleluasa terutamanya di Kuala Lumpur seperti di Bukit Bintang dan saya tengok perkara ini berterusan dan saya harap kita ada satu cara dalam rang undang-undang ini bagaimanakah perkara ini dapat dibanteras kerana termasuk dalam soal memperdagangkan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Ismail Kassim.

**3.01 ptg.**

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan Orang 2007 ini. Cuma Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh sedikit kerana ini menggambarkan keprihatinan kerajaan kita mengenai status dan hak wanita yang terdiri daripada separuh penduduk negara ini. Kita menganggap bahawa dua perkara penting itu wanita dan kanak-kanak ini telah diberi perhatian yang begitu serius kerana mereka adalah merupakan aset dan juga pemaju kepada pembangunan negara dan tamadun bangsa.

Ada wanita yang telah bekerja dan tidak mahu kahwin kerana masalah-masalah yang dinyatakan oleh rakan-rakan tadi. Akan tetapi kita melihat bilangan keganasan yang berada di negara kita ini terhadap wanita terutamanya belum berada dalam tahap yang merbahaya ataupun membimbangkan namun kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk membela keadaan ini bagi memastikan langkah-langkah kawalan dan pencegahan dibuat lebih awal dan begitu juga dalam usaha-usaha menjadikan wanita dan kanak-kanak ini sebagai bahan dagangan untuk tujuan seks, jenayah dan sebagainya. Cuma kita ingin pastikan bahawa dengan keadaan undang-undang yang sedia ada ini kita dapat mempertahankan seperti mana yang berlaku di beberapa buah negara jiran di mana perkara ini berlaku begitu berleluasa.

Yang kedua saya ingin menyentuh tentang peranan pihak berkuasa tempatan yang juga turut menjadi pihak yang cukup penting bagi membuat serbuan-serbuan dan juga sentiasa membuat perhatian yang lebih terperinci supaya memastikan tempat-tempat pelacuran, tempat-tempat maksiat, keganasan, jenayah dan lain-lain yang melibatkan wanita dan kanak-kanak ini sentiasa membuat serbuan dan pemerhatian pemantauan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua usaha memperdagangkan wanita ini bukan satu perkara yang bertamadun. Sebenarnya tidak bertamadun dan boleh mengancam ketenteraman rakyat dan negara. Sudah tentulah apa yang dibuat oleh kerajaan ini sebagai langkah yang baik dan terpuji dan saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yip Kum Fook.

**3.03 ptg.**

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan Orang 2007. Rang undang-undang ini telah memperuntukkan hukuman yang berat bagi pesalah yang telah disabitkan kesalahan. Apabila disabitkan kesalahan, seseorang itu akan dihukum tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda. Dalam bahasa Melayu 'boleh didenda' dan dalam bahasa Inggeris 'shall'. Ini bermakna akan dihukum dengan beratnya.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang



Berhormat, hukuman berat yang nyatakan dikenakan iaitu penjara ataupun denda. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah patut sebatan juga kita masukkan supaya memberi peringatan dan mereka yang mengadakan perdagangan ini supaya mereka juga merasa sakit, jangan penjara dan denda sahaja, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih, sebenarnya saya sendiri pun suka dengan hukuman sebat akan tetapi untuk kita hendaklah menunjukkan kita satu negara yang berperikemanusiaan dan ikut patuh kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang enggan mengenakan sebatan. Saya memang tahu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi memang benar dan kita sebenarnya boleh timbang tetapi kita pun takut negara-negara yang lebih maju akan mengutuk kita mengatakan kita tidak berperikemanusiaan. Terima kasih, saya...

**Dato' Ismail Kassim:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit sahaja hendak memperjelaskan apa yang kawan saya cakap tadi. Saya setuju bahawa tindakan yang lebih keras diambil kerana kalau mengikut *Amnesty International*, 700 ribu manusia diperdagangkan setiap tahun. Besar jumlahnya sebab ini bukan sahaja melanggar hak asasi kanak-kanak dan wanita tetapi kita melihat seolah-olah seperti satu perkara yang tidak berperikemanusiaan sama sekali. Jadi hukuman rotan itu pun kecil, patut dihukum bunuh. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Yip Kum Fook:** Kalau hukuman bunuh, saya sendiri tidak begitu setuju jadi tetapi sebatan itu memang boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan banyak terima kasihlah biarlah Yang Berhormat Menteri yang berkaitan menjawab.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Yip Kum Fook:** Kalau macam ini bila saya boleh habis? [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau tidak boleh habis, Yang Berhormat jangan bagi laluan.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya cuma terbaca dalam muka surat 18 (23) yang mengatakan - obligasi pemunya operator atau nakhoda pengangkutan. Jika orang itu merupakan pertubuhan perbadanan didenda tidak kurang daripada RM50,000 tetapi tidak melebihi RM500,000. Jadi ini kalau pertubuhan Yang Berhormat seolah-olah macam saya tidak tahulah dari segi undang-undang, syarikat itu yang kena tetapi orang itu tidak kena Yang Berhormat. Ini dalam *clause 23*, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Yang Berhormat, saya pohon laluan juga. Bagi *chance* kat wanita.

**Dato' Yip Kum Fook:** Nantilah, biar saya jawab dahululah. Nanti saya pun terlupa. Banyak sangat soalan. Tuan Yang di-Pertua, memang pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi memang satu idea yang bagus. Beliau dapat memikirkan bagaimana kita boleh menjatuhkan hukuman kepada pertubuhan. Memang saya ada fikir tentang perkara ini, tetapi lebih baik untuk kementerian berkenaan untuk menjawab kerana senang sahaja pada masa akan datang mereka-mereka yang ambil bahagian dalam perkara ini akan menggunakan syarikat untuk menjalankan perniagaan mereka. Saya berpendapat perbuatan memperdagangkan orang adalah satu aktiviti yang sangat kejam kerana *trafficker* ini atau lebih dikenali dengan sebagai *snake head* dengan izin adalah mereka yang tidak berhati perut dan berperikemanusiaan. Saya beri laluan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat, saya sukalah mendengar apabila Yang Berhormat mengatakan aktiviti ini adalah tidak berhati perut dan tidak berperikemanusiaan dan dengan mengikut kata-kata yang sama, maka apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali tadi adalah sesuatu yang harus kita fikirkan dengan penuh serius oleh kerana kita tidak harus takut ataupun kluatir tentang pandangan negara-negara yang lebih maju sebab yang diperdagangkan bukanlah wanita ataupun kanak-kanak dari negara maju tetapi negara-negara yang kurang maju. Yang menjadi penggunanya termasuklah mereka daripada negara-negara yang maju. Maka saya ingin bertanyalah sama ada kita harus takut dan kluatir tekanan yang datang daripada negara maju.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soal takut tidak sama sekali timbul dalam perkara ini kerana kita sama-sama ingin menjadi negara yang maju. Kita mempunyai Wawasan 2020 supaya kita juga menjadi negara yang maju pada ketika itu. Ini saya serahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk menimbangkannya sendiri sama ada sesuai atau tidak sesuai mengenakan hukuman yang lebih berat.

Bagi *snakehead* ini, dengan izin, nilai seseorang manusia itu hanya apabila dia boleh ditipu atau diperdagangkan. Tidak kira siapa, kanak-kanak, orang dewasa, lelaki atau perempuan, tua atau muda, semuanya boleh dijual. Mereka sanggup menipu, membohong dan memberi janji-janji yang manis kepada mangsa-mangsa mereka asal mereka mendapat keuntungan. Mangsa diperdayakan bahawa mereka akan mendapat kesenangan dan kemewahan apabila bekerja di tempat lain atau di negara lain. Kononnya mereka akan dibayar gaji yang lumayan bila bekerja di negara asing kerana negara yang dituju itu kekurangan tenaga kerja. Mangsa akan diminta membayar dahulu bagi membiayai perjalanan mereka ke negara asing. Jika mereka tidak mempunyai wang mereka boleh berhutang dengan *snakehead* ini, dengan izin untuk membiayai kos perjalanan tetapi mangsa ini akan terikat dengan *snakehead* ini. Ikatan ini lebih merupakan sebagai *slave master bondage*, dengan izin, atau ikatan hamba dengan tuannya. Mangsa terpaksa bekerja bertungkus-lumus untuk melangsaikan hutang mereka kepada *snakehead* ini.

Bagi mangsa lelaki mereka mungkin hanya dipaksa bekerja membanting tulang tetapi gaji yang dibayar tidak setimpal dengan kerja yang dijalankan. Gaji mereka pula dipotong untuk menjelaskan hutang kepada *snakehead* ini. Bagi gadis dan wanita mereka akan dipaksa menjadi pelacur atau GRO di pusat-pusat hiburan. Jika enggan berbuat demikian mereka akan dipukul sehingga mereka bersetuju untuk melacurkan diri mereka seperti siaran dalam akhbar tempatan.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa antara kerjaya yang mungkin akan melibatkan kepada orang didagangkan ini ialah kerjaya di kelab-kelab malam atau mungkin di tempat-tempat maksiat ini. Adakah ini bermaksud sekiranya kita berjaya menutup tempat-tempat ini, maka hal memperdagangkan orang ini dapat dibasmi. Saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih, Yang Berhormat. Penutupan tempat-tempat hiburan ini tidak semestinya akan menghapuskan orang-orang yang diperdagangkan ke negeri ini. Sebenarnya bukan semua pelayan atau GRO di dalam pusat-pusat hiburan itu merupakan orang-orang dari luar atau orang-orang yang telah diperdagangkan. Mungkin ada separuh sahaja yang merupakan orang-orang begitu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi insiden yang telah menunjukkan kekejaman yang dilakukan oleh *snakehead* ini termasuklah orang-orang mati lemas kerana *accident* semasa dalam pengangkutan, sama ada dalam melalui kapal atau lori-lori, sesak nafas apabila dalam perjalanan mereka ke tempat baru. Kalau diceritakan sehari pun tidak cukup. Jadi, memadamilah saya mengatakan bahawa jenayah pemerdagangan orang ini adalah satu jenayah yang kejam dan harus kita mengambil tindakan yang keras terhadap-hadap orang-orang yang tidak berperikemanusiaan ini. Hukuman yang diberi bukan sahaja mesti setimpal tetapi ia mesti melambangkan atau mencerminkan kebencian masyarakat terhadap jenayah ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan khuatir, kita semua hendaklah sama-sama membenci perkara ini dan menjadi mata dan telinga kerajaan kepada kerajaan. Dengan itu izinkan saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercadang untuk mengambil bahagian?

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Dato' Haji Idris.

**3.18 ptg.**

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyentuh tentang seksyen-seksyen yang menyebut kesalahan yang dilakukan serta

hukumannya sekali. Misalnya, jika kita lihat seksyen 12: “*Mana-mana orang yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak bagi maksud eksploitasi...*” dan seterusnya, “*...apabila disabitkan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun*” Kesalahan di bawah seksyen 12 ini boleh dilakukan jika seorang sahaja kanak-kanak telah dieksploitasi. Bayangkan kalau ada lebih daripada seorang, 100 orang, 1000 orang, apakah nanti tuduhan di mahkamah akan melibatkan satu tuduhan untuk seorang mangsa - terhadap yang dituduh nanti ataupun satu tuduhan bagi tiap-tiap mangsa, kalau 100, 100 tuduhan dan kalau 1000, 1000 tuduhan. Itu yang saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri.

Begitu juga dengan kesalahan-kesalahan lain sebab saya rasa mungkin pihak yang telah merangka rang undang-undang ini tidak menyebut tentang sebat dan sebagainya. Mungkin dengan sendirinya, kalau seorang sahaja mangsa sudah satu tuduhan, kalau seksyen 12 itu melibatkan 15 tahun maksimum, kalau seksyen 13 melibatkan 20 tahun dan kalau seksyen 14 juga 20 tahun. Bayangkan kalau lebih daripada seorang mangsa! Dia boleh dikenakan hukuman seumur hidup, seterusnya sesiapa sahaja yang berkenaan. Itu satu pertanyaan.

Yang lainnya saya ingin menyentuh tentang perlindungan pemberi maklumat serta perlindungan kepada saksi-saksi. Mereka yang memberi maklumat, yang bekerjasama, mereka inilah yang akan membantu pihak yang berkuasa dan Majlis Pihak Penguat Kuasa untuk menangkap sesiapa sahaja yang telah melakukan kesalahan di bawah akta yang baru ini.

Jadi, saya memohon kepada pihak yang berkenaan, kalau boleh rangkalah satu sistem yang mantap supaya pemberi-pemberi maklumat ini dijaga dari segi keselamatan, kerahsiaan peribadi - kerahsiaan diri mereka supaya tidak diketahui oleh pihak yang boleh mengakibatkan sesuatu terhadapnya.

#### ■1520

Di dalam mana-mana jenayah pun lebih-lebih lagi jenayah seperti ini bila manusia diperdagangkan ia tidak dapat dilakukan dengan mudah melainkan dengan cara yang bersepadu oleh pihak yang ramai, mempunyai sistem rangkaian yang teratur yang boleh mengelak daripada dikesan dan sebagainya. Jadi haruslah pihak yang berkenaan menggunakan undang-undang yang ada ini lebih-lebih lagi pihak majlis yang menyusun aturkan langkah-langkah pihak penguat kuasa dalam menjalankan tugas mereka supaya lebih canggih, lebih teratur daripada yang ingin melakukan jenayah.

Tiada maklumat maka tidak dapat dikesan perkara sebegini mungkin yang dikesan *only the tip of the iceberg* selalunya dengan izin. *Snakehead* ataupun *dragonhead* dengan izin mungkin susah hendak dikesan, jadi saya pohon supaya perkara ini benar-benar dihayati oleh tiap-tiap agensi yang telah diamanahkan di bawah akta baru ini.

Agensi-agensi yang telah disebutkan ada empat iaitu di bawah seksyen 7 agensi penguat kuasa, pihak polis, imigresen, pegawai kastam, pegawai agensi penguatkuasaan maritim Malaysia. Mereka mempunyai sistem pentadbiran, sistem penguatkuasaan yang berlainan daripada satu dengan satu yang lain. Di dalam perkara ini saya sarankan untuk lebih berkesan, pihak berkenaan ini menubuhkan satu badan kerjasama yang boleh berkongsi maklumat yang boleh menjalankan tugas dengan satu sistem, satu atur cara kerja dan satu jalan dan mereka tidak bertindih dari segi pelaksanaan mereka.

Dengan adanya satu badan kerjasama *an integrated enforcement body* dengan izin, mereka dapat juga mengehadkan saluran maklumat untuk mereka sendiri daripada terkeluar dan sebagainya. Saya rasa dengan itu sahaja ...

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Silakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari penjelasan Yang Berhormat tadi kita dapat merasakan bahawa ini adalah satu perkara yang agak sukar sebab kita berhadapan dengan satu jenayah yang begitu terancang yang mungkin terlibat gengster-gengster ataupun *underground crime* yang mungkin ada penglibatan juga dengan penyeludupan dadah dan juga senjata api.

Apakah pandangan Yang Berhormat, adakah kita mempunyai agensi-agensi terutama pihak polis yang berkeupayaan untuk mengatasi *organize crime* yang melakukan jenayah pemerdagangan orang ini. Minta pandangan. Terima kasih.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah meminta laluan. Saya setuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat. Pihak polis sebenarnya mempunyai sistem rangkaian penerimaan, penyimpanan dan penggunaan maklumat yang begitu luas. Saya ingat lebih luas daripada... minta maaf kalau saya katakan lebih luas daripada pihak imigresen atau kastam ataupun Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, tetapi dengan adanya badan seperti yang telah saya katakan tadi, sama ada dia dibuat secara formal atau tidak, tetapi suatu badan yang boleh bekerjasama maka maklumat itu boleh disalurkan dengan baik oleh semua agensi ini dan maklumat yang ada pada pihak polis mengenai *underground*, gengster-gengster, orang-orang yang kita katakan *dragonhead* atau *snakehead* dengan izin yang mempunyai rangkaian antarabangsa ini, dapatlah maklumat-maklumat ini digunakan oleh badan tersebut dengan lebih berkesan. Itu maksud saya tadi.

Kalau tidak maka pertindihan kerja mereka dengan sendirinya akan menggagalkan operasi mereka. Mungkin satu akan menyalahkan yang lain. Saya sarankan majlis yang menguasai agensi-agensi ini akan mengambil berat tentang perkara ini.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan Orang 2007 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Puan Mumtaz binti Md. Naw:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk ... sedikit sahaja, beberapa soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

### 3.27 ptg.

**Puan Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mempunyai beberapa soalan untuk dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Yang pertamanya berkenaan dengan... oleh kerana kita sedar bahawa perkara ini mungkin sudah menjadi jenayah yang agak berat dalam negara kita maka sudah tentulah pihak PDRM sudah mengetahui tentang modus operandi akan apa yang akan dibuat oleh orang yang memperdagangkan oleh di Malaysia ini.

Oleh yang demikian saya ingin mengetahui bagaimanakah langkah yang akan dibuat oleh pihak PDRM dari segi tangkapan, pemantauan ke atas premis-premis yang telah dikenal pasti sebagai berkemungkinan tinggi akan digunakan sebagai pusat untuk pemerdagangan orang, yang pertama.

Yang kedua adakah kita mempunyai satu mekanisme yang kita perkenalkan kepada semua orang yang akan datang ke Malaysia satu pusat yang mana mereka boleh berhubung sekiranya mereka ini percaya bahawa mereka telah diperdagangkan. Maknanya kita sudah tahu ada satu agensi yang kita tahu di peringkat awal semasa mereka hendak datang ke Malaysia dari segi hendak buat kontrakkah atau bagaimana, adakah kita mempunyai agensi yang sebegini yang telah pun kita maklumkan kepada semua orang yang akan datang ke Malaysia. Itu yang kedua.

Ketiganya dari segi hukuman, apakah hukuman yang ada di bawah seksyen ini yang akan menghukum orang yang memberi perlindungan kepada *snakehead* ini bukan dia sendiri tetapi orang yang melindungi dia. Adakah kita juga menyediakan satu hukuman yang setimpal kerana kalau kita percaya perkara ini adakah jenayah terancang mestilah ada orang-orang yang sebegini. Apakah hukuman yang dikenakan kepada mereka ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 3.29 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya cuba dalam masa yang ada pada saya untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh mereka.

Saya hendak mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar yang telah pun menyediakan satu *intervention* yang boleh saya katakan *well thought*. Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan beliau dan saya cuba untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau dalam *intervention*nya sebentar tadi.

Pertamanya betul seperti mana yang disebutkan oleh seorang Yang Berhormat Dr. Puad Zarkashi. Paksaan itu memang ada definisinya di dalam rang undang-undang ini dan definisi paksaan itu diperkuatkan juga dengan definisi eksploitasi yang cukup meluas, jadi dia dengan izin, *cover* banyak perkara-perkara yang boleh dikaitkan dengan paksaan dan juga eksploitasi yang merupakan kesalahan di bawah rang undang-undang ini.

■ 1530

Yang Berhormat Dr. Puad juga membangkitkan kalau orang itu pukau dia tidak sedar, saya rasa kalau kena pukau dia tidak sedar itu tak perlu kita ada dalam rang undang-undang kerana ia akan merupakan *defends* yang mungkin dibangkitkan oleh pihak pembela untuk melepaskan anak guamnya, dengan mengatakan waktu perbuatan itu berlaku dia tak sedar, dia *not in control of* pemikiran, jadi itu merupakan *defends*, tidak perlu kita letak dalam rang undang-undang ini.

Kemudian berbalik kepada Dato' Rhina Bhar, saya ingin sebut di sini iaitu orang yang kita letak 14 hari *screening*, 14 hari kemudian kita kenakan tiga bulan, itu bukan tahanan, itu perlindungan. Kita hendak melindungi dia daripada sindiket-sindiket, sebab kalau kita letak dia kat luar, sindiket mesti cari dia punya, dan sindiket ini kita tahulah *net working* gengster dia banyak. Jadi sebenarnya apa yang dikenakan 14 hari ialah *screening* untuk menentukan sama ada dia ini mangsa ataupun tidak, dan kita kena *report*, kena bawa ke mahkamah dalam masa 24 jam.

Selepas 14 hari, kemudian kita kata bukan warga kita, bukan kita tahananlah tapi kita menempatkan dia di pusat perlindungan untuk mendapatkan maklumat daripada dia dalam masa tiga bulan dan bagi warga kita dua tahun. Dalam tiga bulan itu, maknanya kita mesti mendapat segala maklumat yang kita mahu kerana maklumat yang kita dapat daripada warga asing ini dalam masa tiga bulan, dia boleh digunakan sebagai testimoni dan *evidence* dalam perbicaraan nanti, walaupun dia sudah balik ke negara asalnya.

Masa tiga bulan ini ialah mengikut protokol. Kita tidak boleh tahan dia lebih daripada apa yang diperlukan. Maknanya tiga bulan itu kira kalau nak kata lama, lama juga tapi kita tidak boleh tahan dia lebih daripada itu, cukup untuk mendapat maklumat untuk dijadikan sebagai *evidence* di dalam perbicaraan nanti, dan bila kita bicarakan warga asing itu tidak perlu ada dalam mahkamah.

Jadi saya harap Yang Berhormat jangan fikir dua tahun, tiga bulan itu sebagai tahanan, tidak! Itu merupakan tempoh kita memberikan perlindungan kepada mereka, perlindungannya daripada *snakehead*, daripada gengster-gengster yang sudah tentu akan datang, cuba untuk melarikan mereka balik.

Kemudian Yang Berhormat tanya berkenaan dengan dua tahun. Kalau kita lihat dia sebagai tahanan dua tahun, lamalah, tapi dia bukan tahanan, dia perlindungan. Kita bertanggungjawab di atas warga negara kita memberi perlindungan dua tahun sebab dia warga negara kita, kita tak perlu hantar dia keluar negara dah. Warga negara asing kita tak mahu bertanggungjawab kepada dia, kita nak tahan dia tiga bulan cukup untuk mendapat maklumat kemudian dia kena baliklah, sebab untuk melindungi dia itu tanggungjawab kerajaan daripada mana warga negara asing itu datang.

Jadi kita punya tanggungjawab terhadap warga negara kita, sebab itu kita beri perlindungan dua tahun, kerana dalam masa dua tahun itu macam-macam kita boleh lindung dia daripada sindiket, kita boleh bagi dia latihan dan macam-macam lagi, tapi warga negara asing kita hantar, ini kerana dia bukan warga negara kita bukan tanggungjawab kita. Keduanya, kita diminta oleh TIP Protocol untuk jangan tahan dia lebih daripada apa yang diperlukan.

Kemudiannya dalam dua tahun itu pun warga negara kita kalau keluarga dia datang, minta dikeluarkan dan mereka memberi perlindungan, kalau kita puas hati kita lepas, kita bagilah pada keluarga dia, tiada masalah kalau keluarga dia mahu jaga dia, tapi kalau keluarga dia tak datang maka kita bagi perlindungan selama dua tahun.

Yang Berhormat bertanya berkenaan, adakah undang-undang ini akan menjadi mekanisme yang berkesan? Bagi *trans-border crime* secara berkesanlah. Undang-undang yang diperkenalkan ini akan menjadi salah satu daripada mekanisme bagi membanteras jenayah rentas sempadan, *trans-border crime*. Ini adalah kerana terdapat peruntukan khusus di fasal 3 dan 4 berhubung seperti perkara *transit* dan kesalahan-kesalahan yang boleh dilakukan di luar wilayah atau *extra territorial*.

Dato' Rhina juga bertanya berkenaan dengan pembantu rumah yang dibawa masuk dan dipaksa bekerja tanpa cuti dan tanpa dibayar gaji. Berkenaan dengan perkara ini kerajaan sentiasa peka tentang masalah yang dihadapi oleh pembantu rumah. Perkara ini sentiasa dipantau oleh pihak Jabatan Imigresen, Kedutaan dan juga pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Perjanjian yang dimasuki di antara majikan dan pembantu rumah ada memperuntukkan terma-terma khusus berhubung dengan cuti dan gaji. Pihak yang tidak berpuas hati bolehlah merujuk kepada perjanjian tersebut.

Maka dalam hubungan ini, isunya tidak termasuk dalam eksploitasi yang ditakrifkan oleh rang undang-undang ini. Oleh kerana dah ada perjanjian, jadi dia *more of the breach of contract rather an exploitation*, jadi dia kena didakwa mengikut undang-undang lainlah, *breach of contract*. Juga yang 14 hari tadi, ia bukanlah merupakan satu bentuk *demand*. Mangsa apabila ditemui atau diselamatkan akan dibawa ke hadapan majistret untuk mendapat perintah perlindungan sementara.

Terma yang digunakan adalah perlindungan dan bukanlah tahanan, tempoh itu adalah untuk membolehkan pegawai penyiasat dan Pegawai Pelindung menyiasat tentang kes mangsa serta latar belakang mangsa. Tujuan perintah perlindungan juga adalah untuk melindungi mangsa daripada terus dieksploitasi. Selepas disiasat latar belakang kes mangsa, mangsa akan dibawa semula ke hadapan majistret dan jika majistret berpuas hati, beliau merupakan mangsa pemerdagangan.

Di tempat perlindungan kerajaan bercadang untuk mengadakan program-program pemulihan dan terapi. Perkara ini masih dalam perancangan dan kerajaan akan menggunakan pengalaman-pengalaman di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Yang Berhormat juga bertanya, adakah mangsa-mangsa akan dihantar dengan selamat? Jabatan Imigresen Malaysia akan memaklumkan kepada kedutaan mangsa mengenai proses penghantaran pulang mereka. Proses penghantaran pulang bermula di depot tahanan. Mangsa akan diiringi oleh pegawai-pegawai polis dan Jabatan Imigresen sehingga mereka sampai ke sempadan atau pintu keluar. Maknanya kita bukan hantar dia ke pusat tahanan yang macam *illegal* yang lain. Daripada pusat perlindungan itu kita hantar begitu. Kita tak tempatkan dia dengan orang yang sengaja melanggar undang-undang imigresen kita, tidak! Daripada pusat perlindungan, kita terus hantar ke sempadan dan terus hantar ke negara asal dialah, kalau *your concern* dengan izin, takut kita hantar ke pusat tahanan, itu tidak berlaku. Pegawai-pegawai polis dan Jabatan Imigresen akan menunggu sehingga wakil dari kedutaan tiba untuk mengambil mangsa.

Kebanyakan Yang Berhormat juga ada mengambil berat berkenaan dengan penalti di bawah undang-undang ini. Jadi saya hendak sebut di sini, kerajaan memandag serius akan jenayah pemerdagangan orang. Peruntukan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan di bawah rang undang-undang ini adalah difikirkan wajar dengan kesalahan yang dilakukan. Peruntukan hukuman ini ditetapkan berdasarkan pengalaman dan penalti di bawah Kanun Keseksaan, contohnya kesalahan-kesalahan rogol dan mengeksploitasi mana-mana orang bagi maksud pelacuran, dan berdasarkan kesalahan pemerdagangan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

Semua kesalahan di bawah rang undang-undang ini adalah serius, namun kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan bergantung kepada kategori kesalahan yang dilakukan. Bagi kesalahan yang memperuntukkan hukuman minimum, ini diperuntukkan bagi membezakan kategori kesalahan yang dilakukan. Dengan adanya perbezaan peruntukan hukuman ini kita akan menggariskan graviti kesalahan yang dilakukan.

Memandangkan Malaysia belum menyertai TIP Protocol, kerajaan berpendapat bahawa hukuman penalti yang ditetapkan adalah tinggi dan bersifat *literal* dengan izin, berbanding dengan negara barat lain yang telah menyertai TIP Protocol yang hanya memperuntukkan hukuman antara dua hingga 10 tahun sahaja. Jadi kita punya hukuman lebih berat lagi jika dibandingkan dengan negara-negara yang telah pun menerima TIP Protocol. Dia orang kena dua sampai 10 tahun, kita daripada kosong sampai 15, sampai 20 tahun pun ada.

■1540

Jadi kita lebih berat hukuman yang dikenakan yang dikenakan jika dibandingkan dengan negara-negara barat. Perlindungan yang saya sebut tadi, bukan kita tahan. Kita lindung dia dari sindiket dan kita hantar ke pusat perlindungan. Kita bukan hantar dia ke pusat tahanan tetapi pusat perlindungan yang telah pun digazet sebagai pusat perlindungan, bukan pusat tahanan tetapi pusat perlindungan.

Yang Berhormat juga tanya berkenaan waktu dia kena tahan, apakah dia perlu visa? Kita sudah kata di sini, kalau dia merupakan mangsa, maka dia dikecualikan daripada perkara-perkara yang dianggap sebagai melanggar peraturan imigresen kita. Jadi, kita sudah tidak ambil kira sama ada apabila kita mengenal pasti dia sebagai mangsa, maka sebelum ini dia masuk secara haram ke negara kita, itu tidak diambil kira dalam peruntukan fasal yang ada dalam negara kita. Jadi tidak berbangkit soal waktu dia dalam perlindungan itu, dia perlu visa pula. Tidak berbangkit, kerana kita tidak mengenakan kesalahan terhadap mangsa ini kerana dia masuk secara haram. *She is excluded* daripada perkara itu. Jadi, visa tidak perlulah.

Banyak Yang Berhormat bangkitkan berkenaan dengan pegawai-pegawai ini, perkara ini banyak dibangkitkan dalam Dewan, kerana kita prihatin. Kadangkala sebenarnya pegawai-pegawai ini kita akan latih dan kita akan lantik. Kita kena latih dia supaya dia memahami mangsa ini sebenarnya dia dalam keadaan trauma. Jadi dia tidak boleh dilayan seolah-olah dia sebagai seorang yang telah melanggar undang-undang imigresen kita. Kita marah kepada dia. Siapa suruh kamu masuk dalam negara ini? Dia tidak boleh dianggap sebagai orang yang melanggar undang-undang. Dia merupakan mangsa dan dia berada dalam keadaan *traumatic*, dia ada trauma. Maka pegawai-pegawai yang kita lantik dan kita pilih ini adalah merupakan orang yang mesti kita latih. Supaya mereka tahu tentang kaunseling. Kadangkala pegawai kita dia mungkin silap. Dia ingat orang ini masuk secara haram, marah mereka. Sepatutnya kita kena bagi dia kaunseling.

Jadi kerajaan memberi jaminan iaitu bahawa semua pegawai yang dilantik itu akan dilatih dengan kepakaran kaunseling kerana orang ini bukan orang tahanan tetapi orang yang mendapat perlindungan yang merupakan mangsa. Jadi dia punya layanan mesti berbeza daripada orang yang telah melakukan kesalahan.

Yang Berhormat tanya berkenaan dengan apakah NGO boleh melawat mereka ini? Kita ada tiga orang wakil NGO dalam majlis dan memanglah tiga wakil daripada NGO inilah yang boleh berjumpa dengan mereka.

Kemudian berkenaan dengan mereka yang datang dari Myanmar. Kalau dia merupakan orang yang diperdagangkan, kalau dia dari Myanmar kita hantar dia baliklah melainkan kalau dia merupakan pelarian politik, itu berbeza tetapi kalau dia dibawa keluar, ditipu, dieksploitasi dan dia rakyat Myanmar, kita hantar balik ke Myanmarlah. Walaupun hubungan dan pendekatan kita sekarang ialah *constructive engagement* dengan mereka, tetapi ini rakyat Myanmar jadi kita kena hantar balik ke Myanmarlah melainkan kalau dia merupakan pelarian politik. Itu lain. Kalau pelarian politik kita tidak boleh hantar balik, tetapi kalau dia merupakan mangsa perdagangan, dia boleh balik kepada negara dia. Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh hantar balik ke negara Myanmar.

Sebatan, ini juga merupakan tajuk popular yang dibangkitkan, tetapi saya ingat ini lebih hebat lagi. Hukum mati terus. [*Ketawa*]. Di Dewan Rakyat juga, disebut sebat tetapi hukuman sebat tidak diperuntukkan kerana ia selari dengan kehendak undang-undang antarabangsa yang semakin menjurus kepada penghapusan hukuman *corporal*, *corporal punishment* dengan izin.

Walau bagaimanapun menyedari hakikat ini, kerajaan telah meningkatkan hukuman pemenjaraan bagi memastikan kesalahan ini dipandang serius. Kita buat undang-undang ini kerana di atas desakan dan kehendak United Nations. Jadi Malaysia hendak

menjadi satu UN *citizen* yang baik. Kita kena akur dengan kehendak United Nations dan sudah tentulah bila sebut tentang hukuman ini juga, kita kena akur dengan pemikiran United Nations sekarang ini yang mirip kepada menghapuskan *corporal punishment*. Jadi, kita tidak akan sebat mereka ini melainkan kalau kita merasa benda itu berat, kita panjangkan lagi dia punya pemenjaraan. Oleh itu, sebat *out of question* lah, tidak akan dilaksanakan.

Dr. Puad kata kita guna ISA. ISA ini lebih kepada orang kata apa..betul Yang Berhormat sebut, maknanya kalau *Internal Security Act (ISA)* Akta Keselamatan Negara, apa-apa yang ada kaitan dengan keselamatan negara kita memang kita boleh ambil tindakan di bawah ISA, tetapi ia lebih merupakan *Act of Terrorism* dengan izin, dan lain-lain lagilah.

Di bawah ini, kita tidak perlu mengambil tindakan ISA. Yang Berhormat sebut kata kita tahan dia tanpa bicara. Ini tidak merupakan pendekatan yang popular di United Nations sebab itu kita tidak akan ambil tindakan ISA dalam kes anti pemerdagangan manusia ini kerana ini merupakan akta yang ditentukan, dimahukan oleh United Nations. Oleh sebab itu segala perkara yang dianggap sebagai kesalahan di bawah *Anti Trafficking Act* ini, mesti didakwa di bawah *Anti Trafficking Act* sebab aktanya sudah ada.

Kemudian *informer*, Yang Berhormat, sudah tentulah sebab itu dalam ucapan saya yang terakhir saya kata kita tidak akan dapat berjaya dalam hal ini kalau tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak termasuk kita di Dewan inilah. *Informer* ini maknanya bukan *informer* untuk kita. Ini *informer* untuk orang jahat. Ini satu perkara yang orang kata satu *occupational hazard*. Maknanya memang ada *informer*. Kita kena lebih berhati-hatilah dalam kita memaklumkan hendak buat *raid* ke apa, ia tidak boleh dikatakan kita mempunyai satu akta di sini dan boleh menjamin *informer* ini tidak akan berlaku, sukar. Ia merupakan masalah dalam apa sekalipun, bukan sahaja *anti trafficking*. Penyeludupan pun masalah juga. Jadi dia lebih merupakan, memberikan *training* - latihan kepada *enforcement officers* kita, supaya mereka mempunyai kesetiaan kepada negara dan tidak kepada orang-orang lain yang boleh suap mereka untuk memberi maklumat tentang *raid* yang hendak...

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Minta laluan, minta laluan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Mumtaz.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri khususnya berkenaan dengan hukuman yang akan kita kenakan. Kalaupun inilah undang-undang yang dikatakan dibuat semata-mata kerana memenuhi hasrat UN dan kita ingin jadi warga UN yang baik, adakah ini juga bermakna kita mesti menyelaraskan keseluruhan hukuman yang akan kita letakkan di bawah rang undang-undang ini selaras dengan hukuman yang dibenarkan di bawah UN? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak. Dalam hal-hal lain, United Nations menghormati kewibawaan kerajaan masing-masing tetapi oleh sebab undang-undang jenayah ini melibatkan *trans-boundary*. Jadi sebab itu dia memerlukan kerjasama dari semua negara. Kalau ada satu negara yang tidak ada *Anti Trafficking Act* ini, sukar untuk kita hendak ambil tindakan. Sebagai contoh, kalau kata satu negara macam Myanmar, dia tidak ada *Anti Trafficking Act*. Jadi susah untuk kita hendak ambil tindakan. Sebab itu inisiatif ini diambil oleh United Nations untuk menggalakkan semua *member countries* untuk *participate* dalam *anti trafficking* ini kerana dia *trans-boundary*.

■1550

Sebab itu yang undang-undang lain kita tidak perlu selaraskan kerana ia melibatkan hal dalaman kita, tetapi yang kes *anti trafficking* ini ia melibatkan *trans-boundary*, melibatkan lebih dua, tiga negara. Sebab itu tidak bermakna kalau kita perlu mengikut pemikiran United Nations dalam hal undang-undang di bawah *anti trafficking* ini, undang-undang lain pun kena selaras juga, tidak. Sebab itu hukuman mati, itu ikut kitalah walaupun mungkin majoriti United Nations merasakan bahawa hukuman mati ini tidak patut dilaksanakan. Europe kata hukuman mati jangan ada, Amerika kata ada, tetapi Malaysia kita ada. Itu terpulang kepada kita. Kita tidak perlu mengikut kehendak mereka.

**Puan Mumtaz bin Md Naw:** Sekali lagi minta laluan.



**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Puan Mumtaz bin Md Naw:** Terima kasih Dato'. Yang saya maksudkan memang kita memahami bahawa yang kita hendak ikut sekarang tentu tentang *anti trafficking* ini. Cuma bila kita lihat kepada beberapa undang-undang di bawah seksyen ini yang menyebut tentang peruntukan 10 tahun, 20 tahun, maksud saya adakah ini sama ataupun diberi arahan oleh UN untuk menetapkan bahawa semua negara yang akan buat undang-undang *anti trafficking* ini mesti meletakkan 10 tahun, 20 tahun kerana kita lihat dari segi hukuman penjara 10 tahun, 20 tahun, ia juga letak perkataan "dan boleh juga didenda".

Dalam kebiasaan undang-undang lain di negara kita, kebanyakannya denda itu sudah dinyatakan secara spesifik. Di dalam kes undang-undang *anti trafficking* ini, nampaknya "dan boleh juga didenda". So, maknanya memberikan satu kelonggaran dan budi bicara mahkamah dengan begitu luas. Itu yang saya maksudkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. Itu nomborlah. Cuma United Nations kata mesti penjara. Soalnya lima tahun atau 10 tahun, terpulung kepada kita. *These are numbers*. Sebab itu saya sebut sebentar tadi, di negara barat yang telah pun sign TIP Protocol, mereka lebih *lenient* dan liberal sedikit. Maknanya dua tahun hingga 10 tahun. Kita merasakan kita patut dikenakan hukuman yang berat. Kita 15 tahun dan 20 tahun. Jadi yang itu kita terpulung kepada negara masing-masing untuk putus berapa tahun yang hendak dipenjarakan.

Yang Berhormat ada sebut tentang mereka yang membawa masuk kanak-kanak dan menjadikan mereka sebagai *beggars*. Itu memang disabitkan di bawah akta ini. Orang yang bawa masuk budak-budak untuk tujuan mengeksploitasikan mereka sebagai peminta sedekah, itu mendagangkan manusia. Dato' Haji Mohd. Puad bin Zarkashi tanya memang mereka yang bawa masuk manusia, kanak-kanak untuk menjadi peminta sedekah, dia memang boleh didakwa di bawah akta ini.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, assalamualaikum.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Waalaikummussalam.

**Datuk Jins Shamsudin:** Boleh minta laluan? Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, ada dua perkara. Satu ialah sekiranya seorang wanita masuk di mana kes yang pernah berlaku, masuk sebagai pelancong, dia sampai di sini, dia dipujuk oleh seorang dan menjadikan dia serta menawarkan dia wang yang lumayan. Dia tanggung segala tambang dan tinggal di sini selama tiga bulan. Dalam masa tiga bulan itu, dia mendapat keuntungan dan dibahagi dua, dia seronok, dia balik. Apakah ini juga *anti trafficking*?

Yang kedua, adakah kes kehilangan Yin baru-baru ini dianggap juga ada unsur-unsur memperdagangkan orang? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat, macam Yin itu tidaklah, sebab orang Burma itu jumpa dia dan hantar dia balik. Mereka pun dilepaskan dari soal siasat dan didapati mereka tidak menyebabkan budak ini dipaksa untuk jadi *beggar* tetapi kalau dua orang ini buat dia jadi *beggar*, kenalah. Tidak kira sama ada kanak-kanak itu rakyat Malaysia ataupun tidak, tetapi kalau dia digunakan sebagai peminta sedekah, memang itu memperdagangkan orang.

Tidak semestinya memperdagangkan orang ini, dia kena datang dari luar negara. Rakyat kita pun, takkan oleh kerana dia rakyat Malaysia, jadi kita kata itu bukan memperdagangkan manusia, tidak. Lagilah rakyat Malaysia, lagi kita hendak kena jaga. Kemudian Yang Berhormat, yang penting di sini macam Yang Berhormat bagi contoh tadi, kita kena buktikan dua elemen iaitu eksploitasi dan paksaan. Elemen ini mesti ada.

Macam kes Yang Berhormat sebut tadi, kalau kita dapat buktikan bahawa dia dipaksa dan dieksploitasi, maka dia diperdagangkanlah. Itu terpulung kes dalam mahkamah, tengok macam mana. Kalau pihak pembela dapat menunjukkan bahawa perempuan itu tidak dipaksa dan tidak ada elemen eksploitasi, jadi ia bukan kesalahan yang jatuh di bawah ini. Yang penting itu eksploitasi dan paksaan. Ini dua elemen yang penting untuk menyabitkan kes di bawah *anti trafficking*.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat Dato' Yip, Yang Berhormat sebut kalau dalam versi Inggeris, dia kata "*shall*" berkenaan dengan denda ini, dalam versi

Bahasa Malaysia “bolehlah”. Jadi “bolehlah” ini *yes or no*, bolehlah. Kita ikut versi bahasa Malaysia. Dalam hal ini, “bolehlah” itu tidak bermakna “*shall*”. “*Shall*” ini maknanya mandatori. Jadi kita guna versi bahasa Malaysia. Dalam kita punya undang-undang, kalau versi bahasa Malaysia dengan versi bahasa Inggeris itu nampak ada perbezaan, maka versi saya ialah versi bahasa Malaysia.

Kemudian Yang Berhormat juga ada pencelahan tadi dari Yang Berhormat Dato’ Omar Faudzar, muka surat 18. Dia ada membangkitkan berkenaan dengan dia kata kalau muka surat 18, 23 di bawah sekali iaitu (A) dengan (B) itu, kalau misalannya Yang Berhormat pun bersetuju juga, kalau begitu baik kita buat syarikat. Jadi syarikat daripada RM50 ribu tetapi kita kena tengok dalam (A) itu, daripada kosong. *From zero to RM250 thousand*. Maknanya kalau *you* syarikat, *you start at RM50 thousand*. Denda *you* tidak boleh kurang daripada RM50 ribu. Jadi denda *you* mula daripada RM50 ribu sampai RM500 ribu tetapi kalau individu, dendanya daripada kosong sehingga RM250 ribu.

Sebab itu lebih baik buat seorang-seorang daripada buat syarikat. Syarikat itu dendanya besar lagi. [*Ketawa*] Jadi kalau Yang Berhormat ada terfikir hendak buat, buat seorang-seorang. Jangan buka syarikat. Pasal Yang Berhormat kata, kalau macam ini lebih baik kita buat syarikat, dendanya kurang. Tidak. Dendanya bukan kurang, dendanya bermula daripada RM50 ribu sampai RM500 ribu. Kalau individu, dendanya kosong sehingga maksimum RM250 ribu. Kalau saya cadangkan Yang Berhormat buat individu. Tidak usah buka syarikat, ya.

**Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad:** [*Bangun*]

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad:** Susulan daripada itu, timbul satu kemusykilan kalau seseorang individu itu yang buat kerehah, kerja yang tidak elok ini juga merupakan *director* (pengarah) dalam syarikat yang menjalankan kerja-kerja buruk ini. Maka dalam *corporate governance* kita, dalam *Company Law* kita, *director* itu bertanggungjawab juga, maka adakah ini bermakna denda ke atasnya adalah dua kali?

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kita tengok syarikat ini. Kadangkala bila kita caj individu, jadi yang kena individu iaitu *director* tetapi kita tengok dalam syarikat itu ada duit dan syarikat itu terlibat. Jadi syarikat itu kita kena dakwa jugalah. Bukan sahaja individu, syarikat itu sekali sebab kita tidak mahu syarikat itu terlepas. Kalau kita caj *director* sahaja, jadi *director* bayar, tetapi duit banyak lagi dalam syarikat itu. Syarikat kena bertanggungjawab juga. Maknanya *director* itu akan dicaj sebagai individu tetapi syarikat itu kena juga. Jadi tidak boleh lepas punya ini. Mesti kena punya.

**Dato’ Yip Kum Fook:** [*Bangun*]

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dato’ Yip.

**Dato’ Yip Kum Fook:** Soalan saya terjawab. Terima kasih. *You are very brilliant Minister.* [*Disampuk*] [*Tepuk*]

■ 1600

**Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Susah hendak jawab, kembang punggung. Terima kasih, terima kasih. Okey kemudian Dato’ Ismail, minta maaf saya duk tengok-tengok ini sebab saya cuba hendak menjawab semua. Okey, Dato’ Ismail Kassim, di dalam rang undang-undang ini apakah peranan pihak berkuasa tempatan agar cukup untuk memastikan rumah-rumah pelacuran diambil tindakan? Dato’ Ismail tahu dekat mana, rumah pelacur, tahu? Tidak sebab saya sebut dalam ucapan tadi saya kata kita perlu untuk berjaya kita perlu kerjasama daripada Ahli Senator. Kalau tahu mana rumah pelacuran beritahulah kot kita hendak buat *raid*.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam rang undang-undang ini, terdapat peruntukan berkenaan penubuhan Majlis Anti Peredaran Orang yang bertujuan untuk menyelaras dasar-dasar dan isu-isu berkenaan pembanterasannya dan penghapusan jenayah peredaran orang. Anggota-anggota Majlis adalah terdiri daripada kementerian yang telah dikenal pasti. Walaupun PBT bukan anggota Majlis tetapi Majlis boleh memanggil PBT untuk menjadi ahli dalam Majlis tadi bagi tujuan sesuatu mesyuarat Majlis untuk melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan

oleh Majlis. Di sini Majlis memainkan peranan yang penting bagi memastikan perkara-perkara yang perlu dikuatkuasakan PBT bagi tujuan menghapus jenayah pemerdagangan orang.

Okey, Datuk Wira Syed Ali bangkit tentang sebatan tadi saya sudah jawab. Dato' Haji Idris, adakah pertuduhan akan bergantung kepada jumlah orang yang akan diperdagangkan? Pertuduhan dibuat bagi setiap kesalahan pemerdagangan orang. Ia tidak dibuat berdasarkan bilangan mangsa. Sebab itu kita ada beri ruang kepada hakim waktu dia hendak menghukum itu daripada kosong hingga katalah 15 tahun. Jadi kalau yang terlibat itu seorang, mungkin tengoklah terpulang kepada hakimlah dia mungkin beri lima tahun tetapi kalau tengok 100 orang bagi dia 15 tahun terus. Jadi itu ruang kita berikan kepada hakim untuk membuat keputusan ini.

**Tuan M. Munusamy:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Walau bagaimanapun, apabila mahkamah menjatuhkan hukuman faktor-faktor seperti bilangan mangsa serta faktor-faktor pemberatan lain akan diambil kira. Ia akan bergantung pada faktor setiap kes. Senator.

**Tuan M. Munusamy:** Yang Berhormat Menteri, cuma saya hendak tanya sekiranya ada seorang yang menjalankan perniagaan seperti pelacuran atau lain-lain jenis pemerdagangan *anti-trafficking* ini kalau dia buat dalam tiga, empat tempat dan dirampas ataupun *raid* kena tangkap, bagaimana hukuman dia? Adakah hukuman untuk dua, tiga tempat ataupun satu hukuman sahaja?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat dalam hal ini kalau dia terlibat, kalau kita kata tadi maknanya tidak kira satu orang ke 100 orang jadi tempatnya samalah juga tidak kira satu tempat, empat tempat, kesalahannya sama. Soal berat tidak berat itu hakim akan menghakimilah. Jadi dia tidak ada perbezaan maknanya *is a same* tidak kira ada tiga, empat tempat. Dia *operate* ada tiga, empat tempat. *One single action* bukan bermakna empat *action* yang dia ambil. Jumlah itu tidak penting tetapi penting waktu menurunkan hukuman oleh hakim nanti.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Yang Berhormat Menteri saya mahu bertanya tadi bukan kenapa ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ingin baca sedikit Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 36, Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap kecuali: (a) - ia menyentuh, sebut Peraturan Mesyuarat berapa; (b) - jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah, sudah pun beralah, syarat pertama. Duduk, sudah pun duduk, syarat kedua dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

Saya belum panggil Yang Berhormat. Sekarang saya panggil, silakan.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih. Saya kagum dengan Yang Berhormat Menteri begitu pandai, cerdik memberi penerangan saya hanya ingin bertanya *one clarification* sahaja. Sedikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab bahasa yang digunakan di dalam seksyen 12, 13, 14 dan sebagainya itu tadi adalah bahasa *singular*. Jadi itulah kekeliruan bagi diri sayalah. Mungkin kekeliruan ini boleh berlaku pada mana-mana orang lain termasuk hakim juga, itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasihlah sebab saya rasa apabila ia *singular* maknanya kita memberi *indication* bahawa ia *single action*lah. Ia tidak ada *multiple action*. Okey, kemudian hukuman untuk orang yang melindungi *snakehead*. Rang undang-undang ini harus dibaca bersama undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan dan sebaliknya. Jika terdapat orang-orang yang bersubahat untuk melindungi orang-orang seperti *snakehead* maka tindakan untuk menuduh orang tersebut di bawah kesalahan persubahatan (*abetment*) di bawah seksyen 109 Kanun Keseksaan yang mana hukumannya adalah sama seperti orang yang memperdagangkan mangsa-mangsa tersebut.

Jadi akta kita ini *must be read together with all other* akta. Ia bukan akta ia sahaja. *It can be read together*. Jadi kalau *abetting criminal is a same*. Macam mana kita boleh dakwa dia di bawah akta tersebut sebentar tadi, jadi hukuman ia sama juga seperti mana yang dikenakan terhadap *snakehead* itu. Yang Berhormat Dato' Rhina juga, apakah kementerian bersedia dengan latihan kepada pegawai-pegawai pelindung? Jadi dalam konteks rang undang-undang ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang membuat perancangan untuk mengadakan latihan kepada pegawai pelindung.

Namun begitu pegawai kebajikan masyarakat sedia ada sebenarnya telah terlatih untuk mengendalikan kes-kes khususnya bagi keganasan rumah tangga. Di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan kes-kes pengurusan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Antara latihan-latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai ini ialah kursus asas kaunseling dan lain-lain kursus berkaitan kaunseling. Pengurusan kerja kes, kursus penyediaan laporan, kursus pengurusan kanak-kanak, kursus *therapy post traumatic disorder* dan kursus pengendalian konflik. Kursus ini kebanyakannya dijalankan di Institut Sosial Malaysia yang terletak di bawah penyeliaan KPWKM.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sekarang terdapat sebanyak tujuh buah rumah perlindungan kanak-kanak yang telah ditetapkan modul-modul program berkenaan perlindungan dan pemulihan mangsa.

Puan Wan Ubaidah, apakah keupayaan pihak polis untuk menangani kes-kes jenayah terancang ini? Pihak polis setakat ini telah berjaya melumpuhkan beberapa sindiket pelacuran di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan juga di Selangor. Pihak polis telah berjaya mengambil tindakan ke atas penganjur-penganjur kegiatan pelacuran dan beberapa orang *snakehead* dan mereka di tahan di bawah Undang-undang Pencegahan dan telah dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam.

Yang Berhormat Mumtaz Md Naw, adakah kita mempunyai mekanisme yang membolehkan orang-orang yang datang ke Malaysia menghubungi agensi-agensi sekiranya belia diperdagangkan. Rang undang-undang ini memperuntukkan berkenaan penubuhan Majlis Anti Pemerdagangan Orang yang akan ditempatkan di KKDN. Majlis ini juga akan melaksanakan dasar yang melibatkan pelan tindakan kebangsaan bagi membanteras dan menghapuskan jenayah ini. Program-program yang diwujudkan oleh Majlis akan diuar-uarkan kepada orang awam. Di samping itu akan diadakan program-program penyelidikan bagi memberi makluman akan masalah jenayah ini. Mangsa yang terlibat bolehlah menghubungi Majlis atau agensi penguat kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini.

Saya dapat lagi satu jawapan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, isu yang dibangkitkan adakah kementerian, ini saya sudah jawablah ISA tadi. Kemudian Dato' Idris bertanya berkenaan dengan koordinasi. Yang empat *enforcement* ini mereka semuanya terlibat dengan *trans-boundary*.

■ 1610

Polis sudah tentu menjaga keselamatan dalam negeri, Imigresen dia tunggu kat *point-point* sempadan, Kastam pun ada kat *point-point* sempadan sebab ada juga orang yang dimasukkan dalam kontena. Yang kontena ini ya, di dalam kontena [*Ketawa*] Kastam sahaja boleh buka ya dan Maritim sudah tentulah dia menjaga kawasan-kawasan perairan kita. Jadi ini semua ada kaitan dengan *point of entry* kita di negara kita ini. Jadi sebab itu kita adakan Majlis.

Majlis ini dipengerusikan oleh KSU Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, polis punya kementerian itu. Jadi, dialah yang akan menentukan satu mekanisme yang akan wujud, malah Majlis itu juga satu mekanisme yang wujud untuk *coordinate* bukan sahaja yang empat *enforcement* unit ini tapi juga termasuk PBT, kemudian Kementerian Wanita, jadi mereka juga menjadi ahli Majlis termasuk NGO. Tiga kita bagi kerusi, mereka inilah, Majlis inilah yang akan menentukan adanya koordinasi dalam kita membahagi maklumat, kerjasama dan lain-lain lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang dibangkit dan saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang mana yang tak jawab itu, pegawai saya mencatat semua dan kalau saya terlupa, sila hubungi saya dan saya akan berikan jawapan yang tidak dijawab oleh saya sebentar tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-Fasal 1 hingga 67 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Negara mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana memandu. Terima kasih. [*Tepuk*]

## RANG UNDANG-UNDANG KEADILAN JENAYAH (PINDAAN) 2007

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1953 dibacakan bagi kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila huraikan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta Keadilan Jenayah 1953 atau juga dikenali sebagai Akta 345. Berbangkit daripada pindaan kepada Kanun Keseksaan ataupun dikenali juga sebagai Akta 574 yang dibuat menerusi Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 iaitu Akta A1210 yang telah berkuat kuasa pada 6 Mac 2007.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi dua fasal.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan melalui warta, suatu tarikh permulaan kuat kuasa akta.

Dalam fasal 2 rang undang-undang ini, dicadangkan pindaan kepada seksyen 3, Akta Keadilan Jenayah 1953 dengan menggantikan perkataan "*twenty*" dengan perkataan "*thirty*".

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini adalah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 57, Kanun Keseksaan yang memperuntukkan pengiraan tempoh pemenjaraan seumur hidup dikira sebagai 30 tahun selari dengan tempoh maksimum pemenjaraan bagi kesalahan di bawah seksyen 304, 364, 374, 376, 396 dan 460 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan-kesalahan serius seperti mematikan orang secara salah yang tidak terjumlah kepada membunuh, penculikan atau melarikan orang dengan tujuan membunuh, rogol mahram, rompakan berkumpulan yang mengakibatkan kematian atau cedera parah. Pecah rumah yang mengakibatkan cedera parah atau kematian dan menjadikan perbuatan keganasan, perbuatan membiayai keganasan dan perbuatan pengambilan tebusan sebagai satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, semua pindaan ini, pengiraan tempoh hukuman pemenjaraan seumur hidup ialah 20 tahun. Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini digubal bagi tujuan menyelaraskan hukuman pemenjaraan seumur hidup daripada 20 tahun kepada 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat yang menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang terhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**4.18 ptg.**

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007. Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa kes jenayah di negara kita semakin meningkat daripada tahun ke tahun tetapi jarang kita fikirkan faktor dan penyebab kepada permasalahan ini. Sumber yang didapati daripada akhbar ada menyatakan kebanjiran warga asing di negara kita dikesan antara punca peningkatan kadar jenayah dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman menunjukkan yang beberapa peratus dari perangkaan tersebut didalangi warga asing terutamanya daripada Indonesia. Antara klasifikasi jenayah yang terlibat ialah jenayah kekerasan di bawah kategori samun, bunuh, mencederakan manusia, rogol, cabul, ugutan jenayah, peras ugut, merusuh, pencerobohan jenayah dan pencerobohan rumah. Warga asing selain daripada Indonesia yang terlibat dalam jenayah ini ialah warga asing daripada Brunei, Filipina, Bangladesh, Singapura, Myanmar, Pakistan dan lain-lain.

■ 1620

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya ingin menuding jari 100% kepada warga asing tetapi apabila melihat sumber yang dinyatakan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman yang warga asing adalah penyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Saya merasa bimbang dan ini menunjukkan warga asing ganas dan bersenjata. Bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2006 sahaja 604 kes bunuh telah dilaporkan berlaku dan 99 kes adalah melibatkan warga asing. Warga asing yang membanjiri negara kita adalah mereka yang ingin mencari rezeki yang halal di tanah air yang makmur dan juga subur ini tetapi jika mereka juga membuat jenayah dan mengancam keselamatan negara adakah kita masih hendak berdiam diri.

Kita perlu mencari puncanya Tuan Yang di-Pertua mengapa warga asing ini terlibat dalam jenayah. Kita juga perlu mencari inisiatif untuk menangani peningkatan kadar jenayah ini. Pada pendapat saya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri perlu menggandakan usaha dan mencari punca kepada ancaman ini sebelum warga asing diterima masuk ke dalam negara kita mereka wajib.. pihak berkuasa yang berkaitan seperti imigresen dan juga kastam untuk memeriksa dengan teliti passport, rekod jenayah mereka dan dokumen-dokumen berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menyediakan peluang pekerjaan yang begitu luas kepada rakyatnya juga kepada warga asing tetapi wajarkah kita sendiri berasa takut untuk keluar rumah, melakukan aktiviti harian kita di tanah air kita sendiri malah untuk mengizinkan anak isteri keluar rumah pun sudah menjadi satu kebimbangan. Banyak kes yang kita saksikan di kaca TV, di dada-dada akhbar lepas satu kes satu kes jenayah yang mendapat publisiti yang begitu meluas. Bila kita melihat Tuan Yang di-Pertua mangsanya

ialah anak bangsa dan rakyat kita sendiri. Memanglah menyedihkan, sampai bila kita hendak berasa terancam. Hal jenayah satu hal, belum lagi hal yang lain. Ramai juga warga asing yang terlibat dalam perhubungan cinta dengan rakyat Malaysia. Yang menjadi kehairanan ialah bagaimana orang Malaysia sendiri boleh melayan warga asing yang mereka tidak kenal hati budi, asal usul dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di peringkat bila mula Yang Berhormat berucap saya pun samar-samar sama ada inti sari ucapan Yang Berhormat itu ada kaitan dengan pindaan yang merupakan masalah di hadapan kita tetapi itu saya biarkan kerana saya sendiri samar-samar. Bila masuk warganegara Malaysia jatuh hati kepada warganegara asing itu hampir-hampir terkeluar.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi pihak berkuasa tempatan perlulah memainkan peranan yang sewajarnya malah agensi yang membekalkan pekerja asing juga Tuan Yang di-Pertua harus disiasat tentang rekod-rekod pekerja asing yang hendak dibawa ke negara kita. Tak hendak ambil pusing dengan benda ini malah mereka mengambil senang dengan mengambil siapa saja untuk masuk ke negara kita. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua apabila disabitkan kesalahan pula jatuhkan hukuman yang sepadan dengan kesalahan mereka itu saya meminta sangat supaya hukuman yang bakal dijalankan akan memberi keinsafan kepada seluruh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Bijak Yang Berhormat kaitkan ungkapan terakhir. Terima kasih. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

#### 4.24 ptg.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit tentang pindaan seksyen 3 - penjara seumur hidup daripada 20 tahun kepada 30 tahun. Sebenarnya bagi saya sudah lama kita tunggu. Sepatutnya sudah lama kita naikkan kepada 30 tahun ini kerana jenis jenayah yang dilakukan. Cuma saya ingin bertanya di sini iaitu tidakkah maksudnya mereka yang di penjara 30 tahun sebab ia terlalu lama dia diletakkan di satu penjara yang khusus yang sekurang-kurangnya memberi ruang kepada mereka untuk hidup berkeluarga. Maksud saya ialah sekurang-kurangnya memberi ruang 30 tahun kalau umur dia 40 tahun dia akan jadi 70 tahun bila dia keluar daripada penjara.

Jadi tidakkah ada ruang yang lebih baik supaya di dalam penjara dalam tempoh 30 tahun itu dia dapat merasakan suasana hidup berkeluarga. Kemudian dari segi ekonominya dan yang ketiga mungkin diberi ruang dari segi pendidikan dalam penjara itu supaya keinsafan itu bila dia keluar berumur 70 tahun maka sekurang-kurangnya penjara itu benar-benar mendidik dia. Jadi saya harap mungkin ada perimbangan bila kita naikkan 30 tahun ini maka dia keluar itu bukan sahaja dia keluar umurnya 70 tahun tapi ada perubahan pada dirinya. Itu saja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Puan Mumtaz binti Md Nawi.

#### 4.25 ptg.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mempunyai beberapa soalan untuk dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Yang pertama khususnya untuk keadilan dalam Rang Undang-undang Keadilan Jenayah ini. Pertama tentang kepakaran jurubahasa yang ada di mahkamah. Setakat ini saya ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan kepakaran jurubahasa yang akan bertindak di mahkamah-mahkamah kerana kita melihat sekarang kalau kita berhadapan dengan kes-kes contohnya anti pemerdagangan orang ini ataupun kes-kes lain melibatkan warganegara asing. Jadi adakah kita mempunyai kepakaran yang sama sebagai jurubahasa di mahkamah. Itu yang pertama.

Yang kedua, tentang perkembangan mahkamah PATI iaitu mahkamah untuk pendatang asing tanpa izin kerana kalau kita melihat sekarang kebanyakan negeri telah mempunyai mahkamah PATI masing-masing yang mana yang berkhidmat di mahkamah PATI adalah merupakan hakim-hakim Mahkamah Sesyen yang akan meninggalkan asal

untuk bertindak sebagai hakim di mahkamah PATI. Begitu juga dengan pendakwa raya-pendakwa raya yang begitu banyak sekali pengalaman. Saya rasa kalau dilihat dari segi kes-kes yang berada di mahkamah adalah satu kerugian kita menghantar pendakwa raya dan hakim-hakim yang begini senior untuk hadir ke mahkamah PATI.

Jadi saya hendak tahu apakah perkembangan terbaru untuk mahkamah PATI ini sama ada kerajaan bercadang untuk membuat *rotation* kepada hakim-hakim untuk bergerak daripada satu tempat ke satu tempat dan menggunakan hanya seorang hakim Mahkamah Sesyen bagi mengendalikan kes-kes yang melibatkan mahkamah PATI.

Seterusnya berkaitan juga yang telah dibahaskan oleh Datuk Wira Syed Ali tadi berkenaan apakah faktor-faktor yang menyebabkan indeks jenayah meningkat sebegitu rupa daripada 1,004 kes kepada 41,000 dalam masa 12 bulan iaitu pada tahun 2005 hingga 2006 berlaku peningkatan indeks jenayah 41,000. Kalau kita kata kemungkinan ada sumbangan daripada pihak pendatang tanpa izin tapi saya percaya bahawa ini bukanlah sebab yang paling besar yang menyumbang kepada 41,000.

Jadi kita mohon pihak kerajaan memberikan jawapan yang khusus tentang perkara ini kerana ini akan memberikan satu impak menyeluruh kepada semua jabatan kerajaan iaitu dari segi Polis Diraja Malaysia (PDRM), dari segi pendakwa raya, mahkamah, penjara yang memerlukan bajet dari segi keanggotaan pegawai dan pertambahan bajet yang tinggi kerana jumlah ini kalau boleh meningkat daripada 1,000 kepada 41,000 saya rasa kalau dari segi penurunan juga adakah kita mempunyai satu benda yang boleh kita turunkan kadar itu daripada 41,000 turun balik kepada 1,000. Jadi perkara ini saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila.

**4.28 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong iaitu supaya pemenuhan seumur hidup itu dinaikkan daripada 20 kepada 30 tahun dari segi itu tidak ada berbeza pendapat.

Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bercakap tentang kemasukan warga asing secara berleluasa menyebabkan peningkatan dalam kegiatan jenayah. Kerajaan dalam perancangan untuk mengawal kemasukan warga asing yang masuk ke negara ini untuk mencari pekerjaan, satu rang undang-undang berkenaan pengawal seliaan pekerja asing sedang di peringkat perbincangan. Maknanya ini satu pengalaman baru kepada kita. Bila kita menghadapi masalah maka kita cari jalan untuk mengatasinya.

Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Datuk Wira Syed Ali iaitu cara pemikiran bukan orang Malaysia ini berbeza sedikit daripada orang Malaysia. Kita menghormati undang-undang di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung tapi bagi orang yang saya tak mahu sebut negara ini mereka datang ke mari mereka tidak mempunyai pemikiran sedemikian. Jadi sebab itu dia merupakan masalah dan sebab itu kita mahukan supaya kemasukan pekerja-pekerja asing ini mestilah dilakukan dengan teratur.

■ 1630

Memang betul, apabila disebutkan bahawa peningkatan jenayah ini disabitkan kerana PATI. PATI ini tanpa izin. Dia datang secara haram. Jadi, kalau sudah mula dengan cara yang haram ia akan berakhir dengan haram, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia orang yang baik, dia tidak akan masuk secara haram. Dia akan masuk secara yang sah, mengikut peraturan yang ditentukan di antara kita dengan negara yang mereka datang itu. Oleh kerana mereka ini PATI, dan PATI itu sendiri pun konotasinya tidak baik, haram, jadi sebab itu banyak perkara-perkara yang dilakukan oleh orang yang seperti ini. Sememangnya di penjara kita pun, hari ini kita bercakap tentang di mana penjara kita begitu ramai sekali - sesak dalam penjara kita.

Saya menjadi pengerusi kepada *Cabinet Committee* berkenaan dengan penjara ini. Peraturan yang tinggi, Tuan Yang di-Pertua, yang duduk di dalam penjara ini ialah orang asing. Mereka ini yang menyebabkan penjara kita sesak. Oleh sebab itu usaha untuk kita mengatasi pendatang haram ini harus diteruskan. Sebab itulah kita mengharapkan supaya kalau kerajaan membuat keputusan untuk mendapatkan bantuan daripada pihak



RELA, untuk membantu kita, kalau ada tiga atau empat orang RELA yang membuat perbuatan yang tidak baik, jangan sampai tujuan kita menggunakan RELA untuk membantu pihak polis dibatalkan.

Saya tengok rakyat Malaysia kita ini, memang betul-betul, ada dua, tiga empat orang RELA yang membuat perangai tidak baik terus dipersoalkan apa kebijaksanaan menggunakan RELA untuk membantu polis. Menggunakan RELA untuk membantu polis ini ialah kerana untuk hendak mencari PATI-PATI ini. Jadi, saya harap supaya rakyat akan memberi sokongan kepada kerajaan, beri galakan dan kalau sekiranya ada sedikit sebanyak *problem* di atas tindakan yang kita ambil, jangan sampai kita minta supaya dihapuskan atau dibatalkan rancangan kita itu. Kita perbetulkanlah ada tiga, empat anggota RELA dan ambil tindakan terhadap dia tetapi berilah galakan kepada pasukan RELA untuk membantu polis kerana kita tidak mahu orang yang tidak sepatutnya berada di negara kita ini berada di sini. Kita mesti cemburui, bahawa ini negara kita. Kita tidak membenarkan mereka yang datang secara haram. Kita peduli apa sama ada dia jiran atau siapa, kalau dia sudah masuk secara tidak betul, tidak betul-betul. Oleh sebab itu saya harap rakyat akan terus memberi sokongan kerana apa juga yang kerajaan buat ialah untuk mengatasi masalah yang kita hadapi ini.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi bercakap berkenaan dengan dalam pemenjaraan ini, adakah kita memberi latihan? Saya rasa sememangnya kita memberikan latihan kaunseling, tetapi Yang Berhormat, untuk hendak hidup secara keluarga ini, itu sukarlah sikit sebab perkataan 'pemenjaraan' itu juga mempunyai elemen mengatakan dia diasingkan daripada masyarakat. Jadi, agak sukar untuk kita meletakkan seorang penjenayah, memberikan dia segala keistimewaan seperti dia orang biasa. Jadi, penjara itu ada konotasi pengurungan dan mengasingkan dia dari masyarakat. Ini kita kenakan, sebab soal dia akan balik kepada keluarganya nanti itu kita sentiasa kata, siapa yang melakukan jenayah harus memahami bahawa inilah perkara yang akan dilalui oleh mereka di atas jenayah yang telah dilakukan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini sebab penjaranya itu 30 tahun, maksud saya kehidupan berkeluarga itu ialah mungkin dalam dua bulan sekali isterinya dibenarkan datang kalau dia lelaki, ataupun kalau dia perempuan mungkin dua bulan sekali dibenarkan anaknya masuk, dia diberikan masa. Maksud saya begitu.

Ini sebab saya pernah masuk ke penjara UK. Saya agak terkejut iaitu bila melihat penjara mereka agak kemas, teratur dan *very friendly* di kalangan wardennya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah masuk ke Penjara Pudu dan saya amat terkejut semasa membuat kajian - bukan saya dipenjarakan. [*Ketawa*] Itu semasa saya membuat kajian, Tuan Yang di-Pertua, sebab bidang saya ialah sosiologi. Saya terkejut melihat penjara di Pudu sebab kalau dia dipenjarakan tiga tahun pun, saya tengok dia hendak makan pun tidak boleh sebab suasana dalam penjara itu. Jadi, saya bimbang bahawa kalau 30 tahun dia duduk dalam keadaan begitu. Sebab ini adalah Akta Keadilan Jenayah jadi adalah juga sedikit ruang untuk mereka memahami keadilan itu. Itu yang saya maksudkan sebab ini kita naikkan penjara seumur hidup dari 20 tahun ke 30 tahun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, keadilan jenayah bukan keadilan penjenayah. Saya rasa dalam sistem kita seseorang itu dipenjarakan dia punya *civil liberties* itu di *suspend*. Jadi, ini dihalalkan di seluruh dunia. Sebab itulah kita ada sistem pemenjaraan. Kita kena ingat, dia punya *civil liberties are suspended* dan diizinkan, tidak ada orang yang akan bercakap tentang *human rights* untuk penjenayah ini sebab *civil liberties*nya *suspended*.

Jadi, tidak mengapalah, saya rasa sudah tentu negara barat sistem mereka mungkin nampak baik. Saya faham, mungkin itu bukan untuk *hardcore criminals*. Saya rasa *hardcore criminals* tetap pemenjaraan itu diasingkan. Saya rasa Yang Berhormat tengok itu ialah mungkin *minor offences*, kena tahan tiga bulan, yang ini kita boleh tengok, tetapi kepada *hardcore criminals* bagi mereka yang dalam pemenjaraan seumur hidup ini ia dianggap sebagai *hardcore criminals*. Kita harus bezakan di antara *hardcore criminals* dengan *minor offenders*, yang kena tiga bulan atau setahun atas perkara-perkara yang dianggap tidak jenayah besar. Itu kita mungkin boleh cuba berikan satu suasana yang lebih *civil* sedikit, tetapi saya ingat kepada yang kena seumur hidup ini, dia itu *hardcore criminals* dan *civil liberties* mereka sudah tentu digantung.

Kemudian berkenaan dengan program-program pelan pembangunan insan yang dijalankan di penjara pada masa sekarang ini ialah Program Orientasi selama tiga bulan, Program Pembangunan Sahsiah, Program Kemahiran dan Program Pra-Bebas. Sebelum kita hendak bebaskan dia pun kita ada program. Ini Yang Berhormat kata hendak bagi dia *familiarize* balik. Itu termasuk dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pada masa ini belum ada program untuk dibenarkan berkeluarga dalam tempoh pemenjaraan seumur hidup. Diharap program ini dapat menjadikan seseorang banduan itu sebagai seorang insan yang berguna kepada keluarga dan masyarakat. Program keluarga ini, tidak ada sekarang ini. Kita tidak boleh benarkan sebab *civil liberties*nya digantung.

Kemudian, meletakkan Timbalan Pendakwa Raya di Mahkamah PATI. Tujuan menempatkan Timbalan Pendakwa Raya di Mahkamah PATI adalah bagi memastikan kes-kes dapat diselesaikan dengan segera dan dijalankan dengan berkesan. Ini menggariskan kesungguhan pendakwa raya di dalam memastikan kesalahan PATI ini didakwa dengan berkesan.

Yang Berhormat, bila kita bercakap tentang Mahkamah Imigresen, sebenarnya kita tidak payah bawa dia ke mahkamah. Kita tangkap dia sahaja. Dia tidak ada sebab untuk berada di negara kita, kita boleh depot dia. Kita bawa dia ke mahkamah kerana bukan sahaja tujuannya ialah untuk kita hendak menghukum dia, kita hendak tangkap agen itu. Yang jahat ini agen. Dia masuk secara haram, tentu ada agen dia. Selalu kita dengar yang masuk secara haram ini tindakan yang diambil ialah sebat. Agen pun boleh disebat juga.

■1640

Jadi kita hendak tangkap. Sebenarnya dalam Jemaah Menteri kita bincang bagaimana kita hendak hukum agen ini. Kalau setiap kali kita hantar balik PATI ini, nanti mereka datang balik sebab agen itu yang bertanggungjawab yang menyediakan kapal, bot, bawa masuk hantar dekat mana, jadi kita hendak dia dan kita hendak dia disebat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna PATI ini juga produk pemerdagangan semualah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pemerdagangan yang tadi itu. Betul Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju, memang dengan adanya Akta *Anti-Trafficking* ini tadi kita boleh mengambil tindakan. Mereka ini bukan menjadi orang salah yang duduk lama ini, dia mungkin menjadi mangsa. Kita boleh gunakan dia untuk kita mencari agen. Sebenarnya tujuan kita adakan undang-undang imigresen seperti ini ialah kerana kita hendak supaya agen itu diambil tindakan bukan sahaja PATI ini. Sebab itu kita hantar pendakwa raya untuk memastikan supaya kes ini lekat dan boleh disabitkan dan kita boleh mengambil tindakan terhadap agen-agen serta tekong-tekong ini.

Kemudian bagaimanakah kerajaan memastikan kecekapan Jurubahasa Mahkamah? Kursus diadakan dari semasa ke semasa ke Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan untuk meningkatkan kecekapan Jurubahasa Mahkamah. Ini kalau orang kita tetapi kalau yang ditahan itu orang dari Uzbekistan tak kan kita hendak latih Jurubahasa kita dengan Uzbek. Kalau dalam kes-kes sebegitu kita *hire*, sewa, bukan sewa ... manusia ini apa? Kita *hire* lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Upah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Upah, kita upah. Dalam kes-kes tertentu untuk memastikan supaya mereka diberikan keadilan, jurubahasa mesti ada, kita upah jurubahasa dalam bahasa-bahasa yang jarang digunakan tetapi macam Bangla kita sudah ada. Bangla ini banyak sebab Bangla ini dia Bollywood banyak kes juga. Bangla kalau tidak silap saya, kita sudah ada. Indonesia sudah tentulah.

Kemasukan warganegara asing secara berleluasa menyebabkan peningkatan ... ini saya sudah jawab, pertanyaan dari Dato' Syed Ali tadi Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Majlis sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 4.42 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggabungkan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau Akta 280 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 atau Akta 499 untuk mengawal selia dan mengadakan peruntukan yang berhubung dengan aktiviti pasaran dan perantara dalam pasaran modal dan untuk perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh teruskan dengan huraian. Ini yang tebal apa ini Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Pembentangan akan ringkas mengambil kira masa yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu pasaran modal adalah penting di dalam sistem kewangan sesuatu negara sebagai penyambung di antara simpanan dan pelaburan di dalam sesuatu ekonomi. Di Malaysia, pasaran modal ini bernilai RM1.55 trilion pada 30 April 2007, yang mana meletakkannya sebagai antara pasaran yang paling berprestasi di rantau Asia jika dibandingkan nilainya pada tahun 1990 ia hanya pada RM200 bilion sahaja.

Pasaran ekuiti Malaysia kini mempunyai asas yang lebih kukuh semenjak krisis kewangan pada tahun 1997. Antara faktor yang menyumbang terhadap prestasi yang cemerlang ini adalah keadaan makro ekonomi yang kukuh, kemasukan semula pelaburan asing ke dalam pasaran ekuiti, mendapatkan korporat yang lebih baik, penyatuan dan pengambilan korporat yang aktif serta jangkaan yang positif hasil dari pengumuman oleh kerajaan berkenaan dengan projek-projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pada tahun 2006 sejumlah 41 buah syarikat telah disenaraikan di Bursa Malaysia dengan 73.8% daripada jumlah ini di Papan Utama sementara sejumlah 12.4% di Papan Kedua dengan 13.8% disenaraikan di Pasaran MESPEG. Pasaran bon korporat kekal sebagai satu punca utama untuk pembiayaan jangka masa panjang dalam sektor swasta.

Dalam tahun 2006, jumlah kasar dana yang dikumpulkan melalui bon korporat adalah RM31.7 bilion. Di sebalik perkembangan yang pesat pasaran modal di Malaysia masih lagi wujud ruang untuk menambah baik daya saing pasaran modal Malaysia melalui peningkatan, keberkesanan urus niaga, pengurangan kos, serta meningkatkan penggunaan

teknologi. Dalam usaha untuk memastikan rang undang-undang ini mampu mencapai matlamatnya, maklum balas yang meluas telah diperoleh melalui rundingan dengan pelbagai pihak yang terlibat dalam pasaran modal termasuklah persatuan-persatuan yang mewakili pelbagai sektor di dalam industri pasaran modal.

Peruntukan-peruntukan ini juga adalah setaraf dengan prinsip-prinsip pengawalseliaan yang dikeluarkan oleh dengan izin, *International Organization of Securities Commission*.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan matlamat ini, rang undang-undang ini meletakkan enam sasaran utama iaitu:

- (i) memperkenalkan sistem pelesenan tunggal;
- (ii) mempertingkatkan keberkesanan proses penjanaaan dana;
- (iii) memperkukuhkan perlindungan pelabur;
- (iv) mempromosikan Malaysia sebagai *hub* kewangan Islam global yang berdaya saing;
- (v) menggalakkan penggunaan teknologi dalam pasaran modal; dan
- (vi) menggalakkan pengawalseliaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memperkenalkan Sistem Pelesenan Tunggal – penggabungan industri pembrokeran telah menyaksikan kelahiran syarikat broker universal serta bank-bank pelaburan yang boleh menjalankan pelbagai perkhidmatan pasaran modal di bawah satu entiti. Namun demikian rangka kerja pelesenan yang sedia ada di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 memerlukan aktiviti urus niaga sekuriti dan niaga hadapan dijalankan melalui dua atau lebih entiti perniagaan yang berbeza dengan lesen juga yang berbeza.

#### ■1650

Ini menambahkan proses pematuhan serta melibatkan kos tambahan kepada perniagaan. Untuk mengurangkan beban serta memastikan tahap keberkesanan Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau PMP 2007 ini akan memperkenalkan suatu sistem pelesenan tunggal untuk perantara pasaran modal.

Dengan adanya rang undang-undang ini, berbagai-bagai jenis produk pasaran modal dapat ditawarkan melalui entiti yang sama serta membolehkan entiti ini menjalankan urus niaga dalam skala ekonomi yang lebih berkesan. Atas dasar ini, peruntukan di bawah fasal 58 hingga 139, Rang Undang-undang PMP 2007 memberi kesan dengan izin, *to give effect* kepada rangka kerja pelesenan tunggal dan melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelesenan. Rang undang-undang ini akan memperkenalkan enam jenis aktiviti terkawal iaitu:

- (i) urus niaga sekuriti;
- (ii) dagangan kontrak niaga hadapan;
- (iii) penasihat kewangan korporat;
- (iv) pengurusan kumpulan wang;
- (v) penasihat pelaburan; dan
- (vi) perancang kewangan.

Di bawah sistem pelesenan tunggal yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini, broker universal dan bank pelaburan boleh menjalankan kesemua enam aktiviti ini tanpa memerlukan ianya memegang pelbagai lesen pada satu masa. Ini akan membolehkan mereka memperkukuhkan kedudukan mereka untuk menghadapi persaingan dengan institusi-institusi broker asing.

Mempertingkatkan keberkesanan proses penjanaaan dana - satu pasaran yang cekap untuk menghasilkan modal adalah penting bagi membiayai pertumbuhan ekonomi

dan mempelbagaikan sumber dana dalam sistem kewangan. Syarikat mestilah mampu menjana dana secara lebih cekap melalui pasaran ekuiti dan bon.

Rang Undang-undang PMP 2007 mencadangkan supaya keberkesanan proses penjanaan dana dipertingkatkan tanpa menjejaskan perlindungan pelabur. Usaha untuk memperjelaskan transaksi tertentu yang tidak memerlukan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dicadangkan dalam Rang Undang-undang PMP 2007. Sebagai contoh, transaksi yang berkenaan pembahagian dan penyatuan saham yang telah mendapat kelulusan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat agung tidak lagi memerlukan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 212 hingga 316 adalah daripada peruntukan-peruntukan sedia ada dalam Bahagian IV, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (SCA). Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan baru turut diperkenalkan iaitu peruntukan supaya wang permohonan yang diterima perlu dipegang oleh pemegang amanah. Memperkenalkan konsep prospektus gantian dan kelulusan SC perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum seseorang itu dilantik sebagai pemegang amanah untuk pemegang debentur.

Memperkuatkan perlindungan pelabur - di bawah SIA, FIA dan SCA telah sedia ada pelbagai peruntukan untuk melindungi pelabur dan juga peruntukan untuk SC mengambil tindakan untuk melindungi pelabur. Usaha juga dijalankan untuk meningkatkan lagi perlindungan pelabur. Untuk tujuan ini, peruntukan-peruntukan berikut adalah dicadangkan:

Fasal 200 membolehkan SC melalui tindakan sivil mendapatkan ganti rugi sebanyak tiga kali ganda dari kesalahan yang dilakukan.

Fasal 260 memerlukan pelantikan pemegang amanah untuk satu bon mendapatkan kelulusan SC terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global yang berdaya saing. Di bawah Rang Undang-undang PMP 2007 yang dicadangkan, bank-bank yang berstatuskan bank Islam dibenarkan untuk menjalankan keseluruhan aktiviti pasaran modal bagi produk yang berlandaskan prinsip syariah tanpa menjejaskan perlindungan pelabur.

Fasal 316 membolehkan menteri membuat pengubahsuaian sekiranya difikirkan perlu untuk memastikan Undang-undang Sekuriti berkaitan dengan sekuriti Islam memenuhi kehendak prinsip syariah.

Menggalakkan penggunaan teknologi dalam pasaran modal - Rang Undang-undang PMP 2007 juga memudahkan penggunaan teknologi baru untuk memastikan wujudnya satu pasaran modal yang bertenaga dan dinamik. Rang Undang-undang PMP 2007 yang dicadangkan akan membolehkan SC mendaftarkan pengendali perkhidmatan yang menawarkan pelbagai produk pasaran secara elektronik. Tujuan ini diperkenalkan melalui fasal-fasal 34-36.

Menggalakkan pengawal seliaan sendiri sebagai satu inisiatif untuk mewujudkan rangka kerja yang kukuh dan mudah, fasal 322 hingga 331 Rang Undang-undang PMP 2007 mencadangkan pengenalan secara beransur-ansur, pengawal seliaan berasaskan pasaran modal dengan izin *self-regulatory framework*. Pendekatan ini akan menyaksikan penggunaan disiplin, daya saing pasaran yang dijangka akan menjadi asas kepada pengawal seliaan yang lebih kos efektif dalam pengawal seliaan pasaran modal.

Untuk tujuan pembangunan secara beransur-ansur ini, Persatuan Pengurus-pengurus Unit Amanah Malaysia atau dengan izin *Federation of Unit Trust Managers* akan dibangunkan sebagai satu organisasi pengawal seliaan sendiri untuk industri unit saham di Malaysia. Bagi fasal-fasal lain di dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan penggabungan akta-akta SIA, FIA dan SCA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggabungkan Akta Perindustrian

Sekuriti 1983 iaitu Akta 280 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 iaitu Akta 499 untuk mengawal selia dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan aktiviti pasaran dan perantara dalam pasaran modal bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sila, Dato' Gooi Hoe Hin.

#### 4.57 ptg.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran yang diberikan untuk saya membahaskan dan seterusnya membolehkan saya memberi pandangan tentang rang undang-undang ini. Tadi saya telah dengar dengan cukup teliti pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri secara bernas dan jelas bagaimana dasar Kementerian Kewangan untuk membangunkan dan menggalakkan pasaran sekuriti dan pasaran modal. Saya hanya ingin menyentuh untuk satu perkara sahaja. Satu perkara secara prinsip atau tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti yang bertindak sebagai penjaga pelabur-pelabur atau erti kata lain melindungi kepentingan pelabur-pelabur.

Dari meniaiyai orang-orang yang tidak bertanggungjawab, berniat jahat dan sengaja menipu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam seksyen 200. Sehubungan dengan ini, izinkan saya petikkan misi Suruhanjaya Sekuriti seperti berikut:

*“Untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan niaga hadapan yang adil, cekap, terjamin dan telus serta membantu pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing.”*

Secara amnya, saya dapati misi tersebut amat baik dan sempurna. Pembangunan dan perkembangan pasaran sekuriti dan pasaran modal amat memberangsangkan. Bursa Saham Kuala Lumpur telah begitu baik dan kukuh sehingga kini indeks komposit mencecah 1354.98 malam semalam. Ini menunjukkan usaha murni Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Sekuriti dalam mengembangkan dan memperkukuhkan pasaran sekuriti dan pasaran modal sejak kemelesetan yang berlaku pada tahun 1997 harus diberi kepujian, syabas dan tahniah. Fakta-fakta mengenai pembangunan dan perkembangan pasaran sekuriti dan pasaran modal telah pun terkandung dalam laporan Suruhanjaya Sekuriti 2006 yang dihuraikan juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

#### ■ 1700

Oleh itu tidak perlu saya ulang, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kembali kepada perkara pokok. Perkara pokok iaitu tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti. Antara lain yang penting sekali ialah melindungi pelabur. Kita semua sedia maklum dan memahami bahawa melabur dalam bursa saham mempunyai sedikit sebanyak elemen risiko. Itu benar, itulah hakikat tetapi syarikat-syarikat yang dibenarkan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur telah ditapis, dihalusi sebelum mereka layak disenaraikan.

Ini bermakna, pada pendapat saya pelaburan akan menjadi risiko yang telah diambil kira faktor-faktor tertentu. Namun, kadang kala dan sering kali saya kurang faham mengapa Suruhanjaya Sekuriti mungkin telah teliti, telah mengambil tindakan, tetapi saya ingin menyeru lebih tegas terhadap syarikat-syarikat yang dikeluarkan dari papan Bursa Saham dengan izin, *delisted*.

Saya perhatikan apabila sesebuah syarikat yang ingin atau sebelum disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, akaun-akaunnya dikemukakan adalah begitu baik, sihat *walafiat* dalam segala-galanya. Pengurusan kewangan, amalan perniagaan mereka menunjukkan prestasi keuntungan baik-baik belaka. Sama ada akaun ini benar atau tidak atau sesuatu yang tersirat atau tersurat, itu adalah tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti untuk kupas. Kupas dan teliti dengan sehalus-halusnya dan sepuas-puasnya.

Andai kata mengikut kemahiran dan kepakaran yang sedia ada, dan setelah diteliti serta dikupas sedalam-dalamnya dan setelah semuanya puas, akhirnya Suruhanjaya Sekuriti memutuskan syarikat berkenaan diluluskan untuk disenaraikan berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan. Namun apabila syarikat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, entah apa telah jadi, syarikat yang kononnya begitu sihat, tiba-tiba jatuh sakit, sakit

teruk. Dalam hanya sedikit masa sahaja, mungkin tidak sampai pun lima tahun, Suruhanjaya Sekuriti terpaksa mengeluarkan syarikat berkenaan dari Bursa Saham Kuala Lumpur, *delisted*, tiga sampai lima tahun. Rakyat telah melabur. Kini pelaburannya hangus sahaja. Hilang begitu sahaja.

Di sini saya hendak bertanya, apakah peranan Suruhanjaya Sekuriti? Persoalan yang saya timbulkan dalam fikiran saya ialah mengapa keadaan sebegini berlaku? Siapa yang bertanggungjawab? Adakah itu seolah-olah takdir sahaja atau sesuatu penipuan? Adakah syarikat berkenaan ini bertujuan untuk menganiaya rakyat atau dalam izin *cash out* dan biarkan pelabur-pelabur yang tanggung kerugian tersebut. Adakah itu adil?

Oleh itu saya berpendapat, sesuatu yang lebih konkrit harus diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai penjaga dan pelindung pelabur. Jika boleh saya merayu, saya pohon, melawat semula, audit semula syarikat-syarikat berkenaan di mana pada pandangan Suruhanjaya Sekuriti, terdapat apa-apa yang tersirat dan tersurat atau kemungkinan deklarasasi palsu dalam mana-mana akaun-akaun mereka. Tentunya sesuatu tidak kena. Ini bukan syak wasangka, tetapi logik dan rasional.

Oleh yang demikian, saya pohon, saya menyeru, saya menggesa supaya Suruhanjaya Sekuriti mengambil tindakan sedemikian atas syarikat-syarikat berkenaan kerana ramai rakyat yang terpedaya, yang tidak berdosa. Tindakan sedemikian atas syarikat-syarikat khususnya, khususnya saya tekankan, syarikat-syarikat yang disenaraikan selepas tiga tahun atau lima tahun, lingkup sahaja. Mereka perlu dikeluarkan dari senarai Bursa Saham Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Pohon laluan, Yang Berhormat pohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Yang Berhormat sudah pun membangkitkan satu perkara yang selalu kita dengar yang ketua segala kerosakan umpamanya ialah *Enron in America Syarikat* dan juga terdapat di negara kita. Era ini memperlihatkan satu perkembangan baru yang dinamakan *innovative financial reengineering*. Mungkinkah *innovative financial reengineering* ini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, membolehkan penipuan di dalam statistik di atas, di dalam *figure* ataupun akaun-akaun syarikat ini. Maka timbullah penipuan di mana oleh sebab ia terlalu inovatif dan *engineering financialnya*, kewangannya terlalu inovatif, canggih, maka kita tidak dapat melihat termasuklah orang yang meluluskan permohonan untuk syarikat disenaraikan.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Mungkin saya tambah tokok. Mungkin itu dipanggil *creative accounting*. Dia *create* sesuatu yang nampak mata manusia itu betul-betul benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah dua campur dua jadi lima?

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Mungkin boleh, Tuan Yang di-Pertua. Apa pun boleh dalam *creative accounting*. *Trade receivables* yang tak jadi, menjadi jadi sahaja sebab itu rasional, saya sambung. Rasional cadangan saya ialah supaya mereka ini yang sengaja menipu atau berniat sedemikian. Kita perlu tegas dan mereka perlu dibawa ke muka pengadilan agar suruhanjaya benar-benar, memainkan peranannya sebagai pelindung pelabur dan memastikan integriti Bursa Saham Kuala Lumpur dipelihara sejajar dengan objektif suruhanjaya dalam menggalakkan suatu pembangunan pasaran sekuriti yang teratur serta berdisiplin. Ini bukan salah suruhanjaya, tetapi salah orang jahat di luar, orang itu yang bermuslihat. Akan tetapi dengan kepakaran, logik itu. Tiga tahun, lima tahun, kita melawat semula semua yang *delisted*. Menunjukkan kesungguhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Melawat semula itu Yang Berhormat terjemah, *revisit*.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** *Revisit* dia punya akaun secara lebih tegas. Tuan Yang di-Pertua, dalam sudut yang lain atau sebaliknya, syarikat-syarikat yang disenaraikan di bursa saham yang mempunyai prestasi yang baik, kini masing-masing secara rela pilih untuk keluar dari disenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur iaitu diswastakan balik dengan

pemegang saham utama mengawal pembelian sedemikian. Saya harap trend ini tidak akan menjadi suatu amalan yang mana syarikat-syarikat lain tertentu akan ikut. Saya faham mengikut undang-undang yang sedia ada, tidak terdapat kuasa untuk mengehendak atau menghalang syarikat-syarikat untuk mengambil tindakan sedemikian.

■ 1710

Namun pada pandangan saya, kerajaan harus membuat sesuatu supaya tindakan mereka tidak akan menjejaskan keyakinan pasaran sekuriti negara di samping tidak akan bercanggah dengan dasar-dasar pembangunan ekonomi negara. Apa jua syarikat tertentu menjelaskan, akan tetapi pada pandangan saya secara moral, ianya adalah tidak betul. *Morally is wrong*. Kesimpulannya, yang tidak bermaya para pelabur perlu memikul kerugian apabila dikeluarkan dari senarai bursa, tetapi yang baik, para pelabur dilepaskan peluang untuk bersama-sama berkongsi keuntungan. Inilah dilema. Inilah dikotomi.

Saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kewangan yang bijaksana mengambil satu langkah dan tindakan supaya perkara sedemikian tidak berulang-ulang seperti amalan. Oleh itu, saya harap Suruhanjaya Sekuriti dapat mengambil perhatian dan meneliti perkara-perkara sedemikian agar pelabur-pelabur dapat perlindungan sewajarnya dengan lebih berkesan.

Oleh itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan wujudnya akta ini, pasaran sekuriti dan pasaran modal akan terus berkembang maju dengan sihat dan teratur. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Norraesah.

**5.12 ptg.**

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Kita mendengar dengan jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi betapa perkembangan pasaran modal di Malaysia ini sudah pun mencapai satu kejayaan yang dapat dibanggakan dan ia satu perkataan yang disebutnya ialah berprestasi tinggi dan berprestij dengan jumlah dana yang dikumpulkan di dalam pasaran modal sejumlah yang amat besar iaitu RM1.55 trilion berbanding dengan hanya RM200 *billion* pada tahun 1990.

Kita selalu bercakap tentang ingin memperkembangkan pasaran modal kita lagi dengan hebat bertanding ataupun bersaing dengan *exchanges* yang lain di rantau ini termasuk Hong Kong, Singapura dan juga sekarang ini iaitu Shanghai dan Mumbai dan saya rasakan bahawa Malaysia mempunyai satu daya maju, boleh bersaing dan mempunyai daya maju. Namun kita harus melihat juga beberapa kelemahan yang ada pada kita yang boleh kita perbaiki.

Perbahasan saya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah akan berasaskan kepada tiga pengakuan yang sudah pun dibuat oleh kementerian dan juga suruhanjaya iaitu pengakuan-pengakuan berikut iaitu beban kawal selia boleh meningkat kos urus niaga bagi perantara pasaran. Pengakuan yang kedua ialah Pelan Induk Pasaran Modal yang sudah kita terima ialah untuk meningkatkan daya saing tanpa menjejaskan perlindungan pelabur. Yang ketiganya iaitu yang menjadi objektif utama juga ialah penyelarasan pengawal seliaan sebagai pemangkin untuk industri yang berdaya saing dan kos yang minimum.

Jadi kita berlatar belakangkan pengakuan-pengakuan ini, kita hendak melihat sejauh mana dan di manakah suruhanjaya ataupun rang undang-undang yang baru ini akan membawa kita. Pertama, soal liberalisasi pasaran modal. Ini adalah satu-satu rang undang-undang yang kita alu-alukan dan kita terima dengan baik kerana ianya merupakan rang undang-undang yang *timely*, yang menunjukkan bahawa Malaysia sebenarnya mempunyai satu komitmen untuk membebaskan pasaran modal kita. Membebaskan tidak bererti ianya dibebaskan untuk sesiapa jua melakukan sesuatu tetapi kelonggaran kepada perundangan ataupun peraturan-peraturan yang menyekat satu kelahiran ataupun satu perjalanan yang baik di dalam pasaran modal kita.

Kita harus melihat sama ada pasaran modal kita dan segala perundangan yang sedia ada adalah sesuatu yang terlalu *regulated*. Dengan izin, *are we over regulated* sebagai pasaran modal? Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa



terdapat pertindihan di antara beberapa autoriti di negara kita. Ada terdapat Bank Negara Malaysia yang mengawal selia bank-bank di bawah BAFIA dan DAFIA. Kemudian ada suruhanjaya yang mengawal selia, sekarang ini kita panggil *investment banks* iaitu bank-bank pelaburan dan bank-bank pelaburan ini pula maknanya dia harus mempunyai satu *backing* daripada sebuah bank. Di sini wujudlah di mana autoriti Bank Negara Malaysia, di mana autoriti suruhanjaya. Yang ketiganya ialah pula adanya *Ministry of Finance* iaitu Kementerian Kewangan. Maknanya kita mempunyai tiga autoriti yang melihat dan menjaga pasaran modal, pasaran ekuiti kita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita mengatakan bahawa mungkin Malaysia ini mempunyai daya ataupun komitmen yang bersungguh untuk meliberalisasikan pasaran modal kita untuk menjadikan ia berdaya saing, berdaya maju dan kompetitif terutama sekali di rantau ini di mana *exchanges* yang baru sudah pun hidup dengan begitu segar-megar. Pelesenan tunggal yang hendak diwujudkan di dalam rang undang-undang baru adalah satu peruntukan yang amat baik sekali. Ini bermakna bahawa mereka yang hendak memasuki dalam aktiviti-aktiviti pasaran modal, *dealersnya*, segala aktiviti di bawah pasaran modal boleh dilakukan dengan satu lesen sahaja yang diperoleh.

Kalau dahulu kalau untuk buat *procreate* satu lesen yang lain, yang satu lagi aktiviti lesen yang lain, ini membebankan. Jadi sekarang ini hanya satu lesen, cuma saya hendak bertanya sama ada satu lesen itu juga pemohon harus membayar RM2 ribu juga ataupun adakah tambahan kepada jumlah ini? *Dealers licence* itu sesuatu yang amat membebankan iaitu mereka harus mempunyai satu dana RM20 *million* untuk memulakan. Adakah ini sama sahaja kedudukannya?

Saya juga ingin menanya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa satu di antara langkah ataupun hajat dan tujuan rang undang-undang ini ialah untuk menjadikan *Islamic bank*, perbankan Islam itu sebagai satu yang akan dapat mengeluarkan aktiviti dan produk-produk pasaran modal. Saya ada kemusykilan sedikit. Kalaulah bank itu dilesenkan sebagai bank Islam, itu jelas. Bagaimana pula dengan bank-bank komersial yang mempunyai *window* ataupun tingkap, dengan terjemahan yang *direct*, untuk *Islamic Banking*. Adakah *window* itu juga akan diberikan kebenaran untuk mengeluarkan semua produk pasaran modal di bawahnya? Ini satu kemusykilan yang saya harap Yang Berhormat dapat memberi penjelasan.

Keduanya dalam memperluaskan pasaran modal kita, dalam ingin menunjukkan kita berdaya saing dan meliberalisasikan pasaran kita, kita sudah pun menjemput lima broker asing iaitu CLA *Securities*, 'Mequiry', First Boston, GP Mogan, dan satu lagi pertanyaan di sini ialah adakah liberalisasi ini mendatangkan faedah yang besar, yang berguna dan bermakna untuk kita?

■ 1720

Adakah mereka-mereka ini membawa kewangan daripada luar untuk membantu kita memperluaskan pasaran modal kita di sini atau hanya menggunakan dana yang sedia ada di dalam negara kita untuk membesarkan perniagaan mereka itu sendiri. Maka saya khuatir kalau kita membiarkan atas nama meliberalisasi kita membenarkan, mengizinkan dengan mudahnya *private placement* itu diadakan dan ini akan mengeluarkan *liquidity* daripada pasaran kita kepada luar negara. Jadi saya ingin melihat bahawa kelima-lima ini yang datang ke negara kita yang kita jemput dengan baik itu benar-benar menjalankan perniagaan yang dapat membangun, memperluas dan membina pasaran modal kita.

Umpamanya kita mendengar daripada pasaran bahawa Aberdeen Assets sudah pun sama dengan EPF menggunakan satu daripada *a big portion* dengan izin, peruntukan kewangan dana EPF itu untuk perniagaannya. Jadi saya rasakan syarikat-syarikat yang besar syarikat-syarikat broker yang besar di dunia ini seharusnya diminta membawa kewangan dan dana yang lain yang dapat membantu dalam pembesaran dan pelebaran pasaran modal kita. Soalannya yang terpenting ialah yang pokok, bagaimanakah mereka setakat ini sudah pun memberi sumbangan yang bermakna kepada perluasan pasaran modal kita.

Tuan Yang di-Pertua, kini kita sudah melihat seperti yang sahabat saya Yang Berhormat Dato' Gooi menyebutkan kalau kita lihat kepada apa Yang Berhormat sebut tadi, pasaran modal kita adalah sesuatu yang berprestij yang sudah pun meningkat dananya kepada 1.55 trilion, ianya juga dianggap sebagai satu pasaran yang mantap, *matured* dan

ini juga di antara sebutan-sebutan yang diunjurkan kepada kita kenapa syarikat-syarikat di *list* menswastakan syarikat mereka dan keluar daripada senarai bursa saham. Ini kononnya adalah kerana pasaran modal kita sudah pun amat matang, mantap dan mapan.

Soalannya kalaulah pasaran modal kita sudah menjadi sebuah pasaran yang amat mapan dan mantap kenapa tinggal sesuatu yang sudah pun matang dan mantap kepada sesuatu yang tidak akan membantunya. Adakah ini bermakna bahawa syarikat-syarikat mula memberi tekanan kepada pasaran *debt market* dan tidak kepada pasaran ekuiti? Adakah sekarang ini kecenderungan untuk lebih menggunakan produk-produk *debt market* pasaran hutang, dan tidak kepada pasaran ekuiti. Saya rasa sungguhpun ini sudah dijawab oleh beberapa orang tentang keluarnya Maxis daripada senarai tetapi saya rasa kita harus berbincang tentang perkara ini kerana impak dan implikasinya.

Mungkin kita hendak menunjukkan kepada dunia bahawa kita liberal, kita tidak akan menyekat mana-mana syarikat untuk keluar daripada bursa selepas disenaraikan. Kita hendak menunjukkan, kita hendak menarik mereka yang lain untuk datang ke pasaran modal kita yang kita katakan sudah pun mantap ini, tetapi di masa yang sama tidakkah ini menunjukkan satu implikasi atau sesuatu yang tidak sempurna dalam pasaran kita. Adakah ini menunjukkan bahawa kita harus melakukan sesuatu lagi sesuatu yang lain untuk memperbaiki kedudukan. Oleh sebab pada tahun ini sahaja terdapat terlalu banyak syarikat yang sudah pun ingin membuat *offer* untuk menswastakan syarikat-syarikat mereka.

Adakah ini menunjukkan bahawa stok-stok yang disenaraikan di dalam pasaran kita ini *under value*. Umpamanya sebagai contoh saya mengambil Ling Gui apabila ia melepaskan diri daripada pasaran kita. Ia mendapat P/E *ratio of* hanya 10 tetapi apabila ia disenaraikan di Hong Kong di luar ia mendapat P/E 28. Ini menunjukkan syarikat-syarikat ini merasakan bahawa mereka akan lebih mendapat keuntungan daripada *diprivatisakan*, diswastakan daripada disenaraikan di bursa saham. Adakah ini trend yang harus kita lihat dengan lebih teliti? Terdapat pula Bumi Armada, Road Builders, UAC, Next News, Maxis yang terbesar sekali dengan dana *capitalnya*, market *capitalization* ke 33.3 bilion.

Ia merupakan satu syarikat yang keenam terbesar mengikut *market capitalization list* di bursa saham. Ini adalah sesuatu yang saya rasa kita harus melihat dengan penuh prihatin sebab kita tidak mahu implikasi yang negatif dikenakan terhadap pasaran modal kita yang kita ingin sangat untuk membesar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya terdengar Yang Berhormat sudah mengulang-ulang.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Okey, saya tidak akan mengulang. Yang mana itu ya, ulang Maxis, tidak mahu sebut Maxis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hujah-hujah yang berulang-ulang, syarikat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berhujah sungguhpun nota ada di hadapan kadangkala mata itu lari juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan dengan ucapanlah jangan bersyarah.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih. Sudah lari dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta maaf Yang Berhormat kerana saya terpaksa akur kepada usul.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua saya juga akur tetapi cuma...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bila Tuan Yang di-Pertua cakap Yang Berhormat perlu duduk.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Okey *sorry*, maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana kita berhadapan dengan hendak menyelesaikan urusan sejajar dengan usul yang telah dipersetujui oleh Dewan. Kita tidak mahu terperangkap di mana kita hendak selesaikan rang undang-undang menjelang detik 12 malam. Boleh timbul pertikaian mengenai kesahihan apa sahaja yang kita luluskan. Sebab itu selama ini secara tidak langsung menggalakkan Ahli Yang Berhormat supaya menggunakan *self regulation*. Jadi sebab itulah saya sampuk-sampuk tanpa hendak pakai

mana-mana Peraturan Mesyuarat yang saya boleh kata, Yang Berhormat lima minit, cukup. Saya belum lagi memakai itu dengan kerelaan. Sila Yang Berhormat, silakan, belum lagi dikenakan had masa.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke yang akhirlah iaitu apabila saya menyebut tentang *authority* yang tiga tadi. Sekarang ini saya hendak melihat bagaimanakah ...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan? Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Dalam hal yang disebut berhubung dengan penswastaan syarikat-syarikat yang telah di senarai umumkan baru-baru ini ambillah misalnya pada contoh Maxis. Ada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Kalau tidak salah rasanya di Shah Alam kalau saya tidak salah. Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat bolehkah Yang Berhormat terima ini sebagai satu kenyataan yang membayangkan kerajaan kita tidak bersetuju dengan praktis yang seumpama ini ataupun kerajaan kita insya-Allah akan bertindak untuk menghalang perkara-perkara yang seumpama ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya tidak tahu apa pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah menghalang syarikat daripada keluar daripada bursa daripada disenaraikan? Saya rasa ini kita tidak boleh lakukan memang tidak ada undang-undang yang mengizinkan dan membenarkan kita melakukan ini. Ini adalah satu keputusan komersial yang dilakukan oleh syarikat yang berkenaan. Namun apa yang menjadi kemusykilan kepada kita ialah bagaimana kita mengawal supaya tidak ada trend di mana syarikat-syarikat lebih ramai syarikat yang akan keluar daripada disenaraikan.

■ 1730

Ini yang hendak kita jaga dan kita pelihara terutama sekali syarikat-syarikat yang mempunyai dan berkembang berasaskan lesen yang diberi oleh kerajaan kita. Ini yang amat penting sekali pada perkiraan saya.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh diizinkan sekali lagi saya mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Syarat pertama, mahu tak Yang Berhormat beralah? *[Bertanya kepada Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad].*

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** *[Mengangguk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah pun beralah.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Syarat kedua, sudahkah Yang Berhormat duduk? Yang Berhormat pun sudah duduk. Syarat ketiga, mahukah saya panggil Yang Berhormat? Tak apalah, saya panggil. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun nak menyelamatkan masa, itu jadi saya mohon ringkaskan prosedur kalau boleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam hal ini saya rasa oleh kerana Timbalan Menteri yang berkenaan telah ada dalam Dewan ini, saya pohonlah kalau boleh dalam penggulangan ini nanti diberi kenyataan atau diulang kenyataan yang seumpama itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pokok saya tadi ialah di mana letaknya ketiga-tiga *authority* yang menjaga dan memelihara serta mengawal selia segala produk-produk yang dikeluarkan di bawah pasaran modal oleh kerana ada tindihan dalam *authority* ini. Umpamanya pelaburan *investment* bank semuanya di bawah kawal selia oleh suruhanjaya tetapi oleh kerana dia juga ada kaitannya dengan bank, maka di situ Bank Negara Malaysia pula ada. Jadi persepsi masyarakat ialah Malaysia masih lagi di bawah keadaan *over regulated* dan dengan itu rang undang-undang

yang di hadapan kita ini, yang bermula dengan satu lesen tunggal itu merupakan satu permulaan untuk meliberalisasikan, untuk mengurangkan kawal selia yang mungkin tidak lagi berkesan dan yang membebaskan syarikat-syarikat. Perkara peruntukkan 200, saya merujuk kepada rang undang-undang di mana ganti rugi dikenakan kepada *insider trading* dan ini sudah pun berjaya pesuruhjaya melakukan terhadap BERNAS, umpamanya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Oleh sebab persoalannya ialah dalam keadaan begini, syarikat ini sebenarnya membebaskan minoriti *shareholder* dia, pemegang-pemegang saham kecil-kecilnya. Sebab apabila syarikat membayar ganti rugi yang begitu besar, bagaimanakah suruhanjaya akan mengambil tindakan? Apakah cara suruhanjaya memelihara kedudukan *minority shareholder* tadi.?

Ini di antara perkara-perkara yang harus kita lihat. Walau bagaimanapun, seperti yang saya perkatakan tadi, ini adalah satu gerak pertama yang penting ke arah meliberalisasikan pasaran modal dan ke arah memperkenalkan lebih lagi produk dalam pasaran modal yang tentu sekali dapat membangun dan menjayakan pasaran modal Malaysia yang kini sudah pun mempunyai kejayaan tetapi kita perlu mendapatkan tahap *competitiveness* ataupun daya saing yang jauh lebih tinggi lagi supaya lebih ramai lagi memandangi pasaran modal kita dengan positif. Dengan itu saya pohon menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**4.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah yang telah pun mengambil bahagian serta celahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali yang merupakan saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang cukup bernas. Walaupun dua orang sahaja yang mengambil bahagian tetapi saya rasa isu-isu yang telah ditimbulkan oleh dua orang ini seolah-olah seluruh Dewan telah mengambil bahagian. Yang lebih pentingnya isu-isu yang ditimbulkan ini semuanya bernas-bernas belaka. Jadi seolah-olah dua orang ini telah mewakili Dewan dengan penuh berkesan.

Jangan sekali-kali kita menganggap bahawa penyertaan dua orang ini melambangkan ketidakprihatinan Dewan yang mulia ini. Jadi harap saya bila dah cakap macam itu, okeylah yang lain kan? Saya ingin menyentuhlah walaupun banyak yang telah disuarakan. Saya ada pasukan daripada Suruhanjaya Sekuriti, daripada Kementerian yang akan mengambil kesemua pandangan-pandangan ini. Sekiranya ada yang tidak disebutkan oleh saya di sini, saya pasti ia akan mendapat perhatian dan pertimbangan.

Soal pokok yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi ialah tentang peranan dan tanggungjawab SC terutama sekali untuk memastikan syarikat-syarikat yang dibenarkan, disenaraikan ini betul-betul merupakan syarikat-syarikat yang wajar, yang layak dan tidak dipermainkan dengan niat jahat, penipuan dan sebagainya kerana memang kalau kita lihat seperti mana yang disebut, bahawa terdapat syarikat-syarikat ini setelah disenaraikan beberapa tahun, mengalami masalah sehingga ada yang terpaksa dinyahkan daripada penyenaian, yang dikeluarkan daripada penyenaian termasuklah syarikat-syarikat dalam PN 4, PN 17 dan sebagainya. Ini kita tidak dapat nafikan.

Cuma, mungkin juga dari segi prinsip dan pokoknya kita harus melihat apakah sebenarnya peranan pasaran modal kita ini dan justeru apakah peranan yang harus dimainkan oleh badan-badan pengawal selia. Kalau kita lihat bahawa pasaran modal kita khususnya pasaran saham, mestilah memainkan peranan untuk menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Pemantapan sektor kewangan memberi ruang dan kemudahan untuk syarikat-syarikat yang memerlukan kewangan untuk berkembang, mendapat peluang tersebut dalam pasaran modal. Ini kerana meminjam wang daripada bank umpamanya tidak akan membantu syarikat-syarikat itu berkembang kerana syarikat yang boleh berkembang seharusnya menangani soal risiko dan soal pulangan yang sewajarnya, yang tidak terlalu tertumpu kepada pinjaman umpamanya dan tidak terlalu tertumpu kepada pasaran ekuiti.

Jadi ini dengan sendiri menjawab juga isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah bahawa, apakah sekarang ini kelihatan pasaran modal kita lebih berpihak kepada pasaran pinjaman ataupun bon daripada pasaran ekuiti. Sebagai gambaran seperti mana yang saya sebut tadi, daripada jumlah RM1.5 trilion nilai pasaran modal ini, RM1.05 trilion adalah pasaran ekuiti dan lebih kurang hampir RM500 bilion pasaran bon iaitu pinjaman. Bon ini keluarkan pinjaman. Ini saya rasa dari segi profil secara keseluruhannya akan berterusan. Saya tidak nampak bahawa pasaran ekuiti akan menguncup dan pasaran bon ataupun pinjaman daripada lain akan berkembang. Kalau kita lihat pasaran modal ini seharusnya membantu syarikat-syarikat untuk berkembang, untuk mendapat modal pada harga yang berpatutan. Tidak meminjam pada kadar yang lebih tinggi mungkin.

Maka telah menjadi tanggungjawab kerajaan dan badan-badan, agensi-agensi untuk memastikan ini peranan yang dimainkan oleh pasaran modal kita. Oleh itu, maka wujud satu keseimbangan, satu kebijaksanaan yang perlu dibuat oleh pengawal selia supaya tanggungjawab untuk memastikan pertumbuhan ekonomi ini berlaku, kemantapan pasaran ini berlaku, penyertaan syarikat-syarikat dalam pasaran ini berlaku, dan pada masa yang sama menjaga supaya jangan ia disalahgunakan. Ini adalah satu keseimbangan, perimbangan kerana kalau kita nak senang, kita takut berlakunya kegagalan syarikat, kita betul-betul perketatkan. Kita ambil masa, dua tiga kali melawat umpamanya. Kalau tak puas hati, jangan bagi! Sehingga kita semua puas hati, baru bagi.

#### ■1740

Saya rasa kalau kita buat sedemikian maka syarikat-syarikat yang kita lepas ini barangkali akan berdaya tahan lebih lama tetapi apakah ia dapat membantu ke arah menjana modal untuk syarikat-syarikat kita. Banyak syarikat kecil kita yang di papan kedua yang di MASDEQ, mengapa kita wujudkan papan kedua? Ada orang bertanya mengapa kita tidak hapus saja. Inilah yang menyusahkan kita ada juga orang yang berpendapat demikian tetapi kalau kita mengambil sikap yang tidak prihatin kepada syarikat-syarikat kecil ini yang juga mempunyai harapan bahkan banyak juga syarikat yang kecil ini sudah membesar sudah naik ke taraf papan pertama umpamanya yang menunjukkan sekali gus berlaku kejayaan dalam dasar kita.

Jadi oleh itu saya mengambil saranan bahawa kita perlu berhati-hati, kita perlu tingkatkan pengawal seliaan kita, kita perlu menjaga kepentingan pelabur, tetapi kita harus juga mengimbangi dengan keperluan pasaran modal kita ini mesti memainkan peranan utama yang saya sebutkan tadi dan kalau kita lihat saya ada senarai dari beberapa tahun sebelum ini. Kalau kita lihat papan kedua umpamanya yang telah meningkat sejak tahun 1990. 14,32 dia naik-naik.

Jadi awal tahun 90-an ini tiba-tiba kita berhadapan dengan krisis kewangan. Tahun 97, tahun 98 yang mana syarikat-syarikat yang tidak dapat menangani dan mengatasi krisis kewangan yang begitu besar jangan kita andaikan krisis kewangan tahun 97, tahun 98 ini kecil kesannya. Besar sekali sehingga kita mengambil langkah yang agak *unorthodox* dengan izin, yang mana kita dikecam oleh dunia untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kita. Oleh itu maka kesan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat kita ini banyak. Jadi ada banyak syarikat-syarikat yang tidak dapat mengatasi masalah ini dan mereka ini merupakan syarikat-syarikat yang susah.

Saya ingin sebutkan di sini bahawa oleh kerana minat dan kecenderungan kita, rasa kita yang hendak menambahkan perlindungan pelabur inilah maka rang undang-undang ini diubah, dicantum dan diperbaharui. Umpamanya dari segi ganti rugi, sekarang ini SC boleh menuntut dari syarikat-syarikat yang melanggar undang-undang dan begitu juga sekarang ini wujudnya pemegang amanah. Bermakna wang pelabur-pelabur sebelum IPO ini disimpan di dalam pemegang amanah, tidak lagi ada kes yang mana wangnya lesap dan penyenaraianya tidak tahu di mana.

Jadi dengan itu dendanya lebih besar daripada jelnnya 10 tahun atau RM10 juta dan sebagainya. Ini yang kita tingkatkan tetapi untuk merasakan bahawa Suruhanjaya Sekuriti dan kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih ketat dan lebih berhati-hati saya rasa ini satu saranan yang sudah pasti akan kita ambil perhatian.

Tentang cadangan untuk mengaudit semula dan sebagainya kita sekarang ada 1,020 buah syarikat yang disenaraikan. Kadangkala kita kena guna sumber-sumber dan

kakitangan yang ada, untuk memastikan umpamanya kalau kita buat *rotation* lima tahun sekali, sejumlah 1,020 syarikat ini sempat habis atau tidak dalam masa lima tahun. Ini bermakna setahun 200 buah syarikat yang kita perlu pergi. Saya bimbang 200 syarikat satu tahun takut tidak boleh selesai. Jadi oleh itu kita kena cari kaedah-kaedah yang boleh membantu dari segi mengawal selia ini.

Dari segi masalah kreatif *accounting*, SC telah mengambil tindakan ke atas 87 kes dan ini satu lagi soalan besar yang dikeluarkan daripada penyenaaraian. Ini banyak syarikat yang disebut. Saya hendak sebut dua tiga perkara mengenai pengeluaran ini. Pertamanya, saya tidak yakin dan saya tidak bersetuju barangkali untuk membuat andaian bahawa syarikat-syarikat yang memilih untuk berhenti daripada penyenaaraian ini adalah disebabkan oleh prestasi pasaran saham kita yang tidak baik. Ini saya hendak *deny*, hendak tolak. Saya ada dua bukti hendak bagi.

Pertamanya, kalau kita tengok prestasi kita tahun 2007 berbanding dengan pasaran-pasaran lain pada tahun 2007, memang pada tahun 2006 kita *slow* sedikit tapi tahun 2007 sebenarnya kalau hendak sebut dari segi peningkatan indeks dalam tahun 2007 sehingga hari ini, Malaysia telah meningkat sebanyak lebih kurang 24% di antara yang tertinggi di Asia. Peningkatan indeks. MASDEQ juga meningkat kepada 16% dan *second board* 12%. Kalau kita lihat dari segi peranan yang dimainkan oleh pasaran dalam ekonomi market *capitalization* dengan izin sebagai peratusan GDP Malaysia adalah 174% berbanding dengan Korea 93.3%. Hong Kong memang tinggi, Hong Kong 800% sebab dia negara *city state* yang mempunyai sektor kewangan yang besar tapi kalau berbanding dengan Korea kita lebih tinggi dari segi *market capitalization* berbanding dengan GDP.

Saya hendak sebut juga tentang PE sebab kadangkala kita kata syarikat keluar daripada KLSE kerana PE kita rendah. Sebenarnya itu tidak betul Tuan Yang di-Pertua. PE kita pada bulan Mei 2007 ialah 18 berbanding dengan 16 di Han Seng dan 15 di Han Seng Hong Kong, 15 di *Straits Times Index* di Singapore, 14 di Korea, 17 Australia. Jadi kalau kita bandingkan dengan negara-negara ini PE kita adalah lebih tinggi. So, jangan sekali-sekali kita terpedaya. Mungkin adalah satu kes di sana sini tapi dari segi keseluruhannya kita tidak dapat menganggapkan bahawa pasaran kita adalah kurang memuaskan.

Saya hendak bagi satu contoh lagi. Saya ada di sini senarai 10 syarikat Malaysia yang disenaraikan di seberang laut. Yang hendak disenaraikan itu kita tak perlu kira lagi, yang telah disenaraikan saja. Dalam 10 syarikat ini hanya satu sahaja yang besar yang mana harga IPOnya Hong Kong 2 dolar Hong Kong dan harga sekarang 2.64 dolar Hong Kong. Maknanya baguslah ini nampak prestasi, okey tapi yang sembilan lagi kalau kita tengok tidak ada ke mana dia. Pada syarikat yang di senaraikan NASDAQ 11 dolar pada satu masa disenaraikan IPOnya USD11 Sekarang ini harganya enam sen US. Ini NASDAQ. SASDEQ, penyenaaraian pada 28 sen Singapore, harga sekarang 11 sen Singapore. *Nothing to shout about*. Kecil saham dia. Ada lagi, di AIM London 5 *pound and then* sudah *dilisted* pun. Di SASDEQ lagi, saya tak hendaklah sebut nama syarikatnya. Di Singapore 21 sen masa disenaraikan, masa harga sekarang 11 sen.

Jadi jangan kita menganggap syarikat-syarikat ini bila dia pergi senarai di luar *is all rosy there* dengan izin, tidak. Ini ada sebab-sebabnya. Jadi yang penting kalau syarikat ini hendak keluar ataupun tidak mahu disenaraikan di sini ataupun hendak keluar daripada penyenaaraian daripada di Kuala Lumpur, dia ada sebab-sebabnya bukan disebabkan pasaran kita tidak kondusif atau pasaran kita tidak baik.

Tadi, saya sudah bagi contoh-contoh yang bertentangan dengan perkara itu. Jadi, ada banyak sebab mengapa syarikat-syarikat ini hendak keluar kerana dia ada tujuan-tujuan tertentu. Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan dalam celahan tadi sebenarnya kenyataan saya panjang lebar tapi *headline* tidak begitu tepat.

■1750

Kalau hendak tengok dalam surat khabar itu sendiri, tegas beliau, beliau itu sayalah, "Kerajaan tidak boleh menghalang syarikat-syarikat itu daripada dijadikan syarikat persendirian kerana jika dihalang, ia akan menjejaskan dasar perdagangan dan pelaburan antarabangsa kita." Saya sebut di situ dan saya sendiri yakin sampai ke hari ini.

Kita masalahnya jangan kita hendak memilih yang kita hendak dan yang kita tidak suka kita hendak larang. Dalam sistem perdagangan antarabangsa dan sistem pelaburan

antarabangsa yang terbuka luas ini atau yang global ini, kita sebenarnya tidak banyak mempunyai pilihan. Jadi kalau kita mahukan satu pasaran yang terbuka, negara kita bergantung pada pasaran yang terbuka dari dahulu, hari ini dan masa depan, maka kita terpaksa, *we must live with everything that comes with it* dengan izin. Maknanya *we can have a cake and eat it* ataupun hendak kedua-duanya sekali.

Jadi saya rasa walaupun mungkin dalam hati masing-masing tidak senang, tetapi kita tidak boleh sebagai sebuah kerajaan mengambil tindakan yang boleh menghalang syarikat-syarikat disenaraikan kerana bimbang masuk boleh, keluar tidak boleh. Saya ada sebut juga kalau syarikat-syarikat ini melibatkan industri-industri yang sensitif, umpamanya yang melibatkan penswastaan. Ini boleh dikaji oleh kerajaan pada peringkat lain, bukan di peringkat hendak keluar pasaran hendak masuk pasaran tetapi di peringkat lain seperti di peringkat pelesenan umpamanya.

Dalam industri tertentu, syarat-syarat pelesenannya mungkin dikenakan untuk memastikan perniagaan dalam industri yang sensitif, yang mempunyai kepentingan negara, kepentingan awam dan sebagainya diambil kira tetapi jangan pasaran saham dijadikan sebagai 'gol' yang mana hendak lepas masuk, yang mana hendak lepas keluar. Kita tidak boleh. Saya rasa kalau kita berbuat demikian, ia akan menjadi satu *precedent* yang cukup tidak sihat dan yang akan memberi kesan negatif kepada pasaran modal, kepada sistem kewangan dan juga kepada negara keseluruhannya.

Saya tidak bercadang untuk memanjangkan lagi tentang isu-isu yang begitu banyak telah ditimbulkan. Saya harap dua, tiga perkara pokok yang saya sebut ini memadai untuk masa ini dan seperti yang saya sebut tadi, Suruhanjaya Sekuriti dan rakan-rakan yang lain telah pun mendengar dan telah pun memberi komen-komen kepada saya ini pastinya akan mengambil kira dalam apa jua yang kita pertimbangkan untuk masa depan.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan yang telah memberi sokongan secara moralnya, walaupun tidak secara bahasanya ataupun secara mulutnya memberi sokongan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 394 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI  
(PINDAAN) 2007**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibaca kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh huraikan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Cadangan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (SCA) adalah perlu berikutan dengan cadangan Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (PMP 2007), serta mengadakan pindaan sampingan yang *consequential* dengan izin, yang perlu bagi memastikan kesinambungan undang-undang pasaran dan peraturan dalam pasaran modal. Pindaan yang dicadangkan kepada SCA adalah penting memandangkan peruntukan Bahagian IV SCA sedia ada telah dipindahkan kepada Bahagian VI, Rang Undang-undang PMP 2007 sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah pindaan sampingan yang bertujuan untuk mengemas kini SCA di samping menyelaraskan pemakaian SCA dengan Rang Undang-undang PMP 2007. Atas tujuan ini, antara pindaan yang dicadangkan adalah pemotongan takrif-takrif perkataan yang tidak lagi digunakan di dalam SCA seperti "berdagang", "debentur", "disenaraikan" dan "institusi berlesen".

Selaras dengan pengenalan peruntukan di bawah fasal 34 Rang Undang-undang PMP 2007 yang membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mendaftarkan suatu kemudahan elektronik seksyen 24(2A) SCA membolehkan menteri mengenakan levi untuk aktiviti tersebut.

Seksyen 150A yang baru dicadangkan di bawah fasal 19 untuk dimasukkan ke dalam SCA sedia ada. Peruntukan baru ini memperuntukkan bukti yang boleh diterima yang diperolehi melalui bantuan pihak berkuasa pengawal seliaan asing ke dalam mahkamah tempatan. Peruntukan ini akan memudahkan penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti internet haram kerana kebanyakan aktiviti ini adalah bersifat melintasi sempadan.

■1800

Seksyen 152A yang baru ini dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam SCA sedia ada. Peruntukan baru ini akan membenarkan SC menerbitkan apa-apa maklumat yang dirasakan perlu untuk kepentingan awam atau untuk perlindungan pelabur. Antara penerbitan yang akan membantu pelabur adalah draf prospektus serta pelbagai tindakan terhadap pihak-pihak yang telah melanggar undang-undang sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan di atas, pindaan-pindaan lain juga dicadangkan bagi menyelaraskan penggunaan terma di dalam peruntukan-peruntukan SCA memandangkan Bahagian IV, SCA akan dipotong dan dipindahkan ke Bahagian VI, Rang Undang-undang PMP 2007.

Pindaan SCA ini adalah berkaitan dan berikutan *consequential* dengan penggubalan Rang Undang-undang PMP 2007, yang merupakan satu langkah penting dalam membawa pasaran modal Malaysia setaraf dengan *standard* antarabangsa. Pindaan ke atas SCA adalah wajar dan perlu untuk mengelakkan pertindihan dan membolehkan kesinambungan peruntukan-peruntukan undang-undang pasaran dan perantara pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]



**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada? Saya minta Yang Berhormat Menteri.

**6.01 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sokongan yang tidak berbelah bahagi ini walaupun tidak ada pernyataan sokongan saya pasti dengan wujudnya keseluruhan sokongan secara berdiam ini bahawa kita semua bersepakat bahawa apa yang dilakukan ini adalah yang terbaik untuk negara, agama dan bangsa kita,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEWANGAN PERDAGANGAN ISLAM ANTARABANGSA 2007**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.04 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk menguatkuasakan Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan khusus bagi mengiktiraf Penubuhan Perbadanan Kewangan Islam Antarabangsa ataupun *International Islamic Trade Finance Corporation* (ITFC), di bawah Bank Pembangunan Islam iaitu IDB, melalui perjanjian penubuhan ITFC.

Langkah itu akan membolehkan Malaysia memperoleh kerusi dalam Lembaga Pengarah ITFC. Pada masa yang sama Asia juga telah menjemput IDB untuk membuka pejabat cawangan ITFC di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Lembaga Gabenor IDB ke-31 di Kuwait pada 30 Mei 2006, telah bersetuju untuk menubuhkan ITFC. Malaysia telah menandatangani perjanjian pertubuhannya pada akhir mesyuarat dan pada 6 Februari 2007 telah mengesahkan perjanjian tersebut.

Berdasarkan Artikel 53 perjanjian ITFC, Malaysia perlu meratifikasikan kandungan perjanjian mengikut peruntukan perundangan Malaysia dan telah mengambil langkah-langkah bagi memenuhi obligasinya dalam perjanjian ITFC. Sehubungan dengan itu, Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 telah digubal bagi memenuhi keperluan ITFC.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 ataupun ITFC Act 2007, mengandungi enam fasal dan peruntukan-peruntukan utama adalah seperti berikut:

Fasal 1 merupakan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.

Fasal 2 merupakan tafsiran-tafsiran dalam akta.

Fasal 3 bertujuan untuk memberikan ITFC keperibadian *juridical* dan keupayaan undang-undang yang perlu, bagi membolehkannya menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi-fungsinya menurut perjanjian. ITFC hendaklah mempunyai keupayaan untuk mengikat kontrak, memperoleh, memegang dan melupuskan harta alih dan harta tak alih dan memulakan prosiding undang-undang.

Fasal 4 bertujuan untuk memberikan Menteri Kewangan kuasa bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk melanggan saham ITFC tidak melebihi USD30 juta. Melanggan saham tambahan selaras dengan peningkatan modal saham dan menambahkan syer-syer kerajaan atas permintaan kerajaan.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada ITFC hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Semua wang yang kena dibayar kepada ITFC bagi pembelian saham modal, penambahan saham modal atau apa-apa jumlah yang dijadikan deposit dengan ITFC, serta semua jumlah wang yang kena dibayar di bawah mana-mana peruntukan lain, perjanjian-perjanjian akan dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua wang yang diterima oleh atau bagi pihak Malaysia dari ITFC hendak dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Peruntukan-peruntukan yang disediakan di dalam Akta ITFC 2007 adalah sejajar dengan peruntukan perundangan bagi menguatkuasakan keahlian Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 7, Artikel Perjanjian ITFC juga menetapkan bahawa Malaysia sebagai ahli perlu memberi keistimewaan dan kekebalan tertentu kepada ITFC iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangannya. Keistimewaan dan kekebalan ini termasuk keistimewaan pengecualian cukai, bebas daripada kawalan modal dan kemudahan perjalanan. Manakala kekebalan ITFC termasuk kekebalan arkib, kekebalan dari sebarang tindakan undang-undang ke atas perbadanan ITFC serta kakitangan ITFC semasa menjalankan tugas dan kebal dari perampasan hartanah dan aset.

Tindakan undang-undang hanya boleh diambil di mahkamah yang kompeten. Walau bagaimanapun, keistimewaan dan kekebalan ini akan disediakan melalui peraturan dalam Akta Pertubuhan Antarabangsa Keistimewaan dan Kekebalan 1992, ataupun *International Organization Immunities and Privileges Act 1992*. Sekiranya masih terdapat kekurangan dalam peraturan berkenaan khususnya mengenai pengecualian cukai, Perbadanan ITFC boleh membuat permohonan pengecualian cukai melalui peruntukan seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan keahlian penuh Malaysia dalam ITFC memerlukan penguatkuasaan artikel perjanjian ITFC dalam sistem perundangan Malaysia sama seperti peruntukan perundangan bagi organisasi antarabangsa yang lain.

■1810

Akta Perbadanan Kewangan Islam Antarabangsa 2007, digubal untuk membolehkan ITFC beroperasi dan untuk Malaysia melanggan syer saham dalam ITFC.

Akta tersebut juga memperuntukkan supaya jumlah yang kena dibayar kepada ITFC dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan apa-apa wang yang di terima daripada ITFC kepada Malaysia dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menguatkuasakan suatu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa dan untuk membolehkan Kerajaan Malaysia menjadi anggotanya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Dr. Haji Mohd. Puad.

**6.11 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini, Malaysia akan menjadi salah satu anggota ITFC atau pun Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa ini. Saya berharap ini akan membantu juga sebenarnya untuk Malaysia menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa.

Kita tahu bahawa sekarang ini kalau kita lihat di barat sebagai contohnya, di barat beberapa bank antarabangsa sudah mula mempunyai perkhidmatan perbankan syariah seperti City Bank, Hong Kong Shanghai Bank.

Sekiranya kita melihat dari segi asetnya pada tahun 2004, jumlah keseluruhannya ialah sebanyak USD250 bilion, ini adalah satu jumlah yang besar. Sebab itulah di barat sekarang ini sudah ada indeks khusus pelaburan yang menghormati prinsip sistem syariah, sebagai contohnya *Dow Jones Islamic Market Index* ataupun *Dow Jones Market US Index*.

Kalau kita lihat di Singapura baru-baru ini, mereka telah membuat satu keputusan iaitu untuk menjadikan Singapura juga sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, setakat ini mereka telah memiliki sebanyak USD500 *million* Tabung Insurans Islam dan mereka juga sekarang ini sudah memiliki USD2 bilion *Syariah Compliant Property Funds*.

Jadi kalau kita lihat di Malaysia pula, kita mempunyai aset kewangan Islam sebanyak RM133 bilion. Jadi potensinya adalah begitu besar dan kalau kita lihat di negara kita sendiri iaitu 6.6% produk perbankan Islam dimanfaatkan juga oleh rakyat yang bukan beragama Islam. Jadi oleh kerana itu, saya mengharapkan dengan adanya penyertaan kita dalam ITFC ini, maka ini akan menjadikan menggalakkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Cuma saya mengambil kesempatan dalam membahaskan rang undang-undang ini iaitu, apakah kerajaan kita sekarang ini memikirkan untuk mengeluarkan produk baru kewangan Islam ini, untuk menggalakkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam.

Saya juga ingin membangkitkan dan bertanya iaitu bagaimanakah dan apakah sudah kita lakukan untuk menjadikan Labuan ini sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, sebab sudah lama kita cuba membangunkan Labuan ini sebagai pusat kewangan, jadi dari segi pusat kewangan Islam antarabangsa di Labuan ini, apakah kejayaan yang boleh kita banggakan?

Satu lagi saya ingin bertanyakan iaitu apakah segala usaha kita untuk menjadikan Malaysia ini sebagai pusat kewangan Islam ini kita dipandu, dibimbing oleh satu badan penasihat syariah untuk memastikan bahawa apa yang kita lakukan ini benar-benar mematuhi syariah Islam dalam melaksanakan perbankan Islam, pasaran Islam ataupun sekarang ini satu perkara lagi yang menjadi tumpuan iaitu hartanah Islam.

Jadi itu sahaja yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya fikir Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**6.15 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, di atas komen-komen beliau tadi memang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai panduan dan makluman, sebenarnya ITFC ini telah pun dipersetujui untuk ditubuhkan dan Malaysia adalah salah satu anggotanya dan antara 22 negara Islam, sebenarnya pusatnya di Jeddah, IDB di sana.

Urusan import eksport sebenarnya telah pun berjalan lama di bawah IDB sendiri dan di Malaysia telah pun dilantik Bank Pembangunan sebagai ejen kepada IDB ini, untuk urusan import eksport. Langkah setakat ini jumlah dana yang telah pun dikumpulkan lebih kurang RM315 milion untuk urusan import eksport.

Memang berjalan lancar sejak tahun 1978 di bawah Bank Pembangunan dan di tiap-tiap negeri sebenarnya anggota ini sama juga di Indonesia Bank Mandiri menjadi ejen dan mana tiap-tiap negeri, bank yang berlainan menjadi ejen mereka, pengawalan urusannya pula agak panjang, agak susah kerana perusahaan yang diluluskan di Malaysia di bawah Bank Pembangunan dibawa dan akhirnya kewangannya dikeluarkan di London, jadi ini satu masalah yang besar.

Sebab itu telah ditubuhkan ITFC ini supaya urusannya menjadi lebih mudah dan dijalankan sendiri oleh ITFC bukan lagi melalui ejen-ejen atau bank-bank yang lain, dengan cara ini menjadi mudahlah dan Malaysia telah pun *request* dengan izin, supaya cawangan ITFC ditubuhkan di Malaysia, supaya memudahkan urusan import eksport ini.

Dalam pada itu, ini salah satu perkara ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat perbankan Islam yang ternama dan memang negeri-negeri lain juga cuba nak *compete* dengan Malaysia dan setakat ini Malaysia ke depan dalam hal untuk menjadikan pusat *Islamic banking* di seluruh dunia ini.

Setakat ini, memang *market share* di Malaysia dalam perbankan Islam ialah lebih kurang 12% daripada keseluruhan perbankan di Malaysia ini. Berkenaan Labuan, sebagai Labuan *offshore*, dia adalah banyak kepada komersial *banking* dan sebenarnya, untuk Malaysia untuk menggalakkan *Islamic banking* di Malaysia ini, *Islamic offshore banking* memang telah pun terbuka untuk seluruh negara, mana-mana pihak yang nak buka akaun *Islamic foreign account* boleh buka di mana-mana di Malaysia ini, bermakna dah jadi *liberalize*, jadi ini juga satu cara untuk kita menggalakkan *Islamic banking* ini di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya ITFC, rang undang-undang ini maka saya kira lengkaplah urusan import eksport melalui IDB ini yang mana diperbadankan dan boleh menjalankan perniagaan dengan sendiri, itu saja yang saya hendak komen, terima kasih.

■ 1820

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN  
(PINDAAN)(PINDAAN) 2007**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.22 ptg.**

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila huraikan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 telah ditubuhkan pada 20 Julai 2004. Menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 54(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa tersebut telah pun membentangkan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 pada 8 Mei 2006. Laporan tersebut mengandungi pandangan serta syor jawatankuasa mengenai peruntukan dalam kedua-dua rang undang-undang itu.

Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 September 2006 dan telah disiarkan dalam warta pada 5 Oktober 2006 sebagai Akta A1273. Subseksyen 1(2) akta itu memperuntukkan akta itu akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Sungguhpun demikian terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat kepada akta itu untuk membolehkannya dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006. Sebagai permulaan saya ingin menjelaskan di sini bahawa pindaan-pindaan ini tidak menyentuh sedikit pun substantif undang-undang yang telah pun diluluskan. Apa yang dicadangkan ialah hanya pindaan teknikal sahaja. Rang undang-undang ini mengandungi empat fasal.

Fasal 1 memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan serentak dengan permulaan kuat kuasa Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 iaitu Akta A1273.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta A1273 yang menggantikan seksyen 376 Kanun Keseksaan Akta 574 dengan seksyen 376 baru dengan memasukkan perkataan '*with imprisonment*' yang dengan tidak sengaja tidak dimasukkan dalam subseksyen 376(1) baru Akta 574.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 396 dan 402 Kanun Keseksaan yang merupakan pindaan berbangkit akibat daripada pindaan kepada seksyen 391 Akta 574 yang menggantikan perkataan '*five*' dengan perkataan '*two*' bagi *gang robbery*.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 iaitu Akta A1210 untuk mengungkap semula '*rephrase*' dengan izin, menjelaskan peruntukkan subseksyen 130B Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengelakkan implikasi perundangan yang mungkin timbul berbangkit daripada kecacatan peruntukan yang berkenaan. Pindaan yang terdapat dalam rang undang-undang ini merupakan pindaan berbangkit atau perlu yang tidak mengubah peruntukan substantif akta pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk di bahas.

Sila, Puan Hajah Wan Hazani.

**6.28 ptg.**

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan untuk meminda Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006. Pindaan rang undang-undang ini telah memperuntukkan hukuman ke atas perogol-perogol yang melakukan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di dalam seksyen 376(1), (2), (3) dan (4). Akta pindaan ini seksyen 376(2) menjelaskan keadaan-keadaan jenayah rogol yang berlaku dan hukumannya tidak lebih lima tahun dan tidak lebih 30 tahun dan rotan. Mengikut statistik, jenayah rogol di Malaysia dalam tahun 2006 adalah 2,435 kes secara perbandingan di dalam tempoh Januari - Mac 2006. Jenayah rogol adalah 586 kes berbanding 72 bagi tempoh yang sama pada 2007.

Apa yang kita bimbangkan adalah senario sekarang, perogol-perogol bukan sahaja merogol malah membunuh dengan zalim atau menyebabkan mangsanya cedera dan meninggalkan kesan dari segi fizikal dan mental. Oleh yang demikian jumlah hukuman penjara yang lebih panjang tempohnya seperti yang diperuntukkan di bawah pindaan ini adalah wajar dan munasabah.

■ 1830

Tuan Yang di-Pertua, implikasi pemanjangan tempoh hukuman penjara akan menyebabkan beberapa perkara di antaranya, pihak kerajaan akan menanggung kos yang lebih tinggi untuk menanggung kos menyara banduan-banduan semasa menjalani hukuman penjara untuk tempoh yang semakin panjang iaitu dari 20 tahun kepada 30 tahun.

Kalau mengikut hukuman hudud, perogol ini patut direjam sampai mati, jadi tiada kos untuk menanggung pesalah-pesalah ini. Walau bagaimanapun, undang-undang kita telah menetapkan bahawa mereka ini di penjara dan dirotan. Justeru itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan sebelum banduan-banduan dipenjarakan selama 30 tahun, bagi tempoh tambahan selama 10 tahun ini hendaklah diisi dengan program-program:

- (i) boleh menyerikkan iaitu serik kepada banduan tersebut untuk masuk ke penjara; dan
- (ii) kerajaan perlu menyediakan program-program yang lebih berkesan dan efektif yang boleh menginsafkan dan memulihkan psikologi dan pegangan-pegangan agama pesalah-pesalah perogol.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ini adalah kerana kita sedia maklum bahawa perogol-perogol ini sebenarnya adalah pesakit-pesakit jiwa atau pesakit mental yang amat perlu dipulihkan sebelum dibenarkan bebas semula. Kita khuatir sekiranya pesalah-pesalah ini bebas dengan tiada keinsafan jiwa dan pemikiran mental yang positif, kes-kes rogol akan dilakukan semula oleh mereka. Di sini saya juga ingin bertanya kepada kerajaan sehingga kini, apakah statistik pesalah rogol yang berulang di negara ini, jika ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu Yang Berhormat sebentar kerana saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah perkara-perkara atau isi ucapan Yang Berhormat tadi pada pandangan Yang Berhormat Menteri ada kaitan dengan pindaan yang diminta? Kerelevanannya?

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerelevanannya. Tidak, seperti mana yang telah saya tegaskan awal-awal tadi ialah cadangan meminda akta yang telah pun diluluskan oleh Dewan ini juga, hanya dari segi teknikal sahaja, dari segi ejaan dan perkataan-perkataan yang terlupa dimasukkan, itu sahaja. Substantif Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat sedikit alih ucapan supaya lebih menepati masalah dihadapi dan kalau saya tak ganggu Yang Berhormat begini rupa nanti

ahli-ahli lain kata saya pilih kasih kerana saya selalu ganggu mereka. Silakan Yang Berhormat. Dengan perkataan substantif itu jadi ...

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan rang undang-undang ini saya fikir adalah telah cantik dan mempunyai asas keadilan di dalam perundangan kita iaitu hukuman yang setimpal kepada pesalah di mana akan memberi kepuasan kepada mangsa atau keluarga mangsa.

Namun begitu, sebelum saya menyokong pindaan ini, saya juga ingin mencelah sedikit mengenai proses undang-undang yang dilakukan semula dari kesalahan yang dilakukan dibawa kes ke mahkamah dan proses dijatuhkan hukuman. Mengapa saya berkata demikian, ini berlaku berdasarkan pengalaman saya sendiri disebabkan perbuatan rasuah yang tidak dapat dibendung oleh pihak berkuasa terutamanya di peringkat saksi, di dalam proses percaraan dan juga rasuah di kalangan pihak berkuasa sendiri, banyak kes-kes yang secara terang-terang salah boleh terlepas apabila dibawa ke mahkamah.

Bagaimanakah keadilan dapat dicapai? Di manakah hilangnya kedaulatan undang-undang yang kita Ahli Dewan meluluskannya di sini? Di manakah julangan slogan "Saya Anti Rasuah" anggota keselamatan kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar demi kedaulatan undang-undang dan maruah negara, pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan akan hanya menjadi sia-sia sekiranya perjalanan proses keadilan undang-undang ini dicemari dengan perbuatan rasuah oleh orang-orang yang sepatutnya mendaulatkannya.

Sekian Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah saya beri ruang untuk Yang Berhormat. Saya hendak menyatakan cukuplah saya beri ruang kepada Yang Berhormat untuk meluahkan kemarahan.

Yang Berhormat Menteri boleh menggulung.

### 6.35 ptg.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani yang telah bangun dan memberi banyak pandangan, tetapi pandangannya ialah berkaitan dengan insentif yang kita telah pun bahas dengan panjang lebar ketika undang-undang itu dikemukakan dalam Dewan ini.

Saya ingin hendak menjelaskan di sini kenapa berlakunya sedikit kesilapan dari segi teknikal kerana perkataan-perkataan seperti *with imprisonment* umpamanya telah terlupa dimasukkan dan juga koma dan perkara-perkara yang membuatkan timbulnya kecacatan undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu Yang Berhormat harus timbulkan tadi? Terima kasih Yang Berhormat, *volunteer* sendiri walaupun tidak dipertikaikan dan ditimbulkan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Oleh kerana undang-undang ini dimulakan ataupun digubal di dalam Dewan ini. Mula-mula di Dewan Rakyat selepas Jawatankuasa Pilihan Khas menjelajah ke seluruh negara, mendapat pandangan dan pendapat daripada orang ramai mengemukakan rang undang-undang itu yang digubal oleh Jawatankuasa ini dalam Dewan Rakyat di lulus dan dibawa ke Dewan Negara diluluskan. Kemudian dapat perakuan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan.

Selalunya dan kebiasaannya rang undang-undang seperti mana yang terdapat pada hari ini yang dibahas seperti Rang Undang-Undang Pasaran Modal, Rang Undang-Undang Keadilan, Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sebagainya. Rang undang-undang itu bermula di Jabatan Peguam Negara hasil daripada pemikiran ataupun jawatankuasa khas kementerian masing-masing dan membuat syor kepada Jabatan Peguam Negara. Jabatan Peguam Negaralah yang menggubal undang-undang itu dan mengemukakan kepada Dewan.

Sebaliknya undang-undang ini bermula daripada Dewan Rakyat sendiri. Oleh kerana itu, apabila dia diwartakan tetapi terdapat sedikit kesilapan. Maklum sahajalah

pegawai yang membantu jawatankuasa ialah dua orang sahaja kakitangan yang dipinjam daripada Jabatan Peguam Negara jadi terdapat sedikit kesilapan teknikal sahaja dan oleh kerana kesilapan itu mencacatkan undang-undang itu, kita takut mungkin interpretasinya salah ditafsirkan maka dibawa semula untuk diperbetulkan sahaja. Itu dia sahaja sebenarnya.

Oleh kerana dia mengandungi dua undang-undang maka sebentar lagi saya akan bangun sekali untuk meminda undang-undang yang satu lagi. Ada juga kecacatan yang terdapat dalam Undang-undang Tatacara Jenayah. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena ada drama sedikit kerana ini *law, law must be proclaimed with due solemnity*. Silakan.

■ 1840

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN)(PINDAAN) 2007

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.41ptg.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh huraikan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 telah ditubuhkan pada 20 Julai 2004 menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 54(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa tersebut telah pun membentangkan laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 pada 8 Mei 2006. Laporan tersebut mengandungi pandangan serta syor jawatankuasa mengenai peruntukan dalam kedua-dua rang undang-undang itu.

Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 September 2006 dan telah disiarkan dalam warta pada 5 Oktober



2006 sebagai Akta A 1274. Subseksyen 1(2) Akta itu memperuntukkan Akta itu akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Setakat ini seksyen 9, 20 dan perenggan 33 B, F,G dan H Akta itu telah mula berkuat kuasa pada 6 Mac 2007. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006. Ia mengandungi 10 fasal.

Fasal 1 memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan serentak dengan permulaan kuat kuasa Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 iaitu Akta A 1274.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2 Akta A 1274 untuk membetulkan kesilapan ejaan yang terdapat dalam takrif *useful offenders* dalam teks bahasa Inggeris.

Fasal 3 bertujuan untuk membetulkan kesilapan rujukan dalam seksyen yang hendak dipinda iaitu seksyen 372, 372(A), 372(B), 376, 376(B), 377(C), 377(C)(A), 377(C)(E) dimasukkan selepas seksyen 367 dan bukannya menggantikan seksyen 376, 376(C), 377(E).

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta Kanun Tatacara Jenayah 2006 untuk membetulkan sebutan mengenai *third schedule* dalam seksyen 20(A) Kanun Tatacara Jenayah kepada *fourth schedule* kerana jadual ketiga yang ada sekarang belum dipotong oleh Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2001.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta (A)1274 dengan menomborkan semula seksyen 28(A) Kanun Tatacara Jenayah kepada subseksyen untuk memudahkan rujukan dan untuk membetulkan tanda baca.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta A1274 untuk membetulkan penggunaan tanda baca noktah bagi seluruh subseksyen 107(3) Kanun Tatacara Jenayah.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta A1274 untuk memasukkan perenggan 32(I) dan (J) Akta Keterangan 1950 ke dalam subseksyen Kanun Tatacara Jenayah memandangkan perenggan itu dengan tidak sengaja tidak dimasukkan.

Fasal 8 bertujuan untuk memperkemas pengertian *service community* dalam subseksyen 293(1) dalam Kanun Tatacara Jenayah yang dipinda oleh 27 Akta A1274.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda perenggan 33E Akta A1274 untuk memasukkan perkataan *find off* yang tertinggal dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 225(B) dalam jadual pertama Akta 593 semasa penggantian denda dengan penalti baru.

Akhir sekali Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta A1274 untuk menggantikan *third schedule* dengan *fourth schedule* sebagai pindaan berbangkit kepada fasal 4.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk membetulkan peruntukan dalam Akta A1274 yang melibatkan tatacara substantif undang-undang jenayah yang boleh memberi implikasi yang wajar dielakkan. Tidak ada pindaan substantif dibuat melainkan dalam konteks dan skop yang disebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan Pindaan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dato' Yip Kum Fook.

**6.49 ptg.**

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana membuat pindaan rang undang-undang ini untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah atau ringkas CPC. Pada keseluruhannya adalah pintar dan bijak. Saya cuma ada sedikit pandangan dan teguran

mengharapkan kementerian dapat memberi sedikit pandangan. Pada seksyen 28(A) sebenarnya subseksyen 1 hingga 7 merupakan cadangan yang baik kerana khasnya kerana sekarang ini, orang yang kena tangkap itu boleh berhubung dengan saudara mara, rakan mengenai di mana mereka berada sekarang.

■1850

Kadang-kadang tidak tahu ke mana mereka dibawa. Ini satu langkah yang baik dan mereka dibenarkan untuk mempunyai perkhidmatan guaman. Sebenarnya subseksyen 1 hingga subseksyen 7 merupakan subseksyen yang baik dan harus menerima pujian tetapi saya khuatir subseksyen 8 yang ada mengikutnya mungkin akan disalahgunakan walaupun DSP sahaja yang boleh mengeluarkan perintah meniadakan kegunaan subseksyen 1 hingga 7.

Sebenarnya akta ini boleh lebih jelas dengan menyatakan semua *bailable case* iaitu kes-kes yang boleh diikat jamin seharusnya boleh menerima layanan subseksyen 1 hingga subseksyen 7 kerana kita sentiasa pun ada mendengar anak-anak guam menyatakan bahawa mereka sentiasa diberi teguran atau amaran oleh pegawai polis di balai polis sementara dalam tahanan supaya tidak memanggil atau mengupah peguam. Jika tidak, mereka tidak akan dibenarkan diikat jamin dan ditahan *under 117* dengan izin. Justeru itu, adalah baik sekiranya dapat memberi melalui Surat Pekeliling yang menyatakan bahawa semua *bailable case* dapat menggunakan subseksyen 1 hingga subseksyen 7. Justeru itu, adalah satu kenyataan bahawa tidak dapat dinafikan CPC ini lebih baik keseluruhannya daripada apa yang kita ada sekarang. Lantaran itu, saya sangat menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang, kemudian Yang Berhormat Tuan M. Munusamy dan kemudian Yang Berhormat Puan Heng.

6.52 ptg.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri atau ingin hendak meminta penerangan sedikitlah daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana boleh berlaku kesilapan-kesilapan ini yang sebenarnya kecil sahaja, tetapi mempunyai implikasi yang begitu besar walaupun telah dirangka oleh jawatankuasa yang ditubuhkan sepertimana yang telah dikatakan dan telah melalui dua Dewan yang besar. Sebenarnya Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana, Tuan Yang di-Pertua, satu Dewan itu...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...cuai juga?

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri begitu *courteous and* sangat berdiplomasi kerana tidak mengatakan kita pun termasuk cuai. Saya rasa bersalah dan tidak sanggup hendak tengok Yang Berhormat Menteri datang sekali lagi untuk buat pembedahan yang kecil. Saya menyeru kepada rakan-rakan untuk sama-sama lebih profesional sekali ini, walaupun *comma, full stop, dash* atau *in bracket*, kita kena kaji betul-betul. Kita tolonglah pihak yang berkenaan, Yang Berhormat Menteri dan Dewan ini supaya menubuhkan dan meluluskan undang-undang tanpa melalui kerengah yang ada. Sekian sahaja teguran kalau boleh diterimalah. Saya mengaku, saya pun ada silap. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat bermaksud kalau Dewan Negara cerewet sedikit, sabar-sabarlah juga. Adakah itu maksud Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Boleh dikatakan begitu juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya terima itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan M. Munusamy.

6.55 ptg.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ada satu permintaan untuk penjelasan sahaja berkenaan dengan pindaan seksyen 7, *rights of a person arrested*. Subseksyen 28 Perkara

(3), "Where the person arrested wishes to communicate or attempt to communicate with the persons referred to in paragraphs (2), the police officer shall, allow the arrested person to do so."

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006 apabila kita telah berbahas tentang perkara ini, saya pun telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan telah mengutarakan banyak pandangan-pandangan. Apabila perkara ini telah dibahaskan, kita telah berbahas berkenaan dengan *rights of the arrested person*, hak yang kena tangkap itu. Biasanya, orang yang kena tangkap, dia tidak tahu hak mereka dan mereka tidak akan minta kepada *police officer* untuk *contact the nearest relative* atau sesiapa.

Oleh itu, dalam perbahasan saya juga telah huraikan supaya kita perlu memasukkan bahawa *police officer* itu perlu bertanya kepada yang kena tangkap itu adakah mereka mahu *contact* sesiapa? Saya harap sekiranya tidak dimasukkan dalam pindaan, dalam amalan boleh juga dipraktikkan. Satu lagi perkara, "*For the legal practitioner to be present to meet the person arrested at his place of detention.*" Ini pun juga tidak dipraktikkan di kebanyakan tempat. Saya harap kementerian boleh menjadikan, mengarahkan atau memberi garis panduan kepada pegawai-pegawai polis yang melakukan tangkapan supaya perkara-perkara ini boleh diamalkan. Terima kasih. Dengan ini saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Akhir sekali Puan Heng.

**6.58 ptg.**

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan ini. Walau bagaimanapun, setelah diteliti dengan pindaan Fasal 1 hingga 10 yang berkenaan, didapati bahawa ia hanya sekadar pembetulan teknikal berhubung *clerical* dengan izin, untuk memurnikan rang undang-undang pindaan yang telah dibuat sebelum ini. Dengan ini syabas tetapi diharapkan perkara ini janganlah berulang lagi kerana ia akan membazirkan masa dan tenaga semua pihak. Biarlah perkara ini menjadi satu pengajaran kepada kita semua untuk penambahbaikan di masa hadapan. Maka dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semasa rang undang-undang ini dibentangkan dahulu, Yang Berhormat pun setuju ya?

**Puan Heng Seai Kie:** Ya, terima kasih. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya silakan Yang Berhormat untuk menjawab dan menggulung.

**6.59 ptg.**

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keempat-empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap. Walaupun dua daripada mereka telah pun menyentuh tentang substantif undang-undang itu yang telah pun dibahaskan begitu panjang semasa kita bentangkan undang-undang itu di Dewan yang mulia ini tahun sudah. Dua orang ini menegur tentang kesilapan dan bermakna kita mengambil perhatian apabila kita membahaskan undang-undang, kita tidak akan membuat kesilapan yang serupa sekali lagi.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa dalam sejarah negara kita yang merdeka 50 tahun pada tahun ini, semasa itulah hanya tiga kali sahaja kita tubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji rang undang-undang yang mana jawatankuasa itu menjelajah ke seluruh negara untuk mendengar pandangan dan pendapat daripada orang ramai dan saya telah pun dipertanggungjawabkan sebagai pengerusinya.

■1900

Selama dua tahun saya bersama-sama dengan enam orang lagi Ahli Yang Berhormat termasuk seorang pembangkang, kita menjelajah ke seluruh negara, bahkan kita pergi ke Australia dan New Zealand untuk mengkaji undang-undang di sana dan mengambil tahu tentang prosedurnya, tentang undang-undang jenayah yang bersangkutan paut dengan kesalahan-kesalahan seksual. Selepas kita membuat rumusan begitu lama, saya ingin

menjelaskan di sini begitu lama dan membuat mesyuarat tapisan demi tapisan, kita telah pun mendapatkan satu undang-undang ataupun dua undang-undang – sekarang ini Undang-undang Kanun Keseksaan dan Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah yang kita fikir begitu lengkap – maka kita bentangkan dalam Dewan.

Seperti mana yang telah saya terangkan tadi undang-undang itu digubal oleh Jawatankuasa Dewan Rakyat dan Jawatankuasa Dewan Negara ini juga. Berbeza dengan undang-undang yang lain yang selalunya dengan izin, *dioriginated* daripada Jabatan Peguam Negara. Jadi selepas kita telah meluluskan undang-undang dalam dua-dua Dewan ini, prosedurnya kita bentangkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat persetujuan Baginda. Apabila dipersetujui oleh Baginda, kita pun wartakan undang-undang itu.

Namun, dalam masa itu, pada lewat tahun lalu, kita dapati bahawa terdapat sedikit kesilapan. Maklum sahajalah seperti mana yang telah saya terangkan tadi kita hanya mempunyai dua orang pegawai undang-undang yang membantu jawatankuasa tadi itu. Walau bagaimanapun, mereka teliti dan saya ingin menjelaskan dan menegaskan di sini bahawa mereka bertungkus-lumus bekerja sehingga lewat malam, tiap-tiap malam untuk hendak menyiapkan undang-undang itu dan kita sebagai jawatankuasa mengkaji semula, melihat dan kita berasa yakin bahawa itulah undang-undang yang terbaik sekali.

Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Yip tadi itu, dia memuji undang-undang ini. Memang kita dapat pujian di merata tempat dan ramai orang yang telah mengambil bahagian memberikan pandangan dan pendapat kepada jawatankuasa itu menunggu-nunggu bilakah undang-undang ini akan dilaksanakan. Apabila hendak dilaksanakan, terdapat sedikit sebanyak, orang kata kesilapan dan seperti mana Yang Berhormat Dato' Haji Idris Buang mencadangkan, kita berjanjilah sekali lagi kita sama-sama bertanggungjawab memastikannya.

Walaupun bagaimanapun, kita manusia biasa. Ejaan kadang-kadang *typing error*, dia tersilap, tidak sengaja tidak termasuk dua, tiga perkataan dan apabila kita kaji semula, mungkin kecacatan itu untuk mendapatkan satu penterjemahan yang berlainan sedikit. Oleh kerana itulah kita bawa semula. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa selepas kita lulus undang-undang ini dan sekali lagi mendapat persetujuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan sekali lagi, tidak bermakna dengan izin, *you have a perfect law*, sebab undang-undang ini belum dipraktikkan lagi.

Jadi apabila dipraktikkan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Yip, pertama kali kita bagi hak kepada seseorang yang ditangkap untuk menghubungi keluarga ataupun menghubungi peguam dia, seksyen 117, kita pinda semula dan berbagai-bagai lagi peraturan-peraturan seperti mana yang Yang Berhormat semua sedia maklum yang dibahaskan dengan panjang lebar yang kita masuk cara baru, banyak perkara yang baru dan belum lagi diuji.

Kemungkinan besar apabila telah dipraktikkan, mungkin setahun, mungkin dua tahun, kita dapati bahawa ada kelemahan-kelemahannya dari segi praktikalnya, maka terpaksa undang-undang itu mungkin dibawa semula ke Dewan ini untuk dipinda secara substantifnya. Janganlah pula apabila kita bawa semula, Yang Berhormat pula bangun katakan kenapakah ini berlaku. *That is natural*, dengan izin, undang-undang apabila kita buat dari semasa ke semasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna Yang Berhormat, ada *good law*, *bad law* but *hard to find perfect law*.

**Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Biarlah kita semua tersipu-sipu asalkan undang-undang itu syumul dan luhur.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana berjaya memandu rang undang-undang ini. [*Tepuk*] Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasakan bertuah kerana dapat berbangga dengan Yang Berhormat di atas prestasi Dewan Negara dalam sidang ini. Saya ucapkan terima kasih. [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.08 malam.***